

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 8

Rabu

21 Julai 2004

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH:

- Yang Berhormat Tuan Sinniah a/l Raju
- Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae (Halaman 1)

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU (Halaman 1)

MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN (Halaman 1)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- Memperkenankan Akta-akta (Halaman 2)
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Halaman 2)

URUSAN MESYUARAT (Halaman 3)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 3)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Fi (Taman Laut Malaysia)(Pindaan) 2004 (Halaman 30)
- Rang Undang-undang Racun Makhluk Perosak (Pindaan) 2004 (Halaman 69)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 21 Julai 2004

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

1. Y.B. Tuan Sinniah a/l Raju
2. Y.B. Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan tahniah di atas pelantikan semula Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai Ahli Dewan Negara. Di antara cabaran murni di hadapan Yang Berhormat ialah untuk membantu Dewan Negara menyerlahkan kesungguhan kerajaan selaku pemerintah, mendukung prinsip-prinsip ketelusan dan *accountability*. Saya mempunyai harapan yang tinggi Yang Berhormat akan menghadapi cabaran ini dengan jaya lagi cemerlangnya. Terima kasih.

MENGANGKAT SUMPAAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Petua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini, iaitu Ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat Sumpah di Kamar Yang di-Pertua Dewan Negara mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut, pada 28 Jun 2004 - Y.B. Dato' Sri Empiang Jabu

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini, iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 2004;
2. Akta Insurans Luar Pesisir (Pindaan) 2004;
3. Akta Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2004;
4. Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pindaan) 2004;
5. Akta Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004;
6. Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004; dan
7. Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

“20 Julai 2004

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya.

1. Rang Undang-undang Fi (Taman Laut Malaysia) (Pengesahan) 2004;
2. Rang Undang-undang Racun Makhluk Perosak (Pindaan) 2004;

3. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (Pindaan) 2004; dan
4. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004;

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”.

URUSAN MESYUARAT

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiga di mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Hamzah bin Zainudin** minta Perdana Menteri menyatakan pihak manakah yang mempunyai kuasa untuk memberi pengiktirafan kepada universiti-universiti di luar negara dan adakah pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menghubungi pihak tersebut sebelum seseorang pelajar ditaja untuk melanjutkan pelajaran bagi memastikan masalah pengiktirafan tidak berlaku setelah pelajar tersebut tamat pengajian.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua, pengiktirafan terhadap sesuatu kelayakan daripada universiti di dalam dan di luar negara adalah di bawah tanggungjawab dan kuasa Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTPPK). JTPPK ini ditubuhkan oleh Jemaah Menteri pada 10 Oktober 1972 yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi, dahulunya Menteri Pendidikan.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) adalah urusetia kepada Jawatankuasa ini. Selaku urusetia, JPA bertindak sebagai setiausaha kepada semua mesyuarat JTPPK dan jawatankuasa-jawatankuasa kecil yang ditubuhkan di bawahnya. JPA juga mendokumenkan semua kelayakan yang telah diiktiraf oleh JTPPK dalam bentuk buku

dan laman *web* untuk dirujukkan pelbagai pihak termasuk pihak-pihak berkuasa melantik para pelajar dan agensi-agensi kerajaan yang memberi penajaan.

Pada prinsipnya penempatan pelajar-pelajar adalah berdasarkan kepada kelayakan universiti yang diiktiraf oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, adalah tidak dinafikan terdapat sebilangan kecil pelajar yang telah ditempatkan di universiti yang kelayakannya belum diiktiraf khususnya di bawah Peraturan Persefahaman Kerajaan Dengan Kerajaan. Biasanya di bawah peraturan sedemikian, penempatan adalah dibuat oleh pihak kerajaan negara berkenaan dan kemungkinan pelajar-pelajar itu ditempatkan di universiti yang masih belum diiktiraf. Sekiranya keadaan ini berlaku JPA akan mengusahakan satu proses penilaian dibuat dan seterusnya mendapat perakuan jawatankuasa kecil yang berkenaan untuk pertimbangan dan pengiktirafan oleh JTPPK.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' Mohd. Johari bin Baharum yang telah menjawab soalan saya tadi. Walau bagaimanapun, ada satu soalan tambahan tentang cara proses penilaian yang telah pun dibuat seperti jawapan Dato' Johari. Adakah dalam proses penilaian bagi sesuatu kelayakan profesional sama ada di dalam atau luar negara, turut melibatkan badan-badan profesional bagi mengelakkan percanggahan dalam pengiktirafan di mana ada kelayakan yang diiktiraf oleh kerajaan, tetapi tidak diterima oleh badan profesional. Terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Di dalam menjalankan penilaian bagi sesuatu kelayakan profesional, wakil-wakil daripada badan profesional yang berkenaan, turut dilibatkan bersama dengan pegawai-pegawai daripada kementerian, jabatan yang berkenaan dan dekan fakulti institusi pengajian tinggi awam yang terpilih mengikut kepakaran masing-masing. Penentuan dari hasil lawatan penilaian akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kecil yang berkenaan dan badan profesional berkenaan. Kelayakan yang diperakukan oleh Jawatankuasa Kecil dan badan profesional akan diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTPPK). Dengan ini, pengiktirafan oleh JTPPK akan diselaraskan dan tidak bercanggah dengan keputusan yang dibuat oleh badan-badan profesional sebelum itu.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan mungkin ada juga beberapa pelajar yang akan balik nanti yang

sedang belajar di institusi-institusi yang belum diberi pengiktirafan itu, adakah kerajaan akan mencadangkan sama ada memberi pengiktirafan sebaik sahaja mereka balik ataupun membebaskan pelajar-pelajar ini supaya bebas bekerja dengan mana-mana tempat, dengan mana-mana pihak majikan tanpa apa syarat-syarat dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Bagi pelajar-pelajar yang pulang dari luar negeri yang mengikuti kursus-kursus yang tidak diiktiraf oleh kerajaan, contohnya macam doktor dari Jepun. Kita ada mengadakan beberapa syarat. Umpamanya, yang balik dari Jepun yang mengikuti kursus yang belum diiktiraf, kita mengadakan kursus-kursus klinikal di beberapa universiti di negara ini, umpamanya, di Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna, bila tidak selaras sekalipun, ada *remedynyalah*.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Ya, ada. Jadi, bagi yang lain-lain itu, bergantunglah kepada syarikat-syarikat swasta yang *mengemploy* merekalah. Jadi, kalau sekiranya ada syarikat-syarikat swasta yang memerlukan tenaga ini, kerajaan tidak ada pecahan-pecahan.

Tuan Yang di-Pertua: Fasal isu ini menarik minat banyak pemerhati muda yang ada di dalam Dewan ini.

2. **Datuk William Lau Kung Hui** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada tekanan yang dihadapi oleh Ringgit berbanding Euro dan Dollar Australia sejak enam bulan lalu akibat dari penggantungan mata wang kita kepada Tambatan Ringgit kepada Dollar US dan adakah keadaan ini akan menjejaskan kestabilan ekonomi negara. Apakah kementerian mempunyai sebarang perancangan untuk memansuhkan Tambatan Ringgit atau menilainya semula.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, Ringgit tidaklah menghadapi tekanan berbanding dengan Euro dan Dollar Australia sejak enam bulan lalu akibat daripada Tambatan Ringgit kepada Dollar Amerika seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat. Pada tempoh enam bulan pertama tahun 2004, nilai Ringgit telah meningkat sedikit iaitu sebanyak empat peratus berbanding dengan wang Euro dan sebanyak sembilan peratus berbanding dengan Dollar Australia. Tambatan Ringgit tidak juga menjejaskan kestabilan ekonomi negara. Sebaliknya, sejak diperkenalkan pada 2 September 1998, Tambatan Ringgit

telah dan terus memberi manfaat kepada negara dari segi menyediakan persekitaran yang lebih pasti dan stabil untuk menyokong kegiatan ekonomi yang seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Di samping itu, Tambatan Ringgit terus disokong oleh asas ekonomi yang kukuh seperti kadar inflasi yang rendah, rizab antarabangsa yang meningkat, lebihan akaun semasa yang berterusan dan sistem perbankan yang teguh. Dalam pada itu, *volatility* kadar pertukaran mata wang asing di pasaran mata wang antarabangsa juga jelas membuktikan kelebihan kadar pertukaran tetap untuk ekonomi yang kecil dan terbuka seperti Malaysia, di mana perdagangan luar melebihi 200% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar. Oleh itu, buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula Dasar Tambatan Ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kerajaan akan sentiasa memantau perkembangan pasaran pertukaran mata wang antarabangsa untuk memastikan Tambatan Ringgit tidak dengan izin, *glossary miss the line* dengan mata wang utama dan serantau yang lain serta terus disokong oleh asas ekonomi yang kukuh. Terima kasih.

3. **Tuan Saravanan a/l Murugan** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna menyatakan apakah pelan tindakan yang diambil oleh pihak kementerian untuk syarikat-syarikat pengeluaran tempatan yang menghadapi kerugian besar akibat kenaikan harga besi dalam masa setahun yang lalu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, industri perniagaan besi keluli telah mula beroperasi di negara kita sejak lebih 30 tahun dahulu. Maka pihak industri seharusnya arif berhubung perancangan strategik perniagaan melibatkan industri besi keluli bagi menentukan bahawa mereka tidak mengalami kerugian tetapi sebaliknya mencapai sasaran untuk memperoleh hasil pulangan yang menguntungkan. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, percaya dalam tempoh profesi selama 30 tahun ini, syarikat-syarikat pengeluar tempatan mampu ataupun dapat membuat keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada syarikat-syarikat pengeluar tempatan yang mengalami kerugian dalam tempoh setahun yang lalu, mereka perlu mengambil langkah proaktif untuk mengkaji dan membuat penyusunan semula atau merangka

pelan strategik perniagaan baru yang lebih baik agar keputusan urusan perniagaan yang diambil berupaya mengatasi masalah kerugian yang dialami daripada berterusan. Pihak kerajaan sentiasa bersedia untuk berbincang dengan syarikat-syarikat pengeluar tempatan tetapi, mereka diseru agar tidak selalu mengharap dan bergantung kepada bantuan daripada pihak kerajaan, apabila perusahaan mereka menghadapi kesulitan.

Walau bagaimanapun, untuk menggalakkan penubuhan industri tempatan bagi menjana aktiviti perdagangan dalam negeri, maka syarikat-syarikat pengeluar tempatan dinasihatkan supaya merujuk kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan agensi-agensi di bawahnya seperti MIDA dan SMIDEC. Sekian, terima kasih.

Tuan Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon pihak kementerian untuk memberitahu berapakah jumlah syarikat pengeluar besi dalam negara ini sebagai *raw material*. Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, syarikat pengilang di negara kita ada lima iaitu:

- (i) M Steel;
- (ii) Antara Steel;
- (iii) Malayawata;
- (iv) Southern Steel; dan
- (v) Malaysia Steel Works

PERWAJA mungkin akan beroperasi pada masa yang terdekat ini. Sekian, terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah langkah jangka panjang yang dibuat oleh kerajaan bagi mengawal kenaikan harga produk yang berasaskan besi di masa akan datang?

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan memang peka tentang perkara ini. Untuk menaikkan ataupun tidak, sebenarnya ia bergantung kepada pasaran antarabangsa. Jadi, misalnya pada Mei 2004 ini, kerajaan telah pun mengumumkan kenaikan harga besi keluli. Ia adalah kerana pasaran antarabangsa meningkat begitu mendadak. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa memantau keadaan. Misalnya, pada bulan Februari tahun 2004, harga telah pun mula menurun di pasaran antarabangsa dari USD340 setan metrik kepada USD203 setan metrik. Maka, dengan keadaan perubahan harga antarabangsa, kerajaan sentiasa

memantau dan apabila perlu, naik atau turun kita akan buat keputusan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sikap, pendekatan dan dasar pemerintah dalam perkara ini adalah jelas.

4. **Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa kementerian tidak mengambil inisiatif untuk memindahkan pesakit kronik yang ditempatkan di hospital swasta ke hospital kerajaan, terutamanya bagi kes-kes yang memerlukan kos rawatan yang tinggi dan keluarga pesakit tidak mampu membiayai kos rawatan tersebut di hospital swasta.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya pesakit kronik yang menjalani rawatan di hospital swasta ingin meneruskan rawatan di hospital tersebut, pihak Kementerian Kesihatan tidak berkuasa menghalang kehendak mereka. Kementerian Kesihatan akan memberikan perkhidmatan kepada pesakit kronik tersebut sekiranya mereka ingin mendapatkan rawatan di hospital kerajaan dan rawatan yang diperlukan sedia ada di hospital kerajaan. Sekian, terima kasih.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah hospital kerajaan tidak mempunyai cukup kepakaran ataupun masa menunggu yang lama, yang menyebabkan orang ramai membuat rawatan di hospital swasta walaupun pesakit tidak mampu membiayai kos rawatan. Terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Kementerian Kesihatan memang mengambil berat tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Yang berkaitan dengan masa menunggu ini, kita telah menubuhkan satu jawatankuasa di mana kita akan mengambil maklum balas dari semua bahagian atau organisasi terutamanya MAA dan juga pihak pengguna supaya kita dapat mewujudkan satu sistem atau mengemaskinikan sistem yang sedia ada supaya kita dapat mengurangkan masa menunggu yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Ismail bin Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kenapakah pihak kerajaan tidak mengambil langkah segera untuk menerangkan kepada umum fakta sebenar bahawa kematian beberapa kes penyakit kronik kebelakangan ini, bukan berpunca daripada kerenah birokrasi kerajaan untuk

mengelakkan salah tanggapan ataupun ianya menjadi polemik yang begitu hebat di kalangan masyarakat. Terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan ini, kerajaan sentiasa mengambil peranan untuk menerangkan kejadian ini. Tetapi, kadang-kadang barangkali yang dilaporkan itu tidak seperti yang berlakulah, *the actual fact*. Berkaitan dengan beberapa kes yang berlaku, yang dilaporkan di surat khabar, yang mengatakan kematian itu adalah disebabkan oleh birokrasi ini, itu tidak betul dan tidak tepatlah. Kementerian Kesihatan telah mengeluarkan beberapa penerangan di surat khabar mahupun di Dewan Rakyat dan diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri dan sebagainya. Kita akan teruskan usaha kita untuk meningkatkan *public relation* kita supaya untuk masa yang akan datang, berkaitan dengan perkara-perkara seperti ini, kita akan dapat menerangkan dengan lebih cepat dan lebih terang lagi kepada masyarakat. Sekian, terima kasih.

5. **Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah langkah-langkah komprehensif yang telah dan akan diambil oleh pihak kementerian bagi mengatasi import bahan makanan yang begitu tinggi di negara kita.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, banyak bahan makanan yang diimport oleh Malaysia merupakan produk yang tidak dapat dihasilkan atau tidak ekonomik untuk dihasilkan dalam negara seperti buah-buahan iklim sejuk, tepung, gula, gandum, produk-produk tenusu, makanan ternakan dan sebagainya. Oleh yang demikian, bahan makanan ini masih perlu diimport bagi memenuhi keperluan dan permintaan pengguna atau diproses bagi tujuan eksport.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, kementerian telah melaksanakan berbagai-bagai usaha untuk mengurangkan eksport makanan melalui strategi peningkatan pengeluaran makanan tempatan dan juga meningkatkan eksport hasil pertanian dengan tujuan mengurangkan defisit dalam imbalan perdagangan dan makanan. Dalam usaha untuk menggalakkan pengeluaran makanan, kementerian telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- i. menggalakkan kerajaan negeri untuk memperuntukkan lebih banyak kawasan bagi pengeluaran makanan di bawah Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan.
- ii. menggalakkan sektor swasta supaya melabur dalam sektor pengeluaran makanan dan insentif yang khas telah disediakan oleh kerajaan,
- iii. mewujudkan zon-zon tambahan tanaman, akuakultur dan ternakan khusus bagi pengeluaran makanan,
- iv. mempergiatkan aktiviti penyelidikan untuk meningkatkan produktiviti hasil sektor pertanian,
- v. meningkatkan infrastruktur pemasaran seperti kemudahan pengumpulan dan pengedaran di kawasan pengeluaran, meningkatkan risikan pasaran untuk petani dan untuk menggalakkan eksport buah-buahan tempatan.

Sekian, terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, negara manakah yang menjadi pengeksporth utama makanan ke negara kita dan setakat ini apakah usaha yang telah dibuat oleh kerajaan supaya kita mendapat bekalan makanan import yang segar ataupun kita menyediakan makanan yang segar bagi penduduk negara kita. Sejauh manakah usaha yang telah dibuat supaya rakyat kita mendapat bekalan yang sihat untuk menjadi rakyat yang cergas. Terima kasih.

Dato' Seri Kerk Choo Ting: Eksport bahan makanan Malaysia ke negara-negara seperti berikut:

- i. Singapura berjumlah lebih kurang RM2 bilion dalam tahun 2003,
- ii. Indonesia RM700 juta,
- iii. Amerika Syarikat RM0.5 bilion,
- iv. Netherlands RM400 juta, dan
- v. Jepun RM400 juta.

Itulah paling besar sekali negara-negara yang kita mengeksportkan bahan-bahan Malaysia ke negara-negara itu. Macam mana kita dapat

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tanya tadi eksport atau import?

Puan Siti Zailah bint Mohd. Yusof: Import.

Tuan Yang di-Pertua: Import.

Dato' Seri Kerk Choo Ting: Import. Import yang terbesar sekali adalah:

- i. People Republic of China RM2 bilion,
- ii. Thailand RM1.8 bilion,
- iii. Australia RM1.7 bilion,
- iv. Indonesia RM1.4 bilion, dan
- v. India RM800 juta dan sebagainya.

Jadi, macam mana kita hendak mengurangkan? Negara China kebanyakan adalah makanan ternakan yang kita import yang tidak dapat kita hasilkan di sini. Kita sedang mencari apa-apa makanan ternakan yang alternatif yang boleh menggantikan itu. Salah satu ialah kita mungkin tanam *tapioca* atau ubi kayu. Terima kasih.

Tuan Lim Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. soalan tambahan saya, memandangkan begitu tinggi import makanan, adakah kementerian menilai risiko pembekalan makanan jikalau berlaku peperangan dan apakah penyediaan kementerian untuk menurunkan risiko itu? Terima kasih.

Dato' Seri Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita tidak ada risiko makanan sebab keluaran yang kita masih import yang pertama itu adalah beras. Tetapi Malaysia ada satu rancangan untuk menambahkan keluaran beras hingga 10 tan sehektar semusim. Kalau tidak sampai 10 tan sehektar semusim, kalau kita tambahkan satu dua tan pada satu hektar setiap satu musim, ini sudah cukup membekalkan semua beras kepada Malaysia. Jadi, pada anggapan saya tidak ada risiko makanan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang terjejas pun kalau ada bencana kemewahan atau *shark fin soup*. [Ketawa] [Dewan riuh]

6. Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh kementerian bagi menghalang lebih ramai wanita Melayu menjadi GRO yang bekerja di pusat-pusat hiburan dan apakah tindakan kementerian bagi membantu mereka dari terus menceburkan diri di dalam profesion tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon keizinan Dewan yang mulia ini bagi menjawab sekali gus soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid pada 21 Julai, Yang Berhormat Puan Mariah binti Haji Abdullah pada 27 Julai, Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusof pada 27 Julai dan Yang Berhormat Datuk Ratnam a/l Muthiah pada 29 Julai kerana soalan-soalan tersebut berkaitan tentang isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Puan Chew Mei Fun: Tuan Yang di-Pertua, usaha menangani gejala akhlak di kalangan gadis yang menjadi Pegawai Khidmat Pelanggan atau GRO di pusat-pusat hiburan memerlukan pendekatan kerjasama bersepadu di antara agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dan NGO.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menggunakan pendekatan pencegahan, *intervency* dan pemulihan dalam menangani masalah penglibatan gadis-gadis di bawah umur 18 tahun dalam aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral. Berdasarkan Akta Kanak-kanak 2001 bagi gadis yang terlibat dengan kegiatan tidak bermoral ataupun yang terdedah kepada bahaya keruntuhan moral ini akan diperintahkan oleh mahkamah menjalani pemulihan di institusi pemulihan bagi tempoh 1 hingga 3 tahun.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak mempunyai perangkaan mengenai gadis Kelantan yang menjadi GRO di Lembah Klang. Oleh itu kementerian tidak dapat menentukan kesahihan kenyataan yang menyatakan terdapat 13,000 gadis Kelantan yang menjadi GRO di Lembah Klang. Melalui maklumat yang diperolehi dari gadis bawah 18 tahun yang diletakkan di bawah pusat-pusat pemulihan JKMM terdapat beberapa faktor berlakunya fenomena ini. Antaranya ialah:

- i. perpecahan dan kelemahan institusi keluarga menyebabkan gadis-gadis ketandusan kasih sayang ibu bapa lalu mencari jalan keluar dari kemelut tersebut dengan cara yang tidak sihat seperti lari dari rumah dan akhirnya terpengaruh dan terjebak dengan kegiatan yang tidak sihat,

- ii. kurang pengetahuan dan persediaan dalam menghadapi cabaran di tempat baru dan bagaimana cara hendak menangkis gejala dan pengaruh negatif yang menunggu mereka,
- iii. ingin mencari jalan mudah untuk mendapatkan punca pendapatan,
- iv. kurang ajaran agama dan nilai-nilai serta etika dan terlalu rapuh pegangan hidup menyebabkan mereka tidak mempunyai hala tuju penghidupan.

Sekian, terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammed: *[Bangun]*

Tuan Saravanan a/l Murugan: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Saravanan. Minta maaf Datuk Yaakob. Sila duduk.

Tuan Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak kementerian sedar wanita-wanita yang diabaikan oleh suaminya juga turut memilih jalan untuk mencari pendapatan untuk membiayai keluarga mereka. Apakah rancangan atau tindakan kementerian untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Untuk wanita-wanita yang tidak dijaga atau diabaikan oleh suami-suami mereka, kementerian kita ini ada menjalankan banyak kursus-kursus untuk kemahiran supaya kita dapat memberi bantuan kepada mereka untuk berdikari. Selain daripada itu, dengan kerjasama dengan persatuan-persatuan NGO, kita juga menyediakan kursus-kursus dan juga di bawah Kementerian Usahawan dan Kementerian Luar Bandar juga ada skim-skim tertentu untuk membantu mereka memulakan atau mengadakan perniagaan mereka sendiri.

Datuk Yaakob bin Haji. Mohammed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah pandangan dan penilaian Yang Berhormat mengenai profesion GRO yang kadang-kadang dipandang negatif oleh sesetengah masyarakat kita dan apakah profesion ini dapat mengatasi masalah pengangguran dan boleh membantu menjana ekonomi negara. Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Sebenarnya kalau kita anggap GRO ini sebagai suatu pekerjaan, dia bukan

Tuan Yang di-Pertua: Sebab di lobi hotel pun ada GRO.

Puan Chew Mei Fun: Ya, masalahnya kerana GRO ini sekarang dia ada satu persepsi yang buruk yang negatif dan juga kebanyakan mereka terlibat dalam kegiatan

yang tidak bermoral. Oleh itu saya suka mencadangkan kalau GRO ini betul-betul untuk menjalankan satu kerja yang bermoral yang tidak terlibat dalam kegiatan, mungkin boleh kita tukarkan nama GRO ini. Kita juga haraplah gadis-gadis dan wanita tidak terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang tidak bermoral ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Garis pemisahannya ialah jangan sentuhlah. Kalau tak sentuh, bebas [*Dewan riuh*]

7. **Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan rancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi masalah jerebu.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan S.G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan No. 26 daripada Yang Berhormat Tuan Wan Nordin bin Che Murad pada hari ini dan juga soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Hasan bin Haji Shukri bertarikh 22 Julai 2004, soalan daripada Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan bertarikh 26 Julai 2004 dan Yang Berhormat Datuk Dr. S. Vijayarajam bertarikh 29 Julai 2004 yang kesemuanya menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, kejadian jerebu yang berlaku dalam negara berpunca dari dua sumber:

- i. akibat daripada aktiviti-aktiviti tempatan seperti pelepasan kenderaan, pembakaran terbuka dari aktiviti pertanian dan juga dari industri,
- ii. aktiviti pembakaran tanah dan hutan daripada negara jiran.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengambil pelbagai jenis tindakan meliputi pelbagai pendekatan. Apabila musim panas dan kering akan bermula, kementerian akan menggerakkan Jawatankuasa Induk Jerebu Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar bagi menyemak persediaan yang diambil oleh agensi-agensi utama kerajaan yang terlibat di dalam mengesan, mengawal, mencegah dan memadam pembakaran terbuka ataupun pembakaran hutan yang boleh menyebabkan jerebu.

Persiapan-persiapan ini diambil berdasarkan pelan-pelan tindakan yang telah dipersetujui seperti Pelan Induk Jerebu Kebangsaan, Peraturan Tetap Operasi

Kendalian Bencana Kebakaran Hutan ataupun Pembakaran Terbuka dan Jerebu dan Pelan Tindakan Mencegah Kebakaran.

Di antara langkah-langkah yang telah digerakkan termasuklah meningkatkan pemantauan kejadian pembakaran terbuka. Rangkaian komunikasi telah dikemaskan, program pendidikan dan kesedaran dipertingkatkan di samping mengukuhkan hubungan dengan penduduk setempat di semua negeri. Kawasan-kawasan yang sering terbakar telah dipetakan dan kekerapan rondaan melalui udara dan darat dipertingkatkan.

Bagi menampakkan keberkesanan aktiviti-aktiviti pencegahan sedemikian, kementerian juga telah meningkatkan kadar denda bagi kesalahan pembakaran terbuka sehingga RM500,000 dan penjara sehingga 5 tahun. Di samping itu perintah kualiti alam sekeliling (aktiviti yang diisytiharkan) pembakaran terbuka 2003 telah digubal untuk melarang aktiviti pembakaran terbuka di kawasan dalam lingkungan 30 kilometer jejari di sekitar KLIA.

Seperti yang dinyatakan pada mulanya kejadian jerebu juga berpunca dari kejadian kebakaran hutan dan tanah yang berlaku di negara jiran pula. Masalah kejadian jerebu merentasi sempadan ini adalah masalah yang rumit dan perlu ditangani dengan berhati-hati kerana ia melibatkan hubungan dengan negara ASEAN.

Dalam hal ini pelbagai forum telah diwujudkan untuk menangani jerebu di peringkat serantau, umpamanya Pasukan Petugas Teknikal mengenai jerebu yang sering bermesyuarat untuk menyelaraskan untuk mengambil tindakan bersepadu. Berbagai-bagai seminar dan bengkel telah diadakan bagi meningkatkan keupayaan pihak berkuasa di negara-negara ASEAN untuk menangani kejadian kebakaran tanah dan hutan.

Malaysia juga kerap memberikan bantuan kepakaran dalam melaksanakan dasar pembakaran sifar ataupun pembakaran terkawal di kawasan perladangan terutama ladang kelapa sawit. Bagi memperkasa tindakan serantau, satu perjanjian iaitu *ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution* telah diwujudkan untuk memastikan tindakan pada masa hadapan di dalam menangani masalah jerebu diambil dengan lebih teratur.

Sehingga kini enam buah negara iaitu Malaysia, Singapura, Brunei Darul Salam, Thailand, Vietnam dan Myanmar telah meratifikasikan perjanjian yang telah berkuat kuasa pada 25 November 2003.

Berhubung dengan usaha pembenihan awan pula ianya dijalankan oleh Jabatan Kaji Cuaca di bawah Kementerian Sains dan Teknologi dan Inovasi. Operasi ini memerlukan perbelanjaan yang tinggi dan menghasilkan peratusan kejayaan yang agak rendah bergantung kepada kewujudan jenis awan yang sesuai untuk dilakukan pembenihan. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Pembakaran jerami padi di kawasan-kawasan sawah padi yang luas seperti Kedah, Perlis, Parit Buntar, Bagan Serai, Tanjong Karang, Sabak Bernam dan lain-lain dianggap sebagai pembakaran terbuka. Jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian?

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, pembakaran jerami padi oleh pesawah-pesawah kecil memang dibenarkan pada masa keadaan alam sekitar mengizinkan, tetapi apabila *Air Pollution Index* meningkat ke satu tahap melebihi daripada 100, maka kita akan mengisytiharkan bahawa pembakaran terbuka seumpama itu walaupun dibenarkan pada masa-masa lain, tetapi pada waktu-waktu tertentu apabila ia diisytiharkan, maka ianya tidak dibenarkan. Jadi, ianya adalah satu aktiviti yang terkawal bergantung pada keadaan.

8. **Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan adakah kementerian bercadang tidak membenarkan penyiaran rancangan berbentuk hiburan gusti (*wrestling*) yang ke udara melalui TV3 disiarkan untuk tontonan umum kerana ia boleh mempengaruhi dan memberi kesan kepada penonton khususnya golongan remaja.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 8, tetapi saya kurang pasti kerana jawapannya oleh Menteri Tenaga Air, dan Komunikasi. Soalan saya, Kementerian Penerangan yang patut jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bidang kuasa Jabatan.....

Timbalan Menteri Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya berikan penjelasan sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh jawab bagi pihak kerajaan sebab kita ada hanya satu pemerintah. Silakan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih. Sebenarnya lesen TV3 ini dikeluarkan oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa...

Tuan Yang di-Pertua: Kawalan penyiaran adalah di bawah bidang kuasa?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Di bawah kuasa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terletak di bawah kementerian ini, terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kementerian tidak bercadang untuk memberhentikan program berbentuk hiburan gusti, *wrestling* yang disiarkan oleh TV3. Walau bagaimanapun, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) akan sentiasa memantau program ini untuk memastikan ianya mematuhi garis panduan-garis panduan siaran yang sedia ada.

Pada masa sekarang, program gusti ini disiarkan selepas jam 11.00 malam dan diklasifikasikan 18 SG, iaitu rancangan yang mengandungi unsur-unsur ganas atau seram yang tidak keterlaluan. Berdasarkan klasifikasi tersebut rancangan yang dipersoalkan itu adalah sesuai untuk tontonan 18 tahun ke atas.

Untuk makluman, semua rancangan yang disiarkan oleh stesen-stesen penyiaran swasta adalah tertakluk kepada garis panduan penyiaran yang disediakan oleh Kementerian Penerangan dan diterima pakai oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Di samping itu penyiar juga adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Penapisan Filem 1952, Akta Finas 1981 serta garis panduan penyiaran dan kod pengiklanan. Kesemua kandungan atau bahan siaran televisyen dengan izin, *Terrestrial Free-to-Air* melainkan siaran langsung dan siaran tertunda adalah ditapis oleh Lembaga Penapisan Filem sebelum ianya disiarkan. Terima kasih.

Puan Wan Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih. Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian membuat apa-apa kajian mengenai dengan berapakah jumlah SMS yang dibelanjakan oleh penonton-penonton rancangan hiburan yang kebanyakannya terdiri daripada para remaja yang menonton rancangan-rancangan seperti Akademi Fantasia, *Malaysian Idol*, Hiburan Malam Ini dan sebagainya yang meminta mereka untuk menghantar SMS? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat telah memperluaskan sedikit soalan asal, saya pulangkan kepada Yang Berhormat sekiranya hendak menjawab.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Saya tidak mempunyai keterangan-keterangan berhubung dengan SMS ini, kerana soalan ini agak terkeluar sebagaimana yang dinyatakan oleh Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

9. **Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah langkah terbaik bagi menyekat atau mengawal lebih ramai pendatang tanpa izin yang dianggarkan 1.2 juta di Malaysia yang banyak mengancam keselamatan negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memandang serius terhadap kemasukan pendatang tanpa izin yang ramai ke negara ini. Antara langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi menangani masalah ini ialah meminda Akta Imigresen 1959/63 pada tahun 2002 yang berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2002.

Pindaan akta ini membolehkan kerajaan mengenakan hukuman yang lebih berat termasuk hukuman sebat rotan terhadap kesalahan yang berkaitan dengan pendatang tanpa izin termasuk pihak yang menggaji atau melindungi pendatang tanpa izin.

Tindakan penguatkuasaan juga sentiasa dilakukan dari masa ke semasa oleh agensi-agensi penguat kuasa seperti Polis Diraja Malaysia dan juga Jabatan Imigresen Malaysia. Bagi membantu Jabatan Imigresen Malaysia melaksanakan tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Imigresen dengan berkesan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah memberikan kuasa kepada seramai 212 orang pegawai-pegawai Rela di peringkat ibu pejabat, negeri dan daerah untuk menangkap pendatang tanpa izin, di bawah akta tersebut yang berkuat kuasa mulai 1 Julai 2004. Terima kasih.

Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya, apakah punca sebenarnya kerana kita tahu bahawa 1.2 juta ini kalau betul angka ini amat serius. Kita takut bertambah dari tahun ke setahun. Jadi, apakah punca sebenarnya? Adakah kelonggaran kawalan di pintu masuk negara kita ataupun mereka yang telah tamat permit kerja ini masih tinggal di Malaysia ini? Bagaimanakah kerajaan hendak menangani masalah ini?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum, negara kita dikenali sebagai sebuah negara yang memang makmur dan rakyatnya baik hati. Perancangan kerajaan sejak kita merdeka telah begitu pesat sehinggakan di setengah-setengah sektor pekerjaan kita tidak mencukupi tenaga kerja tempatan. Ini memberi peluang kepada pendatang-pendatang asing datang dan disebabkan tarikan-tarikan peluang pekerjaan ini, maka pendatang-pendatang terus masuk. Namun begitu kawalan yang dibuat setakat ini memang sedang kita pertingkatkan bagi menentukan kebanjiran kemasukan pendatang asing ini dapat dikawal. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

Tuan Zainal bin Rampak: [Bangun]

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan bagi soalan tambahan kepada wakil pekerja sebentar lagi.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan berpuas hati dengan satu cadangan untuk mengesahkan (*legalize*) pendatang-pendatang tanpa izin khasnya pekerja supaya mereka dapat hidup di sini?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, warga asing yang datang ke sini ada yang memohon taraf penduduk tetap dan menjadi warganegara. Sebagaimana biasa di mana-mana negara juga kita mempunyai syarat-syarat tertentu bagi membolehkan mana-mana warga asing yang mempunyai syarat-syarat yang cukup dan memenuhi keperluan dibenarkan atau diluluskan untuk menjadi warganegara. Terima kasih.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berminat untuk menyambung soalan di atas perkara *illegal migrate* ini – kemasukan buruh asing tanpa izin. Sejak daripada pelaksanaan undang-undang yang telah disiapkan oleh kerajaan pada bulan Ogos 2002, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat adakah pengurangan tenaga kerja buruh asing yang masuk secara haram telah berkurangan ataupun telah bertambah, tetapi apa yang telah kita lihat hari ini...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup.

Tuan Zainal bin Rampak: Jumlahnya bukan berkurangan tetapi masih lagi bertambah dari masa ke semasa. Saya ingin tahu:-

- (i) kekurangan kemasukan buruh asing ini secara haram ke negara kita;
- (ii) apakah tindakan dan langkah-langkah yang sewajarnya selain daripada kita hanya memperkenalkan undang-undang, tetapi dari segi *enforcement*nya pelaksanaan undang-undang tersebut untuk menghalang mereka ini masuk.

Kata Yang Berhormat tadi...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Zainal bin Rampak: Ada peluang-peluang pekerjaan tetapi apakah tindakan boleh diambil.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah persepsi Yang Berhormat itu betul?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat, saya suka menyatakan bahawa seperti mana yang saya sebutkan tadi, Malaysia dianggap syurga pekerjaan bagi warga asing, jadi kerana itulah kebanjiran kedatangan ini terus meningkat. Namun begitu kerajaan menyedari hakikat ini dan kita terus memperkemas langkah-langkah kawalan termasuk menyepadukan peranan pelbagai agensi termasuk Polis Diraja Malaysia, imigresen dan seperti mana yang saya sebutkan tadi pegawai-pegawai Rela telah diberikan kuasa untuk menangkap mulai 1 Julai yang lalu. Kita berharap dengan pemberian kuasa kepada pegawai-pegawai Rela ini kita dapat mengawal dan mengurangkan bilangan ini, Terima kasih.

10. Tuan Osman bin Bungsu minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan bilangan usahawan yang telah berjaya dalam pelbagai bidang dan apakah rancangan untuk meningkatkan usahawan baru di dalam bidang profesionalisme, contohnya dalam bidang Teknologi Maklumat dan Multimedia ke arah merebut peluang kerjaya yang semakin kompetitif.

Timbalan Menteri Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

[Dato' Khamsyah binti Yeop]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melaksanakan pelbagai program ke arah mencapai hasrat kerajaan untuk membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera. Program-program ini dilaksanakan dalam rangka perancangan keseluruhan kerajaan ke arah melahirkan usahawan yang berdaya maju, berdaya saing, berdaya tahan dan bertaraf global.

Kementerian mempunyai bilangan usahawan pelbagai bidang yang telah terikat dengan program-program utama pembangunan usahawan di antara program tersebut ialah:

- Program Pembiayaan sehingga 30 April 2004 seramai 1,002 usahawan yang telah mendapat manfaat daripada dana yang disediakan.
- Syarikat vendor sehingga 31 Disember 2003 sebanyak 335 usahawan telah berjaya dibangunkan.
- Program Francais sehingga 30 Jun 2004 sebanyak 97 *franchisor* dan 755 *franchisee* telah dapat dibangunkan.
- Sektor Pembinaan sehingga 30 Jun 2004 seramai 45,361 kontraktor kerja awam dan 2,532 kontraktor kerja elektrik telah berjaya dibangunkan.
- Usahawan Pengangkutan sejumlah 281,259 pelbagai lesen kenderaan awam dan perdagangan telah diluluskan sehingga 31 Disember 2003.

Kementerian juga telah melaksanakan pelbagai program peningkatan agar usahawan dapat bersaing dan berhadapan dengan perubahan yang berlaku di peringkat global pada masa ini. Di antara program yang dilaksanakan oleh kementerian adalah latihan keusahawanan khusus dalam bidang ICT seperti Pembinaan Laman Web, e-perolehan, Perakaunan Berkomputer, *Small Office Home Office* dan e-Dagang.

Sepanjang tahun 2003 kementerian telah menganjurkan 7 jenis kursus melibatkan 910 usahawan. Bagi tahun 2004 pula, kementerian menyasarkan untuk menganjur 13 jenis kursus bagi 2,340 usahawan. Pada masa yang sama latihan dalam bidang ICT juga dimuatkan dalam program latihan keusahawanan lain. Sekian, terima kasih.

11. **Puan Hajah Che Jam binti Haron** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:-

- (a) senarai semua jenis latihan kemahiran yang disediakan oleh kementerian untuk golongan remaja yang menganggur dan adakah semua latihan ini diselaraskan bagi memudahkan mereka mendapatkan latihan itu; dan

- (b) adakah kerajaan menyedari bahawa ramai Orang Kurang Upaya (OKU) gagal mendapat tempat di jabatan dan agensi kerajaan walaupun mereka mempunyai pelajaran dan kemahiran yang sewajarnya. Jika benar, apakah rancangan kementerian bagi membantu golongan ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:

Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Tenaga Manusia (JTM) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) berfungsi menyediakan latihan kepada golongan remaja yang berkelayakan. Pada masa kini, Jabatan Tenaga Manusia (JTM) mempunyai 20 buah institusi latihan yang boleh menampung seramai 17,000 pelatih pada setiap tahun di 14 Institut Latihan Perindustrian (ILP), 4 Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), 1 Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), serta 1 Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI).

Pusat Latihan pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) di Shah Alam menawarkan 26 kursus peringkat diploma untuk pengajar-pengajar vokasional. Di antaranya adalah dalam bidang Teknologi Kejuruteraan Elektronik, Teknologi Kejuruteraan Kimpalan dan Teknologi Kejuruteraan Plastik. Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI) menawarkan 11 kursus di peringkat diploma termasuk Teknologi Kejuruteraan Elektronik, Teknologi Kejuruteraan Komputer dan Teknologi Kejuruteraan Pembuatan.

Pusat-pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) menawarkan 10 kursus di peringkat diploma. Di antaranya adalah Teknologi Pengeluaran, Teknologi Pemesinan, Teknologi Kimpalan dan Teknologi Mekatronik. Institut latihan Perindustrian pula menawarkan 34 kursus, kebanyakannya di peringkat sijil. Di antara kursus-kursus yang ditawarkan adalah Mekanik Industri, Pemesinan Am dan Teknologi Foundri.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber manusia melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad telah melaksanakan Skim Latihan Graduan yang bertujuan untuk membantu dan melengkapkan para graduan yang masih menganggur dengan kemahiran yang diperlukan oleh majikan. Para graduan yang mengikuti latihan di bawah skim ini dilatih dalam bidang kemahiran seperti Program Pembangunan Eksekutif, Bahasa Inggeris, Jualan dan Pemasaran. Teknologi Maklumat dan

Komunikasi, Perakaunan dan Perniagaan, Microsoft Certified System Engineer (MCSE), Cisco Certified Network and Professional (CCP) dan Linux System Administrator (LSA)

Latihan yang diberikan di bawah skim latihan ini memberi penumpuan kepada pelbagai kemahiran bekerja yang diperlukan oleh majikan seperti kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris, kemahiran menganalisis di samping meningkatkan keterampilan dan keyakinan diri para graduan. Kemahiran-kemahiran ini memberi nilai tambahan kepada graduan dan meningkatkan keyakinan mereka untuk bekerja di sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat boleh beralih kepada Orang Kurang Upaya pula. Soalan bahagian (b).

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari tentang wujudnya golongan orang kurang upaya (OKU) yang memerlukan pekerjaan dan telah menyusun beberapa strategi untuk membantu mereka mendapat pekerjaan. Dari aspek pelantikan mereka ke dalam perkhidmatan awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam memberi pertimbangan khas kepada golongan OKU di mana mereka akan dipanggil temu duga tanpa sebarang tapisan sekiranya memiliki kelayakan minimum yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan atau iklan. Walau bagaimanapun, semasa ditemu duga, golongan ini perlu bersaing dengan pemohon yang lain kerana pemilihan akan dibuat berdasarkan merit.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini, pada tahun 2003, seramai 25 orang dari golongan ini telah dilantik ke pelbagai jawatan dalam perkhidmatan awam. manakala bagi tempoh Januari sehingga Julai tahun ini, seramai 23 orang telah dilantik. Ini adalah selaras dengan dasar yang ditetapkan oleh Jabatan Perdana Menteri supaya 1% daripada semua jawatan dalam perkhidmatan awam ditawarkan kepada OKU.

Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja telah juga berusaha menempatkan OKU dalam syarikat-syarikat swasta dengan memohon jasa baik serta kerjasama syarikat-syarikat swasta. Setakat ini Jabatan Tenaga Kerja telah berjaya menempatkan 2904 orang kurang upaya dalam pekerjaan sektor swasta. Kerajaan juga dalam proses mengenal pasti strategi-strategi baru bagi menambahkan peluang-peluang pekerjaan untuk OKU. Antara mengadakan kod amalan penggalakan

orang kurang upaya yang menetapkan garis panduan kepada agensi kerajaan/majikan/pertubuhan majikan/pekerja/kesatuan sekerja dan pertubuhan-pertubuhan OKU yang lain. Dan juga meningkatkan kesedaran majikan di sektor swasta dan juga mendaftar secara *on-line*, dan juga memupuk semangat kesedaran di kalangan OKU yang ada. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. soalan tambahan saya, apakah kerajaan membuat pemantauan di atas segala program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan, telah berjaya mengurangkan masalah kebergantungan negara kepada buruh asing yang kita dapat tahu masih tinggi pergantungan kita kepada buruh asing dalam membangunkan negara kita. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sentiasa membuat pemantauan bagi memastikan pekerja-pekerja tempatan lebih diutamakan. Walau bagaimanapun, banyak bidang pekerjaan terutama dalam bidang pembuatan, dalam bidang pertanian, perladangan dan juga dalam bidang pembinaan serta amah, biasanya pekerja-pekerja tempatan kurang berminat ataupun langsung tidak berminat. Oleh itu, kehadiran pekerja-pekerja asing masih diperlukan. Terima kasih.

12. **Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan adakah terdapat sebarang kes berkaitan “gay” dan “lesbian” yang dirujuk kepada kerajaan dan apakah langkah-langkah kerajaan bagi membendung penularan fenomena penyakit sosial ini secara senyap dalam negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini tidak ada sebarang kes berkaitan gay dan lesbian yang dirujuk kepada kementerian ini. Walau bagaimanapun, sebagai langkah untuk menangani masalah ini, kementerian sedang merancang untuk menjalankan kajian berkaitan masalah tersebut dengan kerjasama universiti tempatan. Kajian ini antara lain bertujuan:

- (i) untuk mengukur persepsi masyarakat tempatan terhadap golongan homoseksual;
- (ii) untuk mengenal pasti isu psikologi, sosial, kesihatan dan genetik yang dihadapi oleh wanita dan lelaki homoseksual; dan

- (iii) mengenal pasti dan memahami masalah dan keperluan golongan homoseksual.

Hasil daripada kajian ini akan membantu kerajaan merangka dan merancang dasar serta program yang bersesuaian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab gay dan lesbian ialah istilah sifat, bukan istilah perilaku. Hanya perilaku yang boleh menyalahi Kanun Jenayah. Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih. Soalan tambahan saya ialah berapa ramaikah bilangan homoseksual dalam negara kita dan adakah golongan pondan itu boleh digolongkan ke dalam golongan homoseksual dan kalau boleh dari negeri manakah datangnya bilangan-bilangan tersebut sebab kita bimbang, takutlah kena ke negeri Kelantan pula. Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita tidak ada statistik mengenai [*Ketawa*] berapa ramainya. Tetapi menurut kertas kajian, *Mak Nyah atau male transsexual in Malaysia, the inference of culture and religion* oleh Encik Yeck Tian Kon dianggarkan terdapat seramai 10,000 Mak Nyah di negara ini, di mana 70% ke 80% adalah Melayu. Terima kasih.

13. **Tuan Udam @ George Adam bin Talek** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah tindakan kementerian bagi memastikan harga barang keperluan pengguna tidak naik sejak harga petroleum dinaikkan baru-baru ini.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga runcit produk petroleum yang berkuat kuasa mulai 1 Mei 2004 terpaksa dilakukan berikutan kenaikan harga minyak mentah di pasaran dunia. Namun begitu, kenaikan tersebut adalah minimum iaitu dua sen seliter bagi diesel dan petrol dan dua sen juga sekilogram bagi LPG. Berikutan kenaikan harga runcit produk petroleum tersebut, kementerian telah mengambil langkah-langkah bersesuaian bagi memastikan kenaikan tersebut tidak mempengaruhi ataupun memberi kesan ke atas harga runcit barang-barang lain termasuklah harga makanan siap dimasak.

Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:

- (i) membuat pemantauan harga ke atas 245 jenis barang keperluan harian dan makanan siap dimasak. Pemantauan ini

adalah tambahan kepada pemantauan harga 255 jenis barang keperluan yang telah dijalankan setiap minggu. Siasatan lanjut dijalankan sekiranya terdapat kenaikan harga tanpa justifikasi yang munasabah;

- (ii) mengadakan perbincangan dengan pengeluar dan pengimport, pengusaha-pengusaha pasar raya, *hypermarket* dan juga peruncit barang-barang keperluan bagi mendapatkan komitmen mereka untuk tidak menaikkan harga barang masing-masing;
- (iii) mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat pengangkutan untuk tidak menaikkan tambang pengangkutan barang-barang; dan
- (iv) secara konsisten menjalankan pemeriksaan bagi memastikan peniaga-peniaga tidak melakukan perbuatan mencatu ataupun apa-apa aktiviti lain yang boleh menjejaskan kedudukan bekalan dan harga barang-barang. Penekanan turut diberi kepada aspek pematuhan harga ataupun tanda harga.

Tuan Yang di-Pertua, umumnya kenaikan harga produk petroleum adalah minimum dan ia tidak memberi kesan ke atas harga runcit barang-barang lain. Namun begitu, kementerian akan terus menjalankan pemantauan dan pemeriksaan bagi memastikan harga barang-barang kekal stabil dan tidak membebankan rakyat. Tindakan tegas sewajarnya akan diambil jika ada mana-mana pihak menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya. Sekian, terima kasih.

14. **Puan Jaya Partiban** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan langkah-langkah kementerian bagi menentukan rakyat berbilang kaum benar-benar memahami adat resam dan kebudayaan setiap kaum.

Tuan Yang di-Pertua: Mana-mana Yang Berhormat boleh bantu menjawab. Yang senior. Silakan Yang Berhormat. [*Meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar membantu memberi jawapan*] Tidak mengapa, ini cabaran untuk naik pangkat hari muka. [*Ketawa*] Silakan Yang Berhormat. Langkah-langkah kerajaan bagi menentukan rakyat berbilang kaum benar-benar memahami adat resam dan kebudayaan kaum-kaum. Silakan Yang Berhormat.

[Menjemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang bangun untuk menjawab]

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

[Datuk Dr. Tiki Lafe]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cuba menjawab soalan ini. Sebagaimana yang kita sedia maklum, negara kita mempunyai

Tuan Yang di-Pertua: Di Kementerian Pendidikan ada langkah-langkahnya, di Kementerian Hal Ehwal Ekonomi ada langkah-langkahnya, kini dikhususkan kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Terima kasih.

Datuk Dr. Tiki Lafe: *Introduction* sahaja. Kerajaan sedar kita mempunyai masyarakat yang berbilang kaum. Jadi oleh kerana itu semua kementerian sebenarnya mempunyai ciri-ciri yang menerapkan semua warisan, ciri-ciri dan sebagainya daripada semua kaum di negara kita ini. Jadi, seperti mana Tuan Yang di-Pertua sebut tadi, sebenarnya di Kementerian Pelajaran kita ada banyak program pendidikan untuk menerapkan adat resam dan juga kebudayaan semua kaum.

Begitu juga di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ada dan di kementerian saya, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pun ada khasnya melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan Kementerian Pelancongan yang dulunya Kementerian Kebudayaan, Pelancongan dan Kesenian. Kita mempunyai banyak program untuk memberi peluang kepada rakyat untuk memahami adat resam antara satu sama lain. Begitu juga dengan kementerian yang baru, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, perkara ini perkara besar, isu besar. Ia merupakan satu daripada asas wujudnya dan asas keutuhan negara ini maka sebab bukan sahaja Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dipertanggungjawabkan semata-mata. Sebab itu timbul tergamam sebentar tadi sebab ini perkara besar dan banyak pihak yang dipertanggungjawabkan.

15. **Tuan Zainal bin Rampak** minta Menteri Kewangan menyatakan penjelasan mengapakah institusi bank-bank tempatan mengenakan caj tambahan untuk perkhidmatan mereka seperti caj cek tunai perseorangan RM2, cek syarikat RM5 dan transaksi ATM RM0.50. Caj-caj tersebut bukan sahaja membebankan para penyimpan malahan boleh membantutkan usaha kerajaan menggalakkan rakyat menyimpan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan caj perkhidmatan ke atas penunaian cek adalah bertujuan untuk melindungi kepentingan pihak pelanggan daripada menanggung kerugian akibat *fraud* (penipuan), kecurian dan rompakan akibat proses penunaian cek yang terlalu fleksibel. Namun demikian, pengenaan caj tersebut adalah dikecualikan bagi kes-kes penunaian cek oleh pembayar ataupun *account holder* atau sekiranya melibatkan syarikat oleh dua orang penama yang dinamakan oleh syarikat terbabit.

Para pengguna digalakkan untuk memanfaatkan saluran-saluran pembayaran alternatif seperti perbankan *internet*, *automatic teller machine* untuk meningkatkan keselamatan urusan-urusan perbankan dan mengurangkan kos pengurusan.

Berkenaan fi ATM pula disebabkan penawaran perkhidmatan tambahan ATM seperti *MEPS Cash* ataupun *e-Purse*, tambah nilai kad *Touch 'n GO*, *e-Ticketing* dan permohonan *share* elektronik, perkhidmatan tambahan ini memerlukan institusi perbankan menyediakan prasarana dan perkhidmatan kad ATM berasaskan *chip* yang baru menggunakan teknologi pintar yang telah menggantikan kad ATM magnetik.

Dalam menangani isu berkaitan fi dan caj yang dikenakan oleh institusi-institusi perbankan, Bank Negara Malaysia sedang berusaha untuk mempertingkatkan infrastruktur perlindungan pelanggan perbankan di dalam persekitaran perbankan yang semakin kompetitif. Usaha-usaha yang sedang dijalankan termasuk:-

- (i) memperkenalkan garis panduan mengenai tahap ketelusan dan pendedahan maklumat produk-produk perbankan,
- (ii) memudah dan mengurangkan kos mencari maklumat oleh para pengguna dengan menyediakan jadual-jadual perbandingan mengenai hasil dan kos produk dan perkhidmatan perbankan tertentu;
- (iii) menubuhkan Biro Pengantara Kewangan; dan
- (iv) memperkenalkan perkhidmatan bank asas yang akan ditawarkan kepada semua pelanggan runcit dengan kos yang minimum.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada jawapan yang telah diberikan oleh Setiausaha Parlimen tetapi saya sebagai

pengguna dan rakan-rakan lain masih tidak berpuas hati atas penjelasan yang diberi. Kita tahu ...

Tuan Yang di-Pertua: Sebab itu saya beri peluang soal tambahan.

Tuan Zainal bin Rampak: Ya. Kita mempersoal keuntungan bank. Mengapa caj ini dikenakan sedangkan di luar negeri tidak ada caj sedemikian digunakan. Perkhidmatan diberi oleh bank dan bank menerima duit daripada pelanggan dan ia dilaburkan dengan mendapat keuntungan yang besar, kenapa pelanggan dibebankan dengan caj-caj yang sedemikian? Mengapa kerajaan tidak mengambil tindakan yang sewajarnya melindungi pengguna bagi menyimpan wang mereka di dalam bank daripada mereka menyimpan di rumah, dalam bantal dan sebagainya.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, tujuan mengenakan caj bila cek ditukar di bank bagi mendapatkan *cash*, sebenarnya pihak bank cuba tidak mahu menggalakkan *cash* diambil di kaunter kerana bimbang dengan masalah-masalah lain termasuk kecurian, rompakan dan sebagainya kalau diambil secara *cash* dibawa keluar dalam jumlah yang banyak.

Sebab itu bank menggalakkan supaya duit ini *ditransfer* masuk ke akaun yang lain. Contohnya, si bapa dia ada akaun di bank, dia keluarkan sendiri dia tidak akan kena caj tetapi kalau anaknya yang pergi ke bank dia akan dikenakan caj ataupun orang lain membawa cek itu akan dikenakan caj kerana bimbang *fraud* berlaku dan kerana itulah, kalau diambil *cash* tadi di bawa keluar mungkin kena rompakan dan sebagainya. Lebih baik dia masukkan ke akaun yang lain jadi lebih selamat lagi. Ataupun menggunakan sistem lain yang ada, Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan dengan caj 50 sen dan sebagainya kerana menggunakan kad ATM, yang ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, berbeza amalan antara bank-bank. May Bank tidak dikenakan caj *up-front* dengan izin, oleh itu bank ini mengenakan 50 sen tiap-tiap kali transaksi menggunakan kad ATM empat kali sebulan *free*, lebih dari itu dikenakan dikenakan caj 50 sen tetapi bagi bank lain, bank-bank lain dia dikenakan bayaran tahunan RM8.00 untuk menggunakan kad ATM, maka tidak caj bila tiap-tiap kali kita transaksi dia tidak caj, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG FI (TAMAN LAUT MALAYSIA)
(PENGESEHAN) 2004****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****11.17 pagi.**

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Suatu Rang Undang-undang Fi (Taman Laut Malaysia) (Pengesahan) 2004 bagi tujuan mengesahkan pungutan fi daripada orang awam yang memasuki Taman Laut Malaysia semenjak 1 Januari 1999 sehingga 17 Januari 2003 dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Jabatan Perikanan telahewartakan kawasan perairan dua batu nautika di sekeliling pantai 40 buah pulau di seluruh perairan Malaysia sebagai Taman Laut Malaysia. Objektif utama penubuhan Taman Laut Malaysia adalah untuk menguruskan dan memelihara sumber dan persekitaran marin terutama komuniti flora dan fauna agar dapat mengekalkan sumber perikanan yang berterusan demi kepentingan sosial dan ekonomi negara.

Usaha untuk menguruskan dan memelihara sumber dan persekitaran Taman Laut Malaysia memerlukan komitmen dan peruntukkan yang berterusan. Penyediaan peruntukkan bagi mengurus dan memelihara taman Laut dibuat melalui peruntukkan pembangunan Jabatan Perikanan dan juga melalui Tabung Amanah Taman Laut dan Rizab Laut yang ditubuhkan di bawah seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957.

Tabung ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 15 Oktober 1987 dengan peruntukkan permulaan sebanyak RM10 juta. Sehingga tahun 1996 kerajaan telah menyalurkan peruntukkan berjumlah RM36.348 juta bagi menanggung sebahagian daripada kos pembinaan kompleks dan pusat taman laut, bot-bot peronda, pembinaan kemudahan asas seperti jeti dan *pontoon* serta aktiviti penyelidikan dan penyelenggaraan. Bagaimanapun, mulai tahun 1997 kerajaan tidak lagi menyalurkan peruntukkan tahunan kepada Tabung Amanah Taman Laut dan Rizab Laut. Bagi menanggung kos projek pembangunan pengurusan dan penyelenggaraan, Jabatan Perikanan terpaksa menggunakan peruntukkan pembangunan dan pengurusan yang sedia ada serta baki simpanan daripada tabung amanah tersebut.

Setiap tahun Jabatan Perikanan membelanjakan sebanyak lebih kurang RM1.5 juta hingga RM2 juta untuk pengurusan pemuliharaan dan penyelenggaraan. Daripada jumlah itu sebanyak RM0.5 juta adalah dari peruntukan tahunan Jabatan Perikanan, manakala selebihnya datang dari baki simpanan Tabung Amanah Taman Laut dan Rizab Laut. Dengan baki berjumlah RM6.7 juta baki simpanan tabung ini dijangka akan kehabisan dalam tempoh empat atau lima tahun sahaja, sekiranya tidak ada langkah-langkah yang diambil untuk menambah tabung amanah berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keperluan untuk meningkatkan sumber dana tabung amanah tersebut Jabatan Perikanan telah mengenakan kutipan fi bagi setiap pengunjung yang memasuki taman laut. Setelah dipersetujui oleh Majlis Penasihat Kebangsaan bagi Taman Laut dan Rizab laut mulai 1 Januari 1999 dengan kadar yang dipersetujui oleh Kementerian Kewangan.

Segala kutipan yang dibuat dimasukkan ke dalam Tabung Amanah Taman Laut dan Rizab Laut dan diaudit oleh Ketua Audit Negara setiap tahun. Bagaimanapun, setelah menyedari bahawa kutipan yang telah dibuat sejak 1 Januari 1999 tidak disokong oleh mana-mana undang-undang atau akta maka Kementerian Pertanian telah membentangkan Perintah Fi Taman Laut Malaysia 2003 dan telah diluluskan oleh Parlimen. Perintah fi tersebut telah diwartakan pada 17 Julai 2003 yang mula berkuat kuasa pada 18 Januari 2003.

Dengan adanya perintah fi ini, Jabatan Perikanan boleh mengenakan fi tersebut pada kadar yang ditetapkan ke atas pengunjung Taman Laut. Bagaimanapun, bagi tujuan mengesahkan kutipan yang telah dibuat oleh Jabatan Perikanan mulai 1 Januari 1999 sehingga 17 Januari 2003 satu Rang undang-undang Akta Fi Taman Laut Malaysia 2004 perlu dibentangkan untuk mendapatkan kelulusan Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon supaya Rang undang-undang Akta Fi (Taman Laut Malaysia) (Pengesahan) 2004 dibentangkan untuk kali yang kedua.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang undang-undang bernama Satu Akta untuk Mengesahkan Pemungutan Fi berkenaan apa-apa kemasukan ke mana-mana Taman Laut Malaysia selama tempoh

mulai 1 Januari 1999 hingga 17 Julai 2003 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf, Datuk Ratnam a/l Muthiah.

Datuk M. Ratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya silap di antara Tuan Sinniah dengan Datuk Ratnam [*Ketawa*].

11.29 pagi.

Datuk M. Ratnam: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bahas Rang undang-undang 6/2004 bernama Suatu Akta untuk pengesahan pemungutan fi berkenaan apa-apa kemasukan ke mana-mana Taman Laut Malaysia selama tempoh mulai 1 Januari 1999 hingga 17 Julai 2003. Iaitu hari sebelum tarikh mula berkuat kuasa Perintah Fi Taman Laut Malaysia 2003 (PUA) 266/2003 hendaklah disifatkan telah dikenakan dan pungut dengan sah.

Tuan Yang di-Pertua, 70% dunia adalah dalam lautan dan ianya menjadi rumah kepada 90% makhluk yang hidup, tetapi paling menghairankan ianya yang paling tersedikit dilindungi daripada ancaman oleh manusia daripada pelbagai aktiviti. Lautan ini diancam oleh aktiviti manusia di atas tanah dan dari sampah, sisa, baja dan lain-lain, minyak yang lari dari jalan dan kilang-kilang.

Inilah laut yang sama yang berbilion-bilion manusia yang utamakan sekali untuk mendapatkan sumber makanan mereka. Ikan yang kita makan sudah kurang. Makhluk yang hidup di laut tercekik dengan plastik yang kita buang. Makhluk yang lain sedang mati oleh sebab kenaikan suhu air.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Di Malaysia, ancaman yang besar kepada laut ialah kemajuan tepi laut dan pencemaran daripada kemajuan tepi laut yang sedang giat dijalankan. Di Selat Melaka, laluan kapal yang sibuk juga mencemarkan laut dengan minyak. Mulai tahun 1975 hingga tahun 2001, enam kapal minyak telah tumpah minyak oleh sebab-sebab kemalangan, tenggelam dan lain-lain yang telah tumpah minyak mentah. Minyak bakar atau *fuel oil*, dengan izin, dan fenol melebihi satu bilion tong.

Tuan Yang di-Pertua, tumpahan minyak besar-besaran di Malaysia dari kapal yang pecah dan terdampar di dasar laut adalah seperti berikut:

Pada 6 Januari 1975, Kapal MT Showa Maru yang membawa minyak mentah telah membuang 54 ribu *barrel* minyak oleh sebab tersadai di laut. Pada 20 September 1992, Kapal Nagasaki Spirit membawa minyak mentah telah membuang lebih kurang 100 ribu *barrel* oleh sebab-sebab pelanggaran dengan kapal yang lain. Pada 15 Oktober 1997, Kapal Evoikos membawa *crude oil* telah membuang 175 ribu *barrel* minyak oleh sebab pelanggaran. Pada 21 Mei 1999, Kapal SS Sun Vista membawa minyak bakar telah menumpahkan 14 ribu tong kerana dia tersadai di laut. Pada 3 Oktober 2000, Kapal MT Natuna Sea membawa minyak mentah telah membuang 49 ribu *barrel* kerana dia tersadai. Dan pada 13 Jun 2001, Kapal MV Indah Lestari membawa *phenol* telah menumpahkan 650 tan di Pelabuhan Johor. Ini adalah butir-butir kapal yang membuang banyak minyak.

60 ribu kapal melalui Selat Melaka setahun. Ada yang membuang ataupun *discharged*, dengan izin, minyak kotor dan *residue*, dengan izin, sewenang-wenangnya. Mengapa kes pelupusan haram bahan-bahan buangan toksin semakin berleluasa? Ini adalah kerana:

- (i) kadar yang dikenakan ke atas pelupusan ke atas bahan buangan terlalu tinggi;
- (ii) kurang pemantauan oleh pihak berkuasa; dan
- (iii) kurang kesedaran sivik.

Itulah sebab-sebabnya banyak minyak dilupuskan ke dalam laut, 3.7 juta tong minyak melalui Selat Melaka setiap hari. Saya ulang, 3.7 juta tong minyak dibuang melalui selat kita oleh kapal-kapal. Dr. Mohd. Fauzi Zakaria dari kajian yang dijalankan di muara sungai ataupun kuala dan laut didapati telah tercemar dengan minyak hitam, enjin dan gris. Beliau juga nampak bola minyak tar dari Langkawi ke Johor. Ini menunjukkan bahawa banyak kapal menumpahkan minyak di Selat Melaka. Dari kajian Dr. Fauzi juga didapati bahawa 35% contoh yang diperolehi ialah yang datang dari minyak mentah dari Timur Tengah.

Tuan Yang di-Pertua, rumput laut juga mati disebabkan pencemaran laut. Rumput laut ini juga dapat mengeluarkan oksigen daripada cahaya matahari yang dilepaskan dalam air laut untuk kegunaan makhluk lautan. Rumput juga menjadi habitat dan memberi perlindungan kepada tepi laut dan kualiti air. Ianya juga mewujudkan satu ekosistem yang kompleks yang menggalakkan penghidupan dari dugong ke plankton di lautan. Tidak ada undang-undang yang spesifik yang memberi

perlindungan kepada rumput lautan. Apabila rumput laut mati, ianya diikuti oleh makhluk-makhluk yang lain, yang juga akan pupus.

Adalah didapati bahawa rumput laut di tepi pantai negeri Johor, Kelantan dan Negeri Sembilan adalah di dalam keadaan terancam. Mengikut pakar, Encik Jaafar, kematian rumput laut ini akan mengganggu keseluruhan rantaian makanan di mana ini akan memberi kesan kematian makhluk-makhluk kecil yang menjadi makanan kepada makhluk-makhluk besar seterusnya, dengan izin, *when this little creatures at the lowest rank of food chain are lost it will cost a breakdown the entire food chain.*

Tuan Yang di-Pertua, adalah didapati bahawa Kerajaan Malaysia telah mewartakan ...

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Ratnam kerana memberi laluan kepada saya. Saya ingin tahu memandangkan begitu seriusnya masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Datuk Ratnam tadi, adakah kita juga akan mencadangkan supaya satu fi itu dikenakan kepada kapal-kapal yang menggunakan Selat Melaka dan juga perairan dekat dengan pulau-pulau supaya mereka juga menyumbang kepada fi ini kerana sekarang fi ini hanya dikutip oleh mereka yang membuat lawatan-lawatan ke pulau-pulau yang digazetkan sebagai Taman Laut Malaysia. Tetapi ada banyak juga bot-bot yang menggunakan perairan. Adakah kita juga akan mencadangkan supaya satu fi dikenakan kepada pihak-pihak ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan M. Ratnam: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Dato' Dr. Chin Fook Weng. Dari pandangan saya, *Straits of Malacca* adalah satu laluan untuk kapal-kapal dunia, *open sea* dengan izin. Jadi pada pandangan saya, kita tidak boleh kenakan bayaran kepada kapal-kapal yang lalu. Tetapi saya juga bersetuju dengan pandangan Dato' Dr. Chin Fook Weng bahawa kita juga boleh kenakan fi kepada bot-bot kecil yang membawa pelancong ke pulau-pulau itu. Jadi dengan cara ini kita akan hadkan laluan sampan-sampan dan kapal-kapal kecil yang menangkap ikan dan sebagainya. Itu satu pandangan yang bagus.

Tuan Yang di-Pertua, adalah didapati bahawa Kerajaan Malaysia telah mewartakan 40 kawasan laut sebagai taman laut yang dihuni dengan sumber pelbagai

kehidupan laut terutama 350 jenis terumbu karang dan beberapa pulau peranginan turut mendapat perhatian sebagai destinasi rekreasi dan selamat juga terindah di dunia kerana kekayaan dasar lautnya walaupun ia belum lagi disenaraikan sebagai taman laut. Pulau Sipadan, Layang-Layang dan Mabul sebagai contoh, ketiga-tiga ini galak menerima kehadiran pelancong asing dan tempatan yang ingin menikmati keindahan yang tiada tolok bandingnya.

Tuan Yang di-Pertua, tidak berapa lama dahulu, saya ingat lebih kurang satu setengah tahun dahulu, Timbalan Menteri Pertahanan telah memberi peluang kepada kita melawat Pulau Sipadan dan pulau-pulau yang berhampiran dengannya. Jadi saya dapat peluang untuk tengok apa yang ada di lautan berhampiran dengan Pulau Sipadan itu, banyak cantik, airnya jernih sekali. Saya juga nampak ramai orang luar negeri menyelam. Dengan izin, *I was told this is one of the most beautiful paradise in the world for those who go and see deep inside.*

Pulau Ekor Tebu yang terletak di Tenggara Pulau Redang adalah satu lagi pulau yang diwartakan sebagai taman laut oleh Jabatan Perikanan pada tahun 1985. Dasarnya kaya dengan komuniti batu karang produktif. Ekosistemnya tidak kurang hebat kerana memiliki sumber termasuk 326 spesies ikan batu karang, 346 spesies batu karang dan 13 spesies rumpun laut. Di kawasan taman laut pulau ini, Zone Sanctuary Commodity Batu Karang meliputi dua batu nautika. Ini adalah batu karang paling produktif di dunia kerana kaya dengan pelbagai spesies flora dan fauna akuatik. Dasarnya menjadi sarang pembiakan dan asuhan ikan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang membimbangkan ialah munculnya jenis manusia yang lebih mementingkan keuntungan daripada usaha memulihara keindahan yang sedia ada. Pada masa sekarang, saya sendiri nampak pameran batu karang yang hidup, yang berwarna-warni di tempat awam. Itulah sebabnya banyak ikan, *coral* dan lain-lain dari laut yang berwarna-warni hilang. Untuk membendung perkara ini sebelum jadi serius, kerajaan patut keluarkan lesen kepada penjual dan pembeli dan yang tiada lesen patut didakwa. Perkara yang kurang diberi perhatian oleh masyarakat dan pihak yang berkenaan, yang bertanggungjawab memulihara alam sekitar ialah program kesedaran dan pendidikan kepada orang ramai mengenai perlunya keindahan anugerah Tuhan ini dipelihara sebaik mungkin. Saya mencadangkan supaya kesedaran tentang khazanah lautan ini dididik daripada bangku sekolah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pelancongan ke taman laut membawa banyak hasil kepada negara kita. Didapati lebih 750,000 orang pelancong luar dan lebih 820,000 pelancong tempatan telah datang. Taman laut juga telah menyumbang 1.2 million metrik tan ikan yang bernilai RM4 bilion. Apatah lagi, mengapa kerajaan perlu mengambil perkara pemuliharaan taman-taman laut dengan seriusnya.

Didapati bahawa Jabatan Perikanan membelanjakan sebanyak RM1.5 juta hingga RM2 juta setahun untuk pengurusan, pemuliharaan dan penyelenggaraan. Dari ini RM0.5 juta adalah dari peruntukan tahunan Jabatan Perikanan. Perbelanjaan ini adalah amat sedikit. Saya syorkan bahawa kerajaan memperuntukkan peruntukan tahunan satu jumlah wang yang berkesan untuk pemuliharaan, penyelenggaraan dan perondaan, *very important*, untuk menjaga pencerobohan ke atas taman laut, membanteras kegiatan-kegiatan yang tidak sihat termasuk oleh nelayan-nelayan pukat harimau tempatan. Pukat harimau yang digunakan akan memupuskan benih-benih hidupan laut sekiranya ia digunakan di taman laut.

Pada masa ini, kita juga telah kenakan bayaran untuk masuk ke Taman Laut. Bayaran yang dikenakan ialah sebanyak RM5 kepada dewasa dan RM2.50 kepada warga tua dan para pelajar yang berumur di antara 6-12 tahun. Kutipan ini telah bermula pada 1 Januari 1999 hingga sekarang. Wang ini telah dimasukkan ke dalam Tabung Amanah Taman Laut dan Rizab Laut. Tetapi walaupun kutipan bagi tempoh mulai 18 Julai 2003 itu sah, tetapi kutipan bagi tempoh sebelumnya iaitu mulai 1 Januari 1999 hingga 17 Julai 2003 disahkan melalui Rang Undang-undang 6/2004 yang dibentangkan sekarang untuk pertimbangan dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri ucapan saya, saya ingin membaca satu artikel dalam surat khabar tempatan yang disiarkan semalam. Ini adalah dalam bahasa Inggeris, saya mohon maaf untuk baca dalam bahasa Inggeris.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Datuk M. Ratnam: Terima kasih.

“Saving fish stocks

For less than RM57 billion - about as much as humans spend on ocean cruises, government could protect declining world stocks of fish in a series of marine nature reserves around the globe. British scientists reported in the Proceedings of the National Academy of Sciences that the sum would be enough to protect 30% of the oceans from all fishing.

Such an investment could create more than one million jobs and would safeguard, and eventually increase, a global fish catch worth up to RM312 billion a year.

The researchers say that the world's oceans are in trouble: global fish catches are in decline, populations of whales, dolphins, sea otters and other marine mammals have collapsed and habitats - reefs, estuaries and other submarine landscapes vital for breeding - have been damaged or destroyed.

Coastal states pledged at a world summit in 2002 to create national networks of marine parks, and a congress in Durban last year recommended that at least 20% to 30% of every marine habitat should be protected from fishing. [That means we should not fish in the protected areas]. This would mean closing parts of traditional fishing grounds as well as estuaries, mangrove swamps and coral reefs closer to land.

Just half a percent of the sea lies in marine parks today, compared with 12% of the land. The scientists surveyed the running costs of 83 existing parks they judged to be well-managed, and found that most felt they needed twice the income to do the job properly." [This is from Guardian Newspaper Ltd.]

Juga pada semalam, lagi satu artikel dalam surat khabar tempatan kita, saya hendak tunjuk gambar [sambil menunjukkan gambar kepada Dewan] Gambar yang atas ialah taman lautan yang wujud beberapa tahun dahulu dan gambar bawah ialah gambar yang menunjukkan apa yang jadi pada masa sekarang ini. Saya juga hendak baca sedikit dalam bahasa Inggeris, Tuan Yang di-Pertua, dengan kebenaran.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk M. Ratnam: *"Red Sea corals close to extinction"*. Ini adalah satu artikel oleh Encik Megan Goldin.

"Corals along the shores of the Israeli Red Sea resort of Eilat were a paradise for divers drawn by one of the most spectacular and biologically diverse reefs in the world.

Today Eilat's corals are facing extinction and the colourful translucent fish are disappearing because of what environmentalists say

is a lucrative fish-farm industry in the region's waters. "It was one of the most beautiful reefs in the world and believe me, I have seen them all. It was a pearl and it's really very painful to see it dying," said Professor Yossi Loya, an internationally-renowned coral ecologist."

Lagi seorang - *"Rinkevich said it was too late to save Eilat's corals as development had already taken a toll. He suggested that "corals nurseries" be planted in Eilat's waters to maintain the tourist industry."*

"Loya and other experts believe the reefs can be saved but only if the government acts immediately."

Ini bererti kerajaan kita juga perlu mengambil perkara ini dengan seriusnya dan belanjakan wang yang berlebihan supaya taman lautan ini juga dironda selalu supaya orang tidak pergi curi. Saya juga meminta *particular* kementerian itu pergi ke Subang Jaya Medical Centre, tengok dia punya *aquarium, beautiful, colourful, you can see* - banyak cantik. Ini dicuri dari lautan kita jugalah, masih hidup. Jadi itu satu perkara yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya menyokong Akta Fi (Taman Laut Malaysia) (Pengesahan) 2004. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya membenarkan supaya dibaca daripada surat khabar tadi walaupun dalam bahasa Inggeris kerana subjek ini merupakan subjek yang hangat diperbincangkan satu ketika dahulu bukan sahaja daripada pemerhati-pemerhati dalam negeri bahkan pemerhati-pemerhati di luar negara. Sila Yang Berhormat Dato' Dr. Chin.

11.56 pagi.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi beberapa komen saya terhadap Rang Undang-undang Fi (Taman Laut Malaysia) (Pengesahan) 2004. Saya juga ucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada rakan saya Yang Berhormat Datuk Ratnam kerana memberi kita satu gambaran yang begitu luas dan mencakupi tentang aspek-aspek yang begitu penting sebagai satu warisan negara kita kerana taman laut itu juga merupakan satu warisan yang patut bukan sahaja dinikmati tetapi juga dihargai dan dijaga dengan sebaik-baiknya. Nampaknya juga *experiment* kami dalam Kelab

Senator Malaysia supaya menamakan pakar-pakar tertentu untuk membahaskan sesuatu tajuk itu telah berkesan seperti yang ditunjuk tadi.

Kita melihat bahawa ucapan Datuk Ratnam itu begitu luas mengandungi banyak bahan dan apabila saya mendengar ucapan itu saya dapati ada banyak perkara yang begitu penting. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menambah sedikit kepada apa yang telah dihuraikan dan disebut-sebutkan itu.

Yang pertama saya ingin memberitahu Dewan ini tentang pengalaman saya sendiri apabila saya melawat Pulau Tioman pada tahun 1999 selepas mulanya kutipan satu fi ini. Saya hanya ingin melawat Pulau Tioman untuk masa dua malam dan tidak ingin ke pulau-pulau lain dan saya lepas dari Subang dengan Berjaya Air terus sampai ke Tioman dan apabila saya keluar dari kapal terbang sahaja kita diminta membayar satu fi daripada seorang pegawai Jabatan Perikanan Malaysia, sebaik sahaja semua pelancong itu turun dari kapal terbang maka mereka telah dikutip satu bayaran sebanyak RM10.

Kami semua itu pun tidak tahu maksud fi ini dikenakan, kenapa ia dikenakan, kenapa satu pegawai yang beruniform itu mengutip bayaran itu dan apakah maksud bayaran ini. Itu bukan satu cukai bagi pelancong yang sampai ke satu tempat dan ini bagi saya pada ketika itu saya membayar, saya juga tertanya-tanya apakah kegunaan *fee* ini yang dikutip tanpa apa-apa penjelasan dan tidak ada apa yang kami boleh fahami dan sekarang kita diberitahu kutipan ini juga tidak ada disahkan tanpa kuasa. Itulah masalah Tuan Yang di-Pertua.

Kita melihat kerajaan sudah banyak kali mengutip duit. Pada sesi yang lalu kami telah membahaskan kutipan untuk ses kelapa sawit dan kita juga diberitahu bahawa kutipan itu juga tidak sah dari segi peruntukan-peruntukan undang-undang. Kerana itu maka kutipan itu telah dicabar dalam mahkamah dan akibat daripada cabaran itu maka kita terpaksa mengesahkan satu kutipan itu supaya melindungi kerajaan daripada sebarang tindakan mahkamah dan seterusnya.

Mungkin dalam kes ini satu perkara sedemikian mungkin akan berlaku. Saya tidak tahu, tadi dalam penjelasan Timbalan Menteri tidak ada menyebutkan sama ada kutipan ini telah dicabar dalam mahkamah dan oleh kerana itu maka kita perlukan satu pengesahan dari Dewan yang mulia ini supaya memberi restu kepada kutipan tersebut. Adakah itu juga telah berlaku dan oleh kerana itu maka adalah satu keperluan supaya mendapatkan pengesahan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ramai daripada penduduk-penduduk kami menghargai Taman Laut Malaysia dan mereka telah mengambil kesempatan untuk melawat taman itu untuk hiburan, rehat dan sebagainya dan sebagai satu destinasi untuk berenang dan sebagainya, maka itu adalah sangat baik. Apa yang saya ingin kerajaan buat ialah supaya menjelaskan dengan teliti mengapa fi ini dikutip supaya ia boleh mendapat sokongan yang padu daripada semua golongan rakyat yang ada peluang didedahkan kepada Taman Laut Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun yang lalu saya telah melawat Lautan Andaman. Dari Perlis kita ke satu pelabuhan yang dinamakan Pak Bara di Selatan Thailand dan dari sana kami mengambil satu bot yang keluar ke Andaman Sea atau Lautan Andaman dan telah melawat Marine Park Thailand atau Taman Laut Negara Thailand. Mereka semasa itu telah juga menjaga kepentingan taman laut itu, tetapi pelancong-pelancong ke Taman Laut Thailand memahami mengapa fi itu dikenakan. Apabila kita mendarat sahaja di sesuatu pulau kita sudah tahu mengapa kita kena membayar satu bayaran kepada pihak yang menjaga kepentingan taman laut itu. Inilah satu perbandingan apabila saya ke Tioman saya juga diminta membayar tetapi saya kurang jelas apakah maksudnya.

Dari segi mendidik sesuatu orang itu Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau sebab itu dijelaskan dengan betul, tentu pihak ini bukan sahaja akan menyokong tetapi juga rela menyumbang kepada usaha yang begitu baik ini untuk menjaga satu taman laut yang begitu penting.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang ada kaitan dengan fi yang saya ingin bangkitkan ialah cara untuk menentukan bahawa semua yang dikutip itu telah dijelaskan kepada tabung kerajaan, itu juga yang penting. Apabila saya melihat resit yang diberikan kepada saya itu apabila saya memeriksa resit itu saya lihat resit itu satu yang boleh dicetak di mana-mana tempat. Kalau saya seorang yang berpakaian uniform dan mengambil resit ini dan duduk di sana dan mengutip RM10.00 seorang yang datang, itu boleh dibuat. Apakah perlindungan yang diberikan kepada kutipan ini supaya kutipan ini betul-betul sampai ke Tabung Amanah Taman Laut dan Rizab Laut. Itu ialah maksud kita mengutip duit ini, tetapi apabila saya melihat resit itu, resit itu boleh dicetak di mana-mana tempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya perkara ini kerana pada satu ketika saya melawat Majlis Perbandaran Kuantan untuk melihat sistem kutipan bayaran untuk

letak kereta. Mereka mencetak satu jenis resit yang ada ciri-ciri keselamatan dan siapa yang meletak kereta kena cetak atau kena buat satu lubang dalam resit itu untuk menunjukkan mula bila dan habis dari bila supaya bayaran itu boleh diketahui dan bila pemeriksa itu datang dia boleh melihat kerana ini diletakkan di dalam kereta.

Saya diberitahu sungguhpun satu resit yang ada ciri-ciri yang begitu penting boleh dicetak di luar, di tempat-tempat lain sehingga Majlis perbandaran Kuantan kehilangan banyak duit kerana resit palsu itu di bawa masuk dan dijual kepada para *motorist* itu dengan harga yang murah.

Itu pun boleh dibuat dan apabila saya melihat resit yang diberi kepada saya itu, saya pun bimbang sama ada kutipan duit itu ada sampai ke tabung yang dimaksudkan. Saya harap kementerian akan mengambil berat tentang perkara kutipan ini dan melaksanakan sistem yang memastikan semua kutipan yang dimaksudkan di bawah rang undang-undang ini betul-betul sampai ke Tabung Amanah Taman Laut.

Nanti saya akan mendengar jawapan tentang perkara ini. Saya harap satu penjelasan yang cukup lengkap boleh diberi kerana kita tidak mahu pihak-pihak yang mengambil kesempatan mengutip duit ini, tapi masuk dalam poket sendiri. Itulah satu perkara yang sangat penting. Bersabit dengan perkara yang sama kalau kita hendak kutip duit-duit semacam ini, kenapa kita tidak minta kerjasama daripada pihak-pihak yang membawa pelancong ke pulau-pulau tersebut untuk melaksanakan satu sistem, yang mana kita kenakan kepada pihak ini supaya mengutip bagi kita dan sebagainya.

Sekarang apabila kita membeli tiket kapal terbang ada termasuk dalam sana cukai, *airport tax* atau cukai untuk menggunakan lapangan terbang itu dan ini dikutip oleh syarikat-syarikat penerbangan dan kemudian dijelaskan kepada DCA atau kepada tabung kerajaan. Sama ada di bawah sistem kutipan yang dilaksanakan oleh rang undang-undang ini, kita juga boleh mengkaji sama ada sesuai atau tidak meminta pihak-pihak mengurus bot, pihak-pihak syarikat kapal terbang yang membawa pelancong-pelancong ke pulau-pulau tersebut supaya mengutip bagi pihak tabung ini dan kemudian menjelaskan kepada tabung ini.

Saya ingin tahu apakah masalah kalau kita berbuat demikian, kerana setiap kali mereka itu ke sesuatu pulau kita ada pihak-pihak yang bertugas di sana, kita ada orang-orang yang tahu berapa ramai pelancong yang datang dan sebagainya dan ini bukan sahaja dari satu agensi kerajaan, tetapi kementerian-kementerian lain juga mengambil statistik tentang kedatangan pelancong ke sesuatu tempat dan sebagainya.

Apabila kita tanya di Dewan yang mulia ini berapa pelancong ke Tioman, berapa pelancong ke Pulau Langkawi dan sebagainya, kita diberi maklumat ini dan itu bermakna pihak-pihak ini tahu berapa orang yang datang untuk mengunjungi tempat-tempat pelancongan seperti saya sebutkan itu.

Jadi sama ada kita boleh melaksanakan satu sistem yang akan memastikan bahawa kutipan yang dibuat itu lebih berkesan, lebih cekap dan pada akhirnya duit-duit yang dikutip itu sampai ke tabung yang dimaksudkan. Tuan Yang di-Pertua, selepas kita mengutip duit ini, apakah usaha yang diambil oleh kerajaan untuk menambah atau meningkatkan kesedaran para rakyat tentang aspek-aspek Taman Laut Malaysia.

Setahu saya Tuan Yang di-Pertua, ramai rakyat kita tidak tahu dan kerana mereka tidak tahu, setiap kali melawat sesuatu tempat sedemikian, mereka dengan tidak sengajanya telah merosakkan habitat-habitat perikanan, mereka telah merosakkan *coral* yang ada dan sebagainya. Bagi saya kalau kita ingin berusaha dalam perkara ini kita perlukan supaya satu pendidikan yang mendalam itu diberikan kepada rakyat kita yang menggunakan kemudahan ini.

Baru-baru ini apabila Kerajaan Sabah bercadang hendak tutup satu *resort* dan minta pengusaha-pengusaha itu supaya tutup tempat itu, untuk membolehkan semua sumber asli itu atau habitat itu tumbuh semula, maka ada banyak keengganan daripada pihak ini untuk berbuat demikian, dan itu bukan orang persendirian tetapi pengusaha-pengusaha *resort* yang besar, yang telah banyak tahun mendapat keuntungan daripada pulau itu. Apabila kerajaan ingin menjaga kepentingan pulau-pulau tersebut, maka pihak ini membantah dengan sekeras-kerasnya.

Tuan Yang di-Pertua, adakah itu bermaksud pihak-pihak ini masih tidak memahami begitu pentingnya pulau itu sebagai satu sumber pencarian yang selama-lama bagi pihak mereka? Dan adakah mereka semata-mata ingin mendapat keuntungan dan tidak menjaga kepentingan itu, tidak peduli langsung sama ada sumber-sumber itu kian lama kian merosot sehingga pada satu ketika hanya lanun-lanun yang akan ke sana dan tidak ada orang lain, kerana semua kemudahan itu habis dirosakkan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan patut mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menjaga ini dan juga bot-bot yang membawa pelancong itu bila mereka sampai ke satu pulau itu, mereka hanya boleh meletakkan di tempat-tempat yang telah disediakan dan bukan di merata-rata tempat yang mereka inginkan itu, kerana

akibatnya ialah kita akan merosakkan *corals* yang ada di kawasan tersebut. Ini juga satu perkara yang harus diberi perhatian dan sama ada kita telah memberi perhatian kepada perkara ini dan pihak yang menjaga kepentingan itu sama ada telah memberi perhatian atau tidak. Semasa saya berada di Lautan Andaman itu Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu bahawa di kawasan-kawasan tertentu mereka tidak membenarkan sesiapa pun menangkap ikan Tuan Yang di-Pertua, dan perintah ini dikawal dengan ketat dan dilaksanakan dengan baik. Apabila sesebuah bot itu datang sahaja, maka pegawai itu suruh naik ke bot itu tengok, *check*, ada ikan atau tidak. Ini bermakna mereka betul-betul mengambil berat tentang tugas menjaga kepentingan taman laut mereka. Adakah kita juga berbuat demikian? Adakah kita ada peruntukan untuk menjaga? Saya tahu mungkin Sabah pun tidak ada peruntukan.

Tuan Yang di-Pertua, siapakah akan menjaga perkara ini. Fi yang dikutip itu saya tahu tidak mencukupi kerana ia hanya dari satu sumber sahaja iaitu dari pelancong yang datang ke pulau-pulau – seperti sayalah apabila saya ke Tioman, tetapi bagi seorang kerana itu adalah pertama kali saya ke Tioman, pada anggapan Tioman seperti satu pulau biasa sahaja macam Langkawi. Bila saya ke Langkawi saya tidak perlu bayar satu fi sedemikian. Saya ke Pulau Pinang pun tidak payah bayar satu fi demikian. Tetapi bila saya ke Pulau Tioman saya kena bayar.

Jadi, dari segi itu saya tahu amaun yang dikutip itu sungguhpun tidak disebutkan oleh kementerian tadi maka setahu saya ini bukan satu amaun yang besar. Tetapi pihak-pihak lain menggunakan sumber-sumber laut itu adalah banyak. Tadi kita telah mendengar pihak yang menangkap ikan secara besar-besaran, mereka guna jaring besar dan mereka guna bot *trawling* dan sebagainya dan ini menangkap secara besar-besaran. Pihak ini tidak diminta bayar apa juga. Tetapi orang pelancongan, orang macam kita yang melawat Tioman dikenakan caj. Sungguhpun kita ke Tioman bukan hendak ke pulau-pulau lain tetapi hanya ke Tioman, menginap sana mungkin dua malam, lepas itu balik ke Kuala Lumpur, tetapi dikenakan caj demikian.

Jadi, dari segi ini kita harus meminta pihak yang menjaga Taman Laut Malaysia ini supaya memberi sedikit perhatian kepada kumpulan-kumpulan lain yang menggunakan sumber-sumber Taman Laut Malaysia ini. Kalau sesuai kita harus juga mengenakan fi kepada mereka ini kenapa hanya orang miskin itu kena bayar fi ini tetapi syarikat-syarikat yang besar, syarikat-syarikat yang mengutip sumber laut itu

tidak dikenakan sebarang fi untuk menggunakan kemudahan-kemudahan Taman Laut Malaysia itu.

Tuan Yang di-Pertua, adakah kita rasa itu berpatutan. Kerajaan harus mengenalpastikan sasaran-sasaran tertentu dan juga kenakan fi ini kepada pihak itu. Sekarang setahu saya hanya pelancong-pelancong yang datang yang mendarat di pulau-pulau itu yang dikenakan. Tadi kita telah mendengar bahawa sempadan itu ialah dua kilometer dari pulau, dikelilingi dua kilometer. Tetapi dalam kawasan dua kilometer itu ada pengguna, ada banyak kumpulan-kumpulan yang mengambil kesempatan untuk menjalankan aktiviti di dalam dua kilometer dari pulau demikian. Kenapa kumpulan-kumpulan ini bebas daripada sebarang bayaran fi. Patut kerajaan melihat sama ada sesuai atau tidak supaya pihak-pihak ini juga dikenakan caj supaya semua pihak itu sedar tentang pentingnya untuk memberi perlindungan kepada satu warisan Malaysia ini, bukan tiap-tiap tempat itu ada. Di Hanoi kita juga ada satu taman laut yang diberi taraf antarabangsa iaitu satu tapak UNESCO diiktiraf oleh United Nation, Bangsa-Bangsa Bersatu. Itu mengandungi satu kawasan yang mempunyai 1,000 pulau. Mereka juga menjaga *national treasure* ini dengan baik. Kita juga harus berbuat demikian kerana Taman Laut Malaysia itu ialah satu warisan yang kita patut memberi perlindungan yang secukup-cukupnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap selepas kita memberi pengesahan kepada kutipan-kutipan yang dibuat sejak tahun 1999, maka kutipan itu akan dibuat dengan baiknya, satu sistem yang boleh memastikan semua yang dikutip itu sampai ke tabung itu harus dilaksanakan. Resit-resit yang dikutip itu kita harus mencari satu untuk menjaga keselamatan resit itu supaya resit palsu itu tidak diguna dan pihak-pihak tertentu menggunakan kesempatan itu untuk mengutip duit itu untuk diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, apabila satu kapal terbang itu datang kita selalu tahu kerana mereka ada *manifest*, *manifest* itu ada sebutkan berapa penumpang dan sebagainya. Jadi, kalau kita buat perbandingan dengan amaun yang dikutip dengan bilangan kapal terbang yang datang setiap hari itu dan jumlah penumpang dan sebagainya, kita lebih kurang sudah tahu sama ada semua kutipan itu dijelaskan atau tidak. Adakah satu audit itu dibuat oleh pihak Jabatan Perikanan Malaysia kerana pihak ini yang menjaga tabung yang dimaksudkan hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap kementerian akan melaksanakan banyak lagi dari segi menanam kesedaran tentang pentingnya Taman Laut Malaysia supaya

kemudahan ini betul-betul dapat dikekalkan dan dinikmati oleh semua generasi yang datang selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya juga menyokong supaya fi ini boleh dikutip dari tahun 1999 terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani.

12.30 tgh.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Akta Fi (Taman Laut Malaysia) (Pengesahan) 2004, izinkanlah saya merakamkan rasa penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas perkenan Baginda untuk melantik saya sebagai Ahli Dewan Negara untuk penggal yang kedua.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan rasa penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi atas sokongan yang telah diberikan, yang membolehkan saya dilantik pada hari ini dan ucapan yang sama saya rakamkan kepada Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah Aziz dan Yang Berhormat Datuk Seri Haji Musa bin Haji Aman atas sokongan mereka. Insya-Allah, dengan bantuan Allah, saya akan dapat menjalankan tugas yang diamanahkan dengan sebaik mungkin seperti mana yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian yang mengemukakan Akta Fi (Taman-taman Laut Sabah) sebagai satu langkah untuk memastikan sumber yang berterusan untuk mengurus dan menyelenggarakan taman-taman laut. Alam sekitar bukan sahaja meliputi persekitaran yang berada di dataran tetapi turut meliputi kawasan yang lebih besar di dalam lautan. Malaysia secara amnya bersifat sebagai sebuah pulau besar yang dikelilingi selat dan lautan.

Hal ini menyebabkan Malaysia mempunyai taman-taman laut yang indah dan dipenuhi dengan pelbagai kehidupan laut yang unik dan juga menarik. Pulau-pulau kecil yang bertaburan di seluruh perairan Malaysia turut menyediakan taman-taman laut semula jadi yang tidak kurangindahannya. Di utara tanah air, contohnya di Pulau

Langkawi, bukan sahaja terkenal sebagai pulau legenda sumpah Mahsuri, tetapi kawasan perairan di sekitar tanah besarnya dipenuhi dengan pulau-pulau kecil yang mempunyai air laut yang biru, yang jernih dan dipenuhi dengan khazanah laut yang berharga seperti timun laut ataupun lebih dikenali sebagai gamat yang sememangnya terkenal sebagai ubat luka yang amat mujarab.

Pemandangan taman-taman di dalam lautan juga adalah salah satu yang tercantik di dunia. Pulau Pangkor, Pulau Tioman, Pulau Redang serta beberapa pulau lain adalah nama-nama yang tidak asing lagi sebagai pusat-pusat pelancongan di mana keindahan alam semula jadinya serta taman-taman laut menjadi daya tarikan utama untuk pelancong-pelancong dalam dan luar negara.

Di Sabah, Tuan Yang di-Pertua, kita turut mempunyai beberapa pulau yang boleh menjadi serampang dua mata iaitu sebagai taman laut dan juga daya tarikan pelancongan. Antaranya yang telah banyak kali disebut ialah Pulau Sipadan yang sememangnya terkenal dengan keunikan pulaunya dan di samping kebanyakan pelancong gemar untuk melakukan aktiviti-aktiviti menyelam ataupun *snorkling*.

Pulau ini diberi taraf, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *the second most beautiful oceanic Island in the world*. Itu bukan kecil itu. Maknanya, bukan senang untuk mendapat satu pengiktirafan yang begitu tinggi dan pulau ini adalah di antaranya. Pulau ini nampaknya kecil tetapi, mempunyai kedalaman 3,000 meter yang boleh kita nampak dengan jelas khazanah laut seperti penyu, ikan dan sebagainya yang boleh dibanggakanlah, bukan sahaja oleh rakyat Malaysia tetapi juga mereka yang datang dari luar negara.

Kita juga maklum bahawa selain daripada Pulau Sipadan, gugusan pulau yang dinamakan sebagai Taman Tengku Abdul Rahman ataupun Tengku Abdul Rahman Park dengan izin, yang terletak di sekitar perairan bandar raya Kota Kinabalu iaitu Pulau Gaya, Pulau Malukan, Pulau Sapi, Pulau Mamutik dan Pulau Suluh. Gugusan pulau-pulau ini dikatakan mempunyai bentangan pasir putih yang luas, air yang jernih, seakan-akan apabila mereka nampak sahaja gelombang laut itu, dia kata kilauan airnya seolah-olah kristal dan hidupan laut yang sememangnya menjadi penghuni setia lautan di kawasan itu.

Walau bagaimanapun, emas yang berkilau sekalipun sekiranya tidak dijaga, akan kelihatan ghulam dan kehilangan seri. Begitu jugalah dengan taman-taman laut di Malaysia. Persekitarannya perlu diawasi dan dijaga daripada pelbagai aktiviti

manusia yang bukan sahaja boleh mencemarkan keindahan dan keunikannya, bahkan boleh melupakan sama sekali taman-taman tersebut. Sebentar tadi, Yang Berhormat Datuk M. Ratnam baru sahaja menunjukkan kita satu lampiran akhbar *before* dan *after*, sebelum dan selepas. Begitu jugalah dengan pulau-pulau kita.

Pada hari ini, kita boleh berbangga kita masuk ke pulau-pulau untuk melawat, hari ini ataupun dua tahun yang lalu kita melawat, tiga tahun kemudian kita terperanjat melihat kepada keadaannya tidak secantik tiga tahun yang lalu. Kenapa? Ini kerana keadaan telah berubah. Manusia telah mencemari keindahan ini. Umpamanya di Sabah, tadi saya hendak mencari kesempatan hendak bercerita tentang kehadiran pendatang tanpa izin hendak mencari formula yang saya rasakan sudah perkara mustahil bin ajaib untuk kita mengatasinya, kerana kedudukan Sabah itu sendiri, bahawa kita hanya berjiran dengan negara-negara yang mempunyai penduduk yang begitu padat. Macam-macam yang telah kita rancangkan, termasuklah *enrich the neighbor* untuk memperkayakan jiran-jiran kita supaya pendatang-pendatang ini tidak dapat ke negara kita.

Di antara kementerian punya usul dan cadangan ataupun yang telah dilakukan ialah memahami bahawa kita adalah satu negara yang begitu kaya ataupun yang senang, mempunyai penduduk yang baik budi sehingga menarik begitu banyak pendatang tanpa izin. Tetapi, walaupun kita memberi kemudahan, kekayaan kepada negara asing ini, apa yang kita bantu umpamanya mewujudkan industri, kalau ada industri yang perlu kita wujudkan di Sabah ataupun di Semenanjung, dengan wujudnya industri ini, maka pekerja kita tidak cukup, mahu tidak mahu orang asing kita ambil. Tetapi, dengan polisi ataupun dasar *enrich the neighbor* ini, kita dirikan industri itu sama ada di Indonesia ataupun di Filipina, jumlah itu masih tidak cukup ataupun apa yang kita wujudkan di negara-negara ini, masih tidak cukup untuk menghalang kedatangan pendatang tanpa izin ke negara kita.

Apa yang ingin saya sebut ialah, mereka tidak datang begitu sahaja. Pendatang-pendatang tanpa izin ini akan datang dengan masalah sosial, masalah penyakitnya, masalah bilangan penyeludupan, syabu dan sebagainya, masalah keselamatan dan sebagainya. Itu sebabnya saya tadi hendak mencari ruang untuk mendapat penjelasan. Tetapi di antara masalah yang kita hadapi ialah mereka akan mendirikan rumah-rumah sementara di pulau-pulau dan mereka memang tidak ada sanitasi yang jelas, yang baik, mahu tidak mahu buang semuanya ke dasarn laut.

Sampahnya, plastiknya, apa lagi najis dan sebagainya, tetapi bukan sahaja khazanah laut itu terancam Tuan Yang di-Pertua, tetapi bot mereka sehingga plastik-plastik itu boleh tersangkut dalam enjin-enjin ataupun kipas-kipas enjin mereka, sehingga itu boleh terjejas, bayangkan. Ini yang berlaku di Sabah.

Kita nampak banyak taman yang menghadapi masalah pencemaran yang begitu serius, mengancam kehidupan flora dan fauna yang menduduki kawasan tersebut. Adalah amat penting khazanah alam ini dicegah dari kerosakan dengan cuba memelihara sebaik mungkin. Saya amat memberi sokongan kepada usaha yang diberikan oleh kementerian dengan mengenakan fi tetapi seperti mana yang disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng tadi, saya rasa fi ini juga tidaklah sebesar mana.

Kalau kita kenakan pula terlalu tinggi maka dia menjadi penghalang pula kepada usaha pelancongan kita kerana kalau dia kata dahulu tiada fee pun, senangnya kita hendak ke sana. Tetapi sekarang Ya-Allah dia kata, seorang hendak bayar gini-gini. Kalau jumlahnya terlalu tinggi maka dia menjadi penghalang kepada industri yang lain pula.

Saya amat bersetuju pandangan daripada rakan tadi setelah mendengar begitu banyak yang telah disampaikan tentang pencemaran yang berlaku yang bukan sahaja daripada sampah sarap tetapi daripada bahan-bahan toksik, bahan-bahan minyak, limpahan minyak. Saya rasa seharusnya kita panjangkan fee ini selain daripada kita memungut daripada pelawat-pelawat yang saya rasa juga tidaklah begitu besar jumlahnya maka seharusnya siapa sahaja menggunakan sama ada lautan mahupun pulau. Ertinya kapal-kapal, bot-bot dan apa sahaja yang difikirkan sesuai kerana seperti mana yang telah diterangkan oleh kementerian tadi, kalau saya dapat dengar dengan jelaslah, kalau betul kementerian ataupun tabung amanah ini memerlukan antara RM1.5 hingga RM2 juta untuk menyelenggara dan mengurus.

Saya rasa jumlah ini kecil dan mungkin tabung amanah ini memerlukan lebih daripada ini kerana kita bukan sahaja sekadar mengurus, sekadar membersihkan tetapi di antara yang paling penting ialah mengawal dan pengawalan ini termasuklah mengebom. Ini pengeboman ikan apabila pendarang-pendarang tanpa izin ataupun ada juga di antara rakyat Malaysia sendiri yang mana melihat ini adalah cara yang termudah. Kalau orang lain boleh buat kenapa saya tidak boleh?

Oleh kerana contoh ini adalah contoh yang tidak baik maka dia akan mengikuti contoh yang tidak baik ini untuk mendapatkan ikan yang mudah dengan mengebom ikan. Tetapi bukan ikan sahaja yang akan mati, kerang-kerang laut dan hidupan lautan yang lain juga akan terlibat dalam keadaan ini.

Maka tindakan kerajaan melalui Jabatan Perikanan untuk mengenakan fee ke Taman Laut di negara kita pada dasarnya berniat untuk melindungi. Janganlah ia disalahfahamkan. Kadang-kadang apabila kerajaan mengenakan fee, macam-macam tentangan daripada rakyat. Itu sebabnya saya juga bersetuju supaya pendidikan diberi penekanan, bukan sahaja pendidikan, tetapi pendedahan tentang niat kementerian dan pendidikan tentang bagaimana memelihara khazanah lautan ini bukan sahaja kepada pendatang sebagai menggunakan umpamanya risalah-risalah tetapi pendidikan di peringkat sekolah, di peringkat seminar yang mana boleh diwujudkan untuk kesedaran umum kerana pencegahan adalah lebih penting daripada perlindungan.

Walau macam mana banyak wang pun kita curahkan, ia tidak akan membawa manfaat sekiranya orang kita tidak terdidik. Umpama macam sampah sekaranglah, pembuangan sampah. Kalau kita tidak didik, kalau kita tidak kenakan denda dan bukan sahaja dari sudut mengenakan denda tetapi *enforcementnya*, pelaksanaannya itu untuk memastikan ia benar-benar dipatuhi.

Saya melihat memang ini adalah satu akta yang begitu penting untuk memberi kebenaran kepada kementerian untuk mengenakan *fee* tetapi *fee* ini amat kecil bagi saya. Yang lebih penting ialah untuk rakyat dididik memastikan supaya khazanah ini bukan sahaja dapat dinikmati oleh kita pada hari ini. Kita senang, pada hari ini melihat kepada keindahan alam tetapi sekiranya tidak dilindungi maka generasi akan datang juga tidak akan menikmati.

Di Sabah umpamanya seperti mana yang telah disampaikan oleh Dato' Dr. Chin tadi, Pulau Sipadan sekarang ini kerajaan telah mengambil tindakan supaya semua pemaju di pulau ini diberhentikan aktiviti-aktiviti mereka dan seperti mana yang Dato' Dr. Chin Fook Weng mengatakan, memang ada tekanan. Mereka merasa seolah-olah mereka pengusaha ini dinafikan hak dan sebagainya. Tetapi mereka telah menggunakan pulau ini sudah bertahun-tahun tanpa sekatan dan diberi peluang. Tetapi orang kata ada pepatah mengatakan "orang mengambil kesempatan dalam kesempitan" Ini bahasa yang mungkin sesuai dikenakan.

Hari ini apabila kerajaan bertindak untuk memberhentikan aktiviti-aktiviti di pulau ini dengan tujuan yang murni iaitu memastikan supaya pulau ini tidak terus tercemar dan memberi peluang untuk khazanah lautan yang telah tercemar ini hidup semula. Kerajaan dilihat sebagai tidak adil. Saya ingin merayu juga kepada pengusaha-pengusaha. Sebenarnya kerajaan memberi peluang kepada mereka untuk terus berniaga dan ini adalah cara yang terbaik supaya kehidupan di kawasan itu dapat dipelihara, dia menjadi satu tarikan yang istimewa bukan sahaja kepada pelawat-pelawat di dalam negara kita tetapi juga pelawat-pelawat luar negara.

Kita jangan lupa bahawasanya kita berusaha bertungkus-lumus untuk menuntut pulau ini melalui ICJ (Mahkamah Keadilan Antarabangsa), tidak guna kita dapat pulau ini, lepas itu terabai begitu sahaja ataupun tercemar. Ini adalah kebanggaan kita. Pada suatu ketika kita takut kalau-kalau Pulau Sipadan jatuh ke tangan orang lain. Hari ini Pulau Sipadan dan Ligitan balik ke tangan kita, Alhamdulillah. Tetapi adalah menjadi tanggungjawab rakyat dan Kerajaan Malaysia memastikan bahawa pulau ini terpelihara. Kalau tidak, sia-sia sahajalah usaha kita untuk mendapatkannya sampai kita sanggup membawa kepada Mahkamah Antarabangsa iaitu ICJ.

Tuan Yang di-Pertua, dengan harapan bahawasanya apa yang telah disampaikan dan diujahkan di dalam Dewan yang mulia ini diambil kira. Saya juga mengambil berat tentang cara kita memungut caj ini ataupun fee ini dan mudah-mudahan ia jumlah berpatutan bukan sahaja untuk mengurus tetapi lebih kepada pendidikan dan pendedahan kepada ramai untuk mendidik rakyat tentang perlindungan hak-hak ataupun khazanah laut ini.

Oleh itu saya merayu agar Jabatan Perikanan akan sentiasa memantau keadaan di semua taman-taman laut di negara ini bagi memastikan tidak ada lagi pencemaran berlaku bukan sahaja keindahan sentiasa terpelihara tetapi juga dari segi pelancongan ia menyumbang manfaat yang sangat besar kepada pertumbuhan ekonomi negara. Kita jangan lupa sungguhpun kita rasa bahawasanya Malaysia mempunyai banyak *resources* tetapi kita mesti mencontohi negara-negara yang tidak ada *resources* yang hanya berharap kepada pelancongan dan mereka juga boleh berjaya.

Kita tidaklah mahu berharap hanya kepada pelancongan dan pulau-pulau dan khazanah laut ini boleh kita anggapkan *the untaxed resources*. Umpamanya di Sabah kalau dahulunya semua berharap kepada hasil kayu balak dan kita sudah

nampak bahawa dia ini *over tax* tetapi kita melihat kepada hasil lautan, hasil daripada pelancongan sebagai *the untaxed resources*. Kalaulah boleh kita berilah tumpuan yang begitu baik yang khusus kepada perlindungan khazanah yang masih lagi mempunyai potensi di masa yang akan datang.

Dengan kata-kata yang sedemikian saya mohon menyokong Akta Fi (Taman Laut Malaysia) (Pengesahan) 2004. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: [*Bangun*]

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya mempersilakan Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

12.49 tgh.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberi untuk membahaskan satu rang undang-undang DR 6/2004. Tuan Yang di-Pertua, akta ini harus dialu-alukan dan saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada pihak kementerian di atas pembentangan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bahaskan akta yang dinamakan, yang pertama, saya merasa sedikit hairan oleh kerana penggunaan perkataan 'Fi', ejaan F-I yang saya percaya diasaskan dari perkataan *Fee* bahasa Inggeris, ejaan F-E-E. Bukankah lebih sesuai kalau kita menggunakan perkataan seperti bayaran atau yuran, ini bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap dengan implementasi kutipan fi tersebut, Taman-taman Laut kita yang cukup indah dan bernilai akan dipelihara dengan lebih baik. Apa yang penting di sini, adalah penguatkuasaan yang berkesan dan tegas. Jika dibandingkan dengan Taman-taman Laut seperti di Australia misalnya, *Great Barrier Reef* di Queensland, taraf pemeliharaan kita kurang memuaskan. Kita sudah melihat laporan-laporan di surat khabar tempatan bahawa kerosakan batu-batu karang, ataupun *coral*, dengan izin di Pulau Redang, Pulau Perhentian dan juga Pulau Tioman oleh pelancong-pelancong yang tidak bertanggungjawab mewujudkan kerosakan laut kita.

Selain daripada tindakan penguatkuasaan, saya harap pihak kerajaan dapat meningkatkan pendidikan rakyat dan juga anak-anak di sekolah diatas nilai keindahan alam semula jadi yang tidak terhingga di negara Malaysia, di antaranya ialah rimba

tropika ataupun *tropical rain forest*, dengan izin, makhluk-makhluk di laut, batu karang dan sebagainya.

Satu perkara yang dibangkitkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng ialah cara-cara penangkapan ikan di laut dalam yang tidak dibenarkan ataupun nelayan haram *illegal fishing*, dengan izin dan juga penangkapan hidupan laut yang dilindungi, *protected species*, dengan izin, seperti penyu.

Tuan Yang di-Pertua, yang sangat kurang memuaskan dan buruk ialah cara-cara "penyelidikan" komersial yang digunakan oleh negara-negara asing yang tertentu. Mereka menggunakan dua atau lebih kapal dengan satu jaring yang besar dan apabila mereka menarik jaring tersebut, semua makhluk-makhluk laut ikut tertangkap termasuk yang dilindungi. Mengikut undang-undang mereka wajib membebaskan semula ikan-ikan atau penyu atau mana-mana makhluk yang dilindungi itu ke dalam laut semula, tetapi saya percaya mereka tidak berbuat demikian.

Satu lagi contoh ialah ikan yu, ini adalah satu perbuatan yang zalim. Mereka memotong sirip atau *fin* dan ikan itu dibuang balik ke dalam laut., dan ia tidak boleh hidup, ia akan mati.

Tuan Yang di-Pertua, pihak pentadbiran juga diminta mengambil tindakan keras diatas orang-orang yang membuang sampah-sarap seperti botol-botol plastik, tin-tin, bekas-bekas lain, paket rokok kosong, dan lain-lain ke dalam laut. I Semuanya ini sudah tentu akan mencemarkan air laut dan membahayakan nyawa kehidupan laut. Begitu juga dengan sisa-sisa perkapalan dan tumpahan minyak, *oil spills*, dengan izin. Adakah pihak-pihak yang terlibat bersiap sedia untuk menghadapi tumpahan minyak dari kapal-kapal tangki minyak?

Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya menyokong Akta Fi (Taman Laut Malaysia)(Pengesahan) 2004. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato', silakan Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri.

12.56 tgh.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan laluan kepada saya untuk turut serta membahaskan rang undang-undang yang dibentangkan kepada kita pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita melihat kepada isi kandungan undang-undang yang kita bahaskan ini ianya tidaklah begitu panjang kerana yang pertama sekali undang-undang ini ataupun akta ini yang dinamakan sebagai Akta Fi (Taman Laut Malaysia) (Pengesahan) 2004 ianya hanyalah meminta kita Ahli-ahli Dewan ini untuk meluluskan pungutan ataupun fi yang telah dipungut oleh Jabatan Perikanan yang telah bermula pada tahun 1999 ataupun pada 1 Januari 1999 hingga pada 17 Julai 2003 diluluskan oleh Dewan ini kerana pungutan telah dilakukan dan se akan-akan pungutan ini belum mendapat apa-apa kelulusan daripada mana-mana pihak yang berkuasa yang melaksanakan undang-undang. Maka dengan sebab itulah kita diminta supaya akta pengesahan ataupun pihak kita mengesahkan pungutan yang telah dilakukan oleh pihak Jabatan Perikanan.

Walaupun sahabat-sahabat saya dari kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat telah berucap panjang menerangkan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan pulau-pulau yang ada di laut, memang di negara kita ini ataupun di Nusantara ini termasuk Indonesia mempunyai pulau-pulau yang banyak dan Allah S.W.T. menjadikan pulau-pulau ini yang pertama, cantik-cantik, indah-indah, itu adalah kuasa Allah S.W.T. Kemudian Allah S.W.T. juga menjadikan di sekitar pulau-pulau ini ada banyak hasil mahsul, sama ada ikan, batu karang dan sebagainya seperti yang disebutkan oleh sahabat-sahabat Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, kesemuanya ini adalah kejadian Allah S.W.T.

Sahabat saya yang baru berucap tadi menyebutkan tentang makhluk, apabila disebut tentang makhluk mesti ada Khalik, Khalik itu ialah yang menjadikan, Khalik itu ialah Tuhan, makhluk itu ialah segala apa jua yang dijadikan oleh Allah S.W.T. Selain daripada Allah S.W.T. itu dipanggil makhluk sama ada ianya pulau, ikan, laut, kayu balak atau sungai, semuanya itu adalah sebagai makhluk Allah S.W.T.

Kalau Allah S.W.T. mengingatkan kepada kita bahawa kerosakan yang berlaku di dunia ini adalah disebabkan oleh usaha tangan manusia. Tadi telah disebutkan, maknanya membuang botol-botol, sampah-sampah di sekitar pulau-pulau yang cantik, pulau-pulau yang indah yang dijadikan Allah S.W.T. itu adalah hasil daripada perbuatan manusia. Allah S.W.T. mengingatkan kepada kita dalam suatu ayat yang sangat mudah, pendek sahaja dia sebut. *[Membaca satu ayat petikan dari Al-Quran]* yang bermaksud: "*Berlaku kerosakan di dunia ini sama ada di lautan, di daratan*

ataupun di pulau-pulau atau di pinggir-pinggir pulau, di pantai dan sebagainya itu adalah hasil daripada usaha tangan manusia”.

Tangan manusialah yang mencampakkan botol, tangan manusialah yang mencampakkan sampah-sampah, maka dengan sebab itu berlakulah kerosakan-kerosakan di pulau-pulau yang telah dijadikan oleh Allah S.W.T. yang kesemuanya itu sebenarnya adalah untuk menjadi sumber rezeki umat manusia. Tuhan jadikan pulau, di pulau itu pelbagai macam ada, ada ikan, ada batu karang dan sebagainya, itu sebenarnya adalah untuk menjadi sumber rezeki manusia. Tetapi manusia itu haruslah menghormati kejadian asal yang telah diperbuat oleh Allah S.W.T. dengan begitu indah.

Maka dengan sebab itulah kita melihat bahawa sesungguhnya keindahan-keindahan yang kita lihat di dunia ini adalah semuanya kejadian Allah S.W.T. ataupun dijadikan oleh Allah S.W.T.

Saya menarik perhatian Dewan ini, supaya kita jangan lupa kepada Tuhan yang menjadikan semua itu. Kita harus ingat bahawa segala-galanya adalah dijadikan oleh Allah S.W.T. dan yang mengambil kepentingan dan yang mengambil faedah dari kejadian Allah S.W.T. itu ialah manusia, tetapi manusia itulah juga yang akan merosakkan segala makhluk yang telah dijadikan oleh Allah S.W.T. Jadi, untuk mengawal

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung semula pada jam 2.30 petang ini.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri.

2.32 ptg.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menyambung semula perbahasan saya yang telah saya mulakan pada sebelah tengah

hari tadi, kerana saya telah menanggukkan perbincangan itu dengan menyebutkan keindahan-keindahan pulau-pulau yang telah dijadikan oleh Allah S.W.T. dan kemudiannya ia telah dirosakkan berdasarkan kepada apa yang telah disebutkan oleh sahabat-sahabat Yang Berhormat yang berucap sebelum saya. Pulau-pulau ini yang istilahnya disebutkan di sini sebagai taman laut, dirosakkan oleh manusia.

Saya telah menyebutkan sepotong ayat Quran yang cukup ringkas, "*Berlaku kerosakan di daratan dan di lautan adalah disebabkan oleh tangan-tangan manusia*". Saya juga telah sebutkan tadi tentang apa yang telah dilakukan oleh manusia menyambut atau menyahut seruan sahabat-sahabat supaya suatu undang-undang ataupun suatu peraturan hendaklah dibuat supaya jangan ada orang-orang yang merosakkan pulau-pulau yang menjadi taman laut itu, dengan membuang kotoran-kotoran, seperti botol-botol dan juga tin-tin ke kawasan-kawasan yang menjadi taman laut seperti yang disebutkan.

Tuan Yang di-Pertua: Kebetulan telah juga di bentang dalam Dewan ini satu rang undang-undang yang bernama Akta Racun Makhluk Perosak untuk pertimbangan Dewan. Adakah itu berkaitan?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya ingat apa yang ada dalam dunia ini berkaitan di antara satu dengan yang lain. Tidak ada satu pun yang tidak ada kaitan, semuanya berkaitan di antara satu dengan yang lain, selama mana manusia ini mempercayai bahawa dia dijadikan oleh Tuhan bahawa seluruh yang ada di dalam dunia ini selain daripada Tuhan itu sendiri dijadikan oleh Tuhan. Semuanya ada kaitan. Kehidupan manusia ini mempunyai kaitan di antara satu dengan yang lain. Di antara seorang dengan seorang yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyebutkan tadi bahawa kalau kita hendak membahaskan dari segi undang-undang semata-mata, hanya sedikit sahaja, yang pertama Dewan ini diminta supaya meluluskan akta ini di mana fee yang telah dipungut oleh Jabatan Perikanan kita luluskan. Selesai, tidak payah bahas. Tetapi persoalannya, ia telah dipungut kemudian dipohon kepada Dewan ini untuk meluluskan setelah fee itu dipungut. Itu persoalan barangkali yang juga telah ditimbulkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Dato' Dr. Chin tadi. Beberapa kali sudah di dalam Dewan ini di minta kita meluluskan perkara-perkara yang telah dibuat kemudian diminta Dewan ini meluluskan.

Saya ingin menarik perhatian di sini, tadi sahabat saya, Yang Berhormat Dr. yang tepi saya ini, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin menyebutkan bahawa fee ini dikenakan kepada pelancong-pelancong ataupun pengunjung-pengunjung taman laut ini. Saya tidak tahu adakah di sekitar kawasan 2 batu nautika, kalau tidak silap saya. 2 batu nautika ini kalau bot masuk situ, adakah dikenakan bayaran fi, walaupun bot itu saya tahu ada lesen tertentu, tetapi dia masuk ke kawasan sekitar dua batu nautika itu, adakah dikenakan bayaran ataupun dikenakan fi tadi.

Ini satu, ataupun ia hanya dikenakan kepada pengunjung-pengunjung yang datang ke situ dengan bayaran seperti yang disebutkan oleh sahabat saya tadi RM10 atau RM5 seorang orang dewasa dan RM2.50 bagi orang tua dan juga kanak-kanak. Jadi, kapal-kapal ataupun bot-bot nelayan, barangkali adanya nelayan, ada juga bot-bot peniaga yang datang ke situ untuk mengintai-intai kalau ada rezeki yang disediakan oleh Allah S.W.T. di pinggir-pinggir pulau taman laut ini, mereka mengambil kesempatan dan kadang-kadang sampai merosakkan. Ada tadi menyebut, ikan yu pun mati, penyu dan sebagainya, mati akibat daripada perbuatan manusia.

Jadi, saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah fi ini dikenakan hanya kepada pelancong-pelancong ataupun pengunjung taman laut ini. Atau ia juga dikenakan kepada kapal-kapal, bot-bot yang lalu di kawasan 2 batu nautika itu. Jika, sekiranya tidak dikenakan apa-apa bayaran - tadi sahabat saya sebut fi itu biarlah, buat bayaran apa salahnya kan, jadi senang. Dari segi ejaannya pun senang, dari segi perkataannya pun senang.

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah ia telah dikenakan. Jika tidak, adakah pihak kementerian bercadang mengemukakan suatu rang undang-undang baru supaya bot-bot ataupun kapal-kapal yang lalu ataupun berhenti sekejap, dua, tiga jam atau satu malam, dua malam juga dikenakan fi, selain daripada itu lesen soal lainlah. Maknanya dikenakan juga bayaran. Jadi, kalau ini dikenakan bayaran tentulah barangkali Jabatan Perikanan akan mendapat hasil yang lebih besar, itu persoalan yang saya hendak timbulkan di sini.

Yang keduanya, oleh kerana Dewan ini diminta meluluskan, kami tidak tahu berapa kadar yang telah dipungut, yang kita hendak luluskan ini. Saya juga mengharapkan supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan dalam Dewan ini berapa pungutan yang telah dibuat sejak tahun 1999 hingga tahun 2003. Jadi, akan mudahlah kami hendak luluskan. Sebenarnya kita kena lulus, macam mana pun, apa

pun perbincangan yang ada di dalam Dewan ini kerana ia sudah dipungut, kita minta supaya diluluskan, kita akan luluskan, tetapi sebelum meluluskan adalah lebih baik kalau sekiranya pihak Yang Berhormat dapat menyatakan kepada kami berapa jumlah yang telah dipungut dan berapa jumlah yang telah diserahkan kepada Tabung Amanah Laut, kerana disebutkan setelah dipungut ia diserahkan kepada Tabung Amanah Laut. Jadi, dengan sebab itu kita juga sangat memerlukan kepada jumlah yang telah dipungut dan dengan yang demikian itu, kami tidak mempunyai sebarang keraguan ketika hendak meluluskan akta ini. Itu yang kedua.

Yang ketiganya, tadi juga telah disebutkan oleh kerana yang diminta dua perkara sahaja, pertama mengesahkan pungutan yang telah lalu, yang keduanya, supaya pungutan yang telah dipungut itu tidak boleh diambil tindakan oleh mana-mana pihak di mahkamah. Tadi, sahabat saya telah menimbulkan adakah bunyi-bunyi, khabar-khabar yang ada pihak-pihak yang hendak membawa pihak Jabatan Perikanan ke mahkamah. Maka, dengan sebab itu dimasukkan dalam perenggan dua bahawa sesungguhnya pungutan ini tidak boleh dibawa ke mahkamah oleh mana-mana jua pihak.

Maka perkara ini juga kami perlu mendapat penjelasan. Mudah-mudahan dengan yang demikian itu akan memudahkan, sekurang-kurangnya meyakinkan Ahli-ahli Dewan Negara ini untuk meluluskan sesuatu permohonan yang telah dibuat pungutannya terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin menyebutkan sedikit di sini, seperti yang disebutkan sebahagiannya oleh sahabat-sahabat Yang Berhormat yang telah berucap terdahulu daripada saya tadi.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada rakan saya Yang Berhormat Tuan Haji Hassan Shukri. Saya tertarik dengan perbincangan Yang Berhormat dan saya ingin meminta sedikit penjelasan ataupun pandangan Yang Berhormat. Oleh sebab tadi Yang Berhormat kata akta ini ada syarat dan syaratnya ialah tidak boleh membawa kes-kes ke mahkamah. Dalam pandangan Yang Berhormat, bolehkah kita meluluskan satu akta dengan syarat begitu, di mana dikatakan ini tidak boleh dibawa ke mahkamah-mahkamah. Dalam pandangan Yang Berhormat, adakah perkara ini betul, adil atau tidak? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat memberi ulasan dan kupasan, suka saya mencelah bahawa mendukung peranan Yang Berhormat-Yang Berhormat bagi menyerlahkan akauntabiliti dan ketelusan pemerintah, Yang Berhormat sedang membahaskan satu rang undang-undang yang pada sepintas lalu kelihatan ringkas, kecil, pendek dan mungkin hanya satu formaliti dari seimbans pandangan pemikiran. Namun di depan kita adalah beberapa prinsip yang besar atau prinsip pokok.

Pertamanya, soal-soal alam sekitar dan alam semula jadi. Keduanya, prinsip-prinsip yang menjadi syarat kepada pemerintah sekalipun dalam mengenakan apa-apa bayaran atau mengutip wang daripada rakyat dan bukan rakyat. Ketiganya, perbahasan juga terpaksa menyentuh prinsip-prinsip dalam proses perundangan yang menjurus kepada penjelasan yang diminta oleh Dato' Dr. S. Vijayarajam tadi.

Terdapat satu perkara di depan mereka yang menganggotai badan-badan perundangan yang disebutkan *odious*, bermakna tidak selesa tetapi terpaksa dibuat, iaitu meluluskan perundangan dengan *retrospective effect*. *It is not a very nice thing in any legislative process to pass any law with retrospective effect*. Lebih-lebih lagi dengan mengenakan pula syarat "tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah". Maka ia, dengan izin, *odious*, dan sebab itu saya memahami mengapa dalam sanubari Ahli-ahli Yang Berhormat berlaku keresahan dalam meluluskan undang-undang ini sebab ianya mempunyai unsur-unsur *retrospective effect*. Tambah lagi pula ia tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah. Dan keempatnya, sebagai saya katakan dalam perbahasan, ialah untuk menampakkan akauntabiliti dan ketelusan pemerintah.

Dengan kata-kata tersebut, saya jemput Yang Berhormat menyambung ucapan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua nampaknya sudah pun memberikan penjelasan-penjelasan yang saya kira boleh diterima oleh sahabat saya yang telah memohon laluan supaya saya memberikan penjelasan. Memanglah tadi pun saya sebutkan kerana kita tidak berapa selesa dengan akta yang dibentangkan ini yang sepatutnya telah dibentangkan barangkali pada tahun 1999, selewat-lewatnya pun pada tahun 2002. Ini sudah lewat sampai tahun 2003 barulah dibentangkan kepada kita tetapi pembentangannya itu walaupun dari segi pembentangannya tidak dinyatakan jumlah yang dipungut, tadi

sudah tidak selesa, supaya kami ini rasa selesa, tahu berapa jumlahnya yang telah dipungut oleh Jabatan Perikanan itu.

Mengenai syarat, saya rasa apabila kita luluskan di sini, syarat ini akan terpakai dari segi undang-undang. Syarat ini akan terpakai, itulah persoalan yang kita hadapi sekarang ini walaupun Tuan Yang di-Pertua telah menjelaskan kepada kita bahawa kita rasa tidak selesa dan barangkali Tuan Yang di-Pertua pun tidak berapa selesa juga kerana Dewan ini adalah Dewan yang paling tinggi yang kita diminta untuk meluluskan sedangkan kita tidak mempunyai gambaran yang jelas terhadap pungutan itu walaupun disebutkan ianya telah diserahkan kepada pemegang amanahnya, Tabung Amanah Laut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, jadi apabila kita luluskan hari ini maka tidak timbul lagi soal syarat kalau dikuatkuasakan. Maknanya tidak ada peguam-peguam bagi mana-mana pihak pun yang boleh membawa kes ini ke mahkamah, itu pada fahaman sayalah. Kalau dia bawa juga ke mahkamah maka saya ingat Peguam Negara kena lawanlah habis-habisan.

Tuan Yang di-Pertua: Cakap orang kampung, nikah dulu baru kahwin atau kahwin dulu baru nikah? *[Ketawa]* Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: *[Pembesar suara lambat berfungsi]*Nikah dulu baru kahwin tidak apalah, ini kahwin dulu sebelum nikah, itu yang kacau. Jadi, ini kahwin dulu sebelum nikah, tetapi dari segi bahasa Melayu, kedua-duanya itu sama sahaja – ‘nikah’ itu bahasa Arab dan ‘kahwin’ itu bahasa Melayu, kedua-duanyalah. Ada kahwin tidak nikah dan ada kahwin yang nikah ataupun kahwin yang berdaftar. Saya ingat dalam undang-undang ataupun undang-undang agama lain, dia kena kahwin berdaftar di mana-mana mahkamah. Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ini tidak pandai biologilah.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya pun tidak mengaji biologi, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Dalam istilah biologi, “nikah” lain, “kahwin” lain. *[Ketawa]* Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tetapi istilah yang terpakai saya hendak menyebutkan, maknanya dari segi pemahaman orang Melayu, perkataan, bahasa dia itu, ‘nikah’ itu maknanya kahwin dan ‘kahwin’ itu maknanya nikah, itu orang Melayulah. *[Ketawa]* Tetapi memanglah dari segi penuturan istilah bahasa Arab memang lain.

“Nikah” itu bermakna “yang menentukan sah atau tidak sahnya perkahwinan seseorang” tetapi “kahwin” itu belum tentu sah kalau dia tidak menikah, itu persoalannya.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi Yang Berhormat, pokok dia kahwin, dia tidak nikah. *[Ketawa]*

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Itu dia gabung dua sahaja, jadi dia kahwin, tidak nikah. Terima kasih. Ada lagi Tuan Yang di-Pertua hendak sambung?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Okey. Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada akta ini, saya juga mengharapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya dapat memberikan penjelasan kepada kami kerana sahabat-sahabat Ahli Yang Berhormat tadi telah membangkitkan banyak perkara. Adakah kementerian bercadang untuk mengemukakan satu rang undang-undang yang kemas dan menyeluruh supaya semua yang terlibat dengan taman laut ini akan dikenakan fi. Berapa banyak fi itu adalah soal lain, berapa banyak, itu soal lain.

Berapa banyak itu soal lain dan itu kita serahkan kepada kuasa Yang Berhormat Menteri untuk mengadakan peraturan-peraturan tertentu bagi mengawal, bagi memelihara, bagi menjaga keindahan taman laut ini supaya tidak diganggu-gugat oleh pihak-pihak yang mungkin mengambil kesempatan, kadang-kadang melalui cara mereka datang melancong dan juga mereka bawa kapal, bawa bot dan sebagainya, mereka akan merosakkan taman laut yang begitu indah seperti yang telah digambarkan oleh sahabat-sahabat Ahli-ahli Yang Berhormat tadi yang saya pun dapat menimba ilmu pengetahuan daripada penjelasan-penjelasan yang diberikan yang bawa gambar pun ada tadi di mana taman laut yang asalnya macam ini kemudian sudah rosak, hancur.

Semuanya ini memberi implikasi kepada kita untuk memberi kawalan yang ketat. Persoalan yang saya hendak timbulkan, adakah pihak kementerian bercadang hendak mengadakan, hendak mengemukakan dalam Dewan ini suatu rang undang-undang untuk kita bahas, kemudian kita luluskan supaya ia dapat dikuatkuasakan oleh pihak-pihak tertentu, tiada orang yang boleh mengelak daripada sebarang bayaran *fi* yang nanti akan dikenakan mengikut undang-undang yang tersebut. Tetapi jangan dikuatkuasakan sebelum rang undang-undang ini diluluskan dan menjadi undang-undang. Ini persoalan yang saya ingin timbulkan kepada Yang Berhormat Menteri.

Yang akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat tahu apabila cadangan ataupun ada rang undang-undang yang saya katakan kemas, yang boleh memberikan kuasa secukup-cukupnya kepada pihak yang akan menguatkuasakan itu, apakah ia akan dapat menjamin bahawa sesungguhnya Taman-Taman Laut ini akan terpelihara dengan sebaik-baiknya. Kerana sebagaimana yang saya sebutkan pada peringkat awal tadi bahawa sesungguhnya itulah dia keaslian, kejadian yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Kalau dulu saya pernah menyebutkan, kalau manusia ini dijadikan dalam dunia pun akan rosak, kalau dunia ini Tuhan jadikan perempuan semuanya tidak ada lelaki dunia juga akan rosak juga.

Begitu juga dengan alam ini, kalau Tuhan jadikan laut semua tidak ada pulau tidak ada daratan, saya ingat manusia pun akan susah hendak hidup, maka dengan sebab itulah kita melihat balik kebesaran Tuhan, saya mengajak melihat balik kebesaran Tuhan kerana saya kira semua agama mengakui tentang kebesaran Tuhan ini, kekuasaan Tuhan. Apabila kita melihat balik kekuasaan Tuhan ini, mudah-mudahan akan timbul keinsafan bukan sahaja kepada kita, tadi kita suruh anak-anak sahaja, kita sendiri ini tidak tahu lagi. Orang-orang tua tidak tahu lagi. Boleh jadi yang merosakkan alam ini di antaranya ialah orang tua, bukan anak-anak.

Tadi disebutkan oleh sahabat-sahabat saya bahawa kita kena didik anak-anak kita, saya kira orang tua pun kena didik juga supaya mencintai alam semula jadi ini dan jangan dirosakkan. Kerana ia merupakan kejadian yang telah dianugerahkan oleh Allah SWT bagi menyelesaikan kehidupan manusia ini dari berbagai agama, berbagai bangsa, berbagai keturunan dan sebagainya.

Dulu saya sudah menyebutkan di sini kalau tidak silap ingatan saya di nusantara ini termasuklah Malaysia, ada ribuan pulau dan ribuan bahasa yang digunakan, 3683 suku-suku bahasa yang digunakan di nusantara ini bukan Malaysia semualah. Maknanya dengan kejadian yang telah ditentukan oleh Allah SWT ini manusia akan boleh berfikir bahawa semua kejadian itu akan menjadi tumpuan untuk manusia ini memperbaiki, menjaga alam sekitar itu kemudian kerana ia menjadi tempat-tempat mencari sumber rezeki, misalnya ia akan menjadi salah satu sumber kewangan dari segi pelancongan, kerana pulau-pulau ini di lautan, ada pulau yang dikatakan Taman Laut tadi dan di daratan pulau dijadikan gunung-ganang yang menjadi pasak bumi disebutkan dalam Quran gunung-ganang ini pasak bumi.

Jadi kesemua ini kemudiannya diambil manfaat oleh manusia sama ada oleh badan-badan pelancongan, syarikat-syarikat pelancongan sekarang ini masing-masing cari hutan, dulu orang tidak cari hutan, sekarang orang mencari hutan. Dan sekarang ini syarikat-syarikat pelancongan juga mencari pulau-pulau untuk membawa pelancong-pelancong ke pulau-pulau untuk berehat dan sebagainya, maka dengan sebab itu kita mengharapkan supaya suatu undang-undang yang lebih sesuai, yang lebih munasabah dilaksanakan dan dikemukakan kepada Dewan ini.

Saya rasa kita tidak keberatan untuk membincang dan meluluskannya, walaupun ini maknanya tadi diminta kita luluskan benda ataupun perkaranya, finya sudah dipungut, kita luluskan kemudian, itu pun kita luluskan. Apa lagi kalau dia hendak buat yang lebih baik kita juga akan luluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat yang telah mendalami pengajian Islam, apakah pendekatan perundangan Islam dalam soal prinsip tersebut, buat dulu baru sahkan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Inilah Tuan Yang di-Pertua, kalau saya cakap dari segi konsep Islam tentulah barangkali, sekurang-kurang bahasa yang paling kita kata munasabah, yang paling sesuai, saya kemukakan dalam Dewan ini ianya “tidak selesa”, ini saya ambil bahasa Tuan Yang di-Pertualah “tidak selesa”, walaupun kita kata...

Tuan Yang di-Pertua: Undang-undang fikah macam mana?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Dia sepatutnya diluluskan dulu. Diluluskan dulu kerana undang-undang ini, ia tidak dinaskan dalam Quran, tetapi apabila ia berkaitan dengan masalah manusia ini dikatakan “umur Isiadiah” perkara-perkara isi hadis. Yang kita boleh lihat kesesuaian pada waktu itu dan kita atur, kita susun kita bawa dalam Dewan ini dalam Dewan Rakyat kita luluskan, maka itu undang-undang yang paling baik.

Tetapi apabila undang-undang itu dijalankan dulu kemudian dipohon kita luluskan seakan-akan kita terpaksa akan meluluskan. Macam satu ketika dulu, akan datang ini kita bahaslah tetapi saya tidak masuk lagi, misalnya belanjawan tambahan, atau perbekalan tambahan, itu pun duit sudah belanja, kemudian kita diminta luluskan, tidak apalah kerana itu adat yang berlaku di dalam negara kita. Kita luluskan, tetapi ia tidak baik, kenapa tidak diminta daripada awal, kemudian Ahli-ahli Dewan ini meluluskan, saya rasa itu lebih baik, lebih baiklah, bukan saya hendak katakan dia

tidak baik kerana ini perlu diluluskan, kalau tidak dipersoalkan oleh rakyat bagaimana pungut duit rakyat, pungut dulu kemudian baru diadakan undang-undang.

Ini persoalan yang telah kita tegur berkali-kali dalam Dewan ini supaya pada masa-masa yang akan datang diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan, itu permohonan kitalah sama ada permohonan Ahli Dewan Negara ini dilayan ataupun tidak, itu persoalan yang kedua, tetapi kita telah mengemukakan hasrat rakyat begitu supaya betul-betul kerajaan yang sama-sama kita dukung ini, tidak kiralah pembangkang, kita dukung semuanya kerana ia adalah sebagai sebuah kerajaan yang telus, yang menerima pandangan-pandangan yang baik daripada rakyat sekalian termasuklah Ahli-ahli Dewan Negara ini.

Oleh yang demikian itu Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu mengambil waktu yang panjang, hendak bagi ruang kepada sahabat-sahabat yang lain kerana ia dua perkara sahaja, yang pertama sekali diminta kita mengesahkan pungutan yang telah dibuat oleh Jabatan Perikanan. Yang keduanya, kita diminta supaya Dewan ini meluluskan, kalau Yang Berhormat kita syarat - syaratlah, kalau tidak syaratkan diminta supaya apa yang telah dipungut itu tidak boleh dibawa oleh mana-mana pihak ke mahkamah, itu sahaja yang hendak kita luluskan. Maka dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Siti Zailah.

2.57 ptg.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana turut memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengesahkan pungutan fi berkenaan dengan apa-apa kemasukan ke mana-mana Taman Laut Malaysia selama tempoh mulai 1 Januari 1999 hingga 17 Julai 2003.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan ini juga saya ingin minta penjelasan daripada pihak kementerian berapakah anggaran jumlah fi yang telah dipungut oleh Jabatan Perikanan Malaysia yang telah dibayar kepada Tabung Amanah Taman Laut dan Rizab Laut setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu bagaimana laut adalah khazanah alam yang amat mahal harganya yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada kita manusia. Setiap hari kita bergantung kepada laut untuk berbagai sumber kehidupan

seperti sumber protein, sumber petroliaam dan lain-lain dan juga termasuk dari segi menjadi produk pelancongan dalam negara kita. Kita mengucapkan syabas kepada pihak kementerian di atas segala usaha untuk menguatkuasakan undang-undang untuk memelihara Taman Laut Malaysia yang hampir keseluruhannya negara kita dikelilingi oleh laut.

Walau bagaimanapun aktiviti manusia hari ini telah banyak merosakkan sistem ekologi flora dan fauna di perairan negara kita. Oleh itu pemeliharaan Taman Laut agar kekal semula jadi memerlukan usaha yang serius daripada semua pihak.

Usaha pendidikan dan kesedaran juga perlu diberi kepada semua peringkat masyarakat untuk memelihara khazanah laut kita yang sepatutnya menjadi tanggungjawab kita bersama. Begitu juga usaha-usaha pemulihan perlu dibuat di kawasan yang telah rosak ekologinya bagi mengekalkan khazanah ini bagi generasi yang akan datang. Pemuliharaan ini juga amat penting kerana ia menjadi salah satu daripada produk pelancongan yang penting dalam negara kita.

Cuma apa yang perlu kita tarik perhatian dalam kita menikmati keindahan laut yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T mungkin kita membuat satu cara kita yang lebih sopan sebab di mana-mana kita lihat apabila mereka ini menyelam ke laut dengan pakaian yang amat menjolok mata. Maknanya perkara melihat keindahan Allah sebab ayat-ayat Allah ini bukan sahaja ayat-ayat Al-Quran, tetapi ada ayat dari bentuk kejadian. Maka di dalam kita meneliti kehebatan dan keagungan ciptaan Allah, sepatutnya usaha itu kita buat dengan cara yang baik, dengan cara peraturan yang baik dan maknanya kalau boleh cara untuk kita melihat itu dengan cara yang sesuai dengan kehendak Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin penjelasan daripada pihak kementerian apakah dalam usaha kita untuk melaksanakan akta ini iaitu diadakan sebarang perundingan dengan negara-negara jiran terutamanya yang berhampiran dengan perairan negara kita, sebab kita tahu bahawa pencerobohan nelayan asing dalam kawasan perairan negara kita, begitu juga tumpahan minyak, pencemaran laut juga berpunca daripada aktiviti rakyat asing.

Jadi, apakah dalam memelihara sekitar taman laut kita ini diadakan sebarang perundingan dengan negara jiran, terutama negara-negara yang terlibat dengan aktiviti perdagangan yang aktif seperti Selat Melaka dan sebagainya dan apakah dari segi

jangka masa panjang, perancangan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan untuk memelihara kepentingan laut bersama antara kedua-dua negara.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, apakah dengan fi yang kita kenakan setakat ini mampu untuk menyelenggarakan pemuliharaan taman laut sekitar negara kita, sebab kita lihat di antara ancaman utama yang ada dalam masalah pemuliharaan di sekitar laut kita ialah masalah ancaman ombak besar ataupun hakisan ombak yang kita lihat amat ketara terutama di negeri sebelah Pantai Timur yang mana perkara ini banyak merosakkan plankton ataupun makanan-makanan ikan yang boleh menjadi bekalan untuk masa depan ekonomi negara kita. Bukan setakat itu sahaja, ia boleh menjejaskan ekonomi para nelayan kita. Jadi, setakat ini apakah perkara ini diambil perhatian oleh pihak kementerian.

Jadi, dengan kata-kata itu, saya juga turut menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi menggulung dan menjawab.

3.03 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada enam Ahli-ahli Yang Berhormat yang bangun untuk mencelah dalam masa perbahasan Rang Undang-undang Fi (Taman Laut Malaysia) (Pengesahan) 2004 ini.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan bahawa tujuan kepada pembentangan Rang Undang-undang Fi (Taman Laut Malaysia) (Pengesahan) 2004 adalah bagi mengesahkan kutipan yang telah dibuat oleh Jabatan Perikanan yang bermula pada 1 Januari 1999 hingga 17 Julai 2003. Sebenarnya Jabatan Perikanan telah mendapat kebenaran daripada Perbendaharaan dan juga telah dipersetujui oleh Kabinet untuk kita membuat kutipan bagi menabung dana untuk tujuan pengurusan penyelenggaraan di taman-taman laut yang terdapat di negara kita.

Sungguhpun kita mendapat kebenaran daripada pihak Perbendaharaan, tetapi kita dapati ada perkara-perkara yang tidak lengkap di sisi undang-undang. Oleh kerana itulah kita membentangkan Rang Undang-undang Fi (Taman Laut Malaysia) (Pengesahan) 2004, khususnya bagi mengesahkan kutipan yang telah dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya memaklumkan bahawa taman laut di negara kita ini adalah terbaik sekali di antara taman-taman laut yang terbaik di dunia. Mengikut kajian pada tahun 2000, terdapat sebanyak 268 spesies ikan dan 450 spesies batu karang. Sebanyak 80% daripada jumlah spesies ikan dan terumbu karang di dunia ini terdapat di taman-taman laut di negara kita.

Jenis terumbu karang yang utama di taman laut ialah *Feringgi Reef*. Spesies batu karang yang *nominal* itu ialah '*acropora*' species. Taman laut di Malaysia ini telah menyumbangkan kepada tiga bidang.

Yang pertama, dari segi tarikan pelancongan yang telah membawa hasil yang banyak kepada negara kita. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, kedatangan pelancong asing dan pelancong luar negara ke kawasan ini telah meningkat seramai 778,442 orang, manakala pelancong tempatan sebanyak 820,116 orang.

Selain dari segi tarikan destinasi pelancongan, yang keduanya, taman laut ini perlu kita jaga kerana ia menyumbang kepada pendaratan ikan dalam negara. Taman-taman laut ini menyumbangkan kepada keperluan protein sebanyak satu metrik tan ikan yang didaratkan setiap tahun dengan nilai ringgit sebanyak lebih kurang RM4 bilion. Taman-taman laut ini membantu ke arah menjamin pendaratan ikan.

Yang ketiga, taman laut ini memberi perlindungan kepada pantai negara, jadi oleh kerana ketiga-tiga ini penting, maka sudah tentulah dari segi jabatan, akan mengambil tindakan kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang boleh menyebabkan terumbu rosak, mati dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Ratnam telah menyentuh tentang pengawalan pencemaran di laut yang menyebabkan kerosakan kepada rumpai laut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, undang-undang yang mengawal pencemaran tersebut adalah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin bertanya tentang maksud bayaran fi dan apa kegunaannya. Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani juga menyentuh tentang program pendidikan. Di maklumkan bahawa fi ini dikenakan bagi menampung kos-kos pengurusan dan kemudahan taman laut. Ianya turut juga digunakan untuk program-program aktiviti kesedaran serta penyelidikan.

Program-program dijalankan kepada pelbagai peringkat masyarakat. Program kepada masyarakat umum biasanya dijalankan bersama-sama dengan pihak yang

terlibat di dalam pelancongan. Manakala bagi pendidikan kepada pelajar-pelajar, program-program dijalankan bersama dengan Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Pelajaran, khasnya semasa di sekolah.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin juga meluahkan rasa kurang keselamatan pengeluaran resit-resit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, resit-resit yang dikeluarkan hanya diuruskan oleh Ibu Pejabat Jabatan Perikanan dan ianya hanya dicetak di Percetakan Nasional Malaysia Berhad. Pengeluaran resit sentiasa dipantau melalui nombor siri yang terdapat pada resit.

Kerjasama telah diperolehi daripada pelbagai pihak seperti operasi pelancongan dan pemandu pelancong dalam hal pembayaran fi dan mengeluarkan resit. Namun semua urusan pembayaran fi adalah dijalankan oleh kakitangan Jabatan Perikanan yang telah digazetkan.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dan juga Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani juga menyentuh tentang jumlah kutipan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah fi yang dikutip diperuntukkan dalam Perintah Fi 2003, kadar yang dikenakan ialah;

- (a) Untuk dewasa – RM5 sahaja
- (b) Untuk kanak-kanak enam tahun sampai 12 tahun, warga tua berumur 65 tahun ke atas dan orang kurang upaya dikenakan fi – RM2 sahaja

Sama ada kutipan ini dibuat kepada nelayan-nelayan ataupun bot-bot yang dibangkitkan itu, jawapan itu tidak, sebab nelayan di Malaysia ini dianggap satu golongan yang paling miskin di Malaysia dan tugas kerajaan ialah untuk meningkatkan pendapatan untuk nelayan-nelayan itu. Nelayan ataupun bot-botnya semuanya dilesenkan. Mereka hendaklah membayar bayaran lesen.

Tuan Yang di-Pertua, kutipan bagi tahun 2003 adalah sebanyak RM1.1 juta dan semuanya dimasukkan ke dalam Tabung Amanah Taman Laut dan Rizab Laut. Dari 1 Januari 1999 hingga Julai 2003, kutipan semua sekali adalah RM5.2 juta.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng bertanya sama ada kutipan fi ini pernah "dicabarkan" di mahkamah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kutipan fi yang dibuat telah diluluskan oleh pihak Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi. Rang undang-undang ini dibentangkan di Dewan ini untuk mengesahkan

kutipan yang telah dibuat untuk menyelaraskan di bawah Akta Fi 1951. Sehingga kini kutipan fi tidak pernah dicabar di mahkamah oleh mana-mana pihak.

Saya juga mengakui, jika boleh lebih baik kita luluskan akta ini sebelum kita buat kutipan wang tetapi kita bukan Tuhan, manusia selalu membuat kesilapan. Oleh sebab itu, jika ada kesilapan, kita perbaiki melalui cara-cara yang baik. Pada pandangan saya, inilah satu cara yang baik kita luluskan di Dewan Rakyat dan di Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Betul Yang Berhormat. Kerajaan peka terhadap prinsip sama ada prinsip *rule of law*, prinsip *accountability*, prinsip perlunya kerajaan telus dalam mengurus negara. Maka sebab kerajaan pekalah, dibentangkan rang undang-undang ini. Kerajaan tidak mahu buat tidak tahu. Terima kasih.

Dato' Seri Kerk Choo Ting: Saya memang bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua. Ini memang tugas dan sikap Kerajaan Barisan Nasional itu sendiri, kita hendak mengadakan satu negara yang baik, ada satu *governance* kerajaan yang baik.

Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam telah menyentuh tentang istilah fi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, istilah fi itu bukan ciptaan kementerian saya. Fi ini adalah satu perkataan yang telah diluluskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, satu dewan yang menjaga istilah-istilah baru. Oleh sebab itulah kita gunakan fi. Kalau ini tidak berapa enak atau tidak berapa betul, saya cadangkan Yang Berhormat sebutkan dan bangkitkan ini kepada Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih bagi pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani atas minat Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi syor-syor dan ulasan-ulasan yang menyentuh pelbagai aspek demi menjaga prasarana, alam sekitar di laut dan juga meningkatkan pengurusan dan pentadbiran taman-taman laut. Yang mana yang tidak dapat dijawab di sini, kementerian ini akan mengambil perhatian dan tindakan lanjut akan diambil dengan sewajarnya.

Begitulah, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Maka sah dalam bahasa undang-undang, bahasa Melayu sah dipakai perkataan fi, caj atau caruman disahkan oleh Dewan Bahasa. Betul Yang Berhormat? [*Bertanya kepada Dato' Seri Kerk Choo Ting*]

Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG RACUN MAKHLUK PEROSAK (PINDAAN) 2004

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.20 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-Undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Racun MakhluK Perosak 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Racun MakhluK Perosak 1974 telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1974 dan mula berkuat kuasa pada 15hb April 1975. Menurut Akta Racun MakhluK Perosak suatu Lembaga Racun MakhluK Perosak telah ditubuhkan. Jabatan Pertanian ialah urusetia kepada lembaga berkenaan. Akta ini merupakan akta utama untuk mengawal aktiviti-aktiviti yang berhubungan dengan Racun MakhluK Perosak.

Pengawalan terhadap aktiviti-aktiviti Racun MakhluK Perosak adalah sangat penting untuk memastikan Racun MakhluK Perosak diuruskan dengan secara

berkesan selari dengan kehendak pembangunan lestari dengan mengambil kira aspek-aspek keselamatan kepada Malaysia, binatang dan kesejahteraan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, Racun Makhluk Perosak merupakan salah satu input dalam pembangunan dan pengeluaran komoditi pertanian, penternakan haiwan dan perhutanan serta juga digunakan untuk kesihatan awam bagi mengawal vektor-vektor yang membawa penyakit dan juga untuk mengawal makhluk perosak rumah tangga.

Memandangkan racun makhluk perosak mempunyai sifat-sifat semula jadi yang beracun dan berbisa, maka adalah penting supaya racun makhluk perosak dikawal dan diurus dengan baik dan berkesan. Bagi memastikan faedah pengguna dapat diperolehi dan pada masa yang sama mengelakkan kesan buruk kepada manusia organisma bukan sasaran (*non-target organism*), dengan izin, dan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, setelah hampir 30 tahun sejak berkuat kuasanya akta ini oleh Jabatan Pertanian, terdapat beberapa kelemahan dalam akta yang perlu dibaiki. Oleh yang demikian, akta ini dipinda bertujuan untuk mengemaskinikan peruntukan dalam akta ini agar sesuai dengan perkembangan industri racun makhluk perosak dalam negara. Di samping itu, diharapkan penguatkuasaan undang-undang di bawah akta ini kelak akan dapat meningkatkan lagi keberkesanan kawalan industri racun makhluk perosak di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, antara pindaan yang dicadangkan ialah untuk menyelaraskan gelaran jawatan bagi anggota lembaga dan menambahkan keanggotaan lembaga daripada 12 orang kepada 14 orang anggota dan juga menambahkan bilangan *kuorum* kehadiran mesyuarat daripada 6 orang kepada 7 orang anggota.

Selain itu tempoh pendaftaran racun makhluk perosak juga dicadangkan dipanjangkan kepada lima tahun dan juga tempoh sah lesen menjual atau menyimpan untuk jualan kepada tiga tahun dan mengurangkan beban kerja permohonan, pendaftaran dan pelesenan.

Di samping itu, dimasukkan seksyen baru yang mengehendaki pendaftar memberitahu lembaga jika mendapati apa-apa kemudaratan racun makhluk perosak itu terhadap binatang, tumbuhan-tumbuhan, buah-buahan atau harta.

Rang Undang-undang ini juga meminda Akta Racun Makhluk Perosak dengan menambah penalti untuk semua kesalahan sebagai langkah pencegahan selaras dengan seriusnya kesalahan itu.

Rang Undang-undang ini juga memperuntukkan bahawa seseorang hendaklah mendapatkan permit sebelum mengimport racun makhluk perosak untuk digunakan sebagai contoh pendaftaran atau piawai cerakinan. Di samping itu, seksyen baru dimasukkan yang mengehendaki seseorang mendapatkan permit sebelum menjalankan percubaan atau penyelidikan di luar makmal ke atas racun makhluk perosak yang tidak berdaftar dan disintesis di Malaysia.

Selain itu juga, seksyen baru dimasukkan untuk menentukan tempoh masa 60 hari untuk menyiapkan analisis racun makhluk perosak dari tarikh racun makhluk perosak itu dirampas.

Rang Undang-undang ini juga memasukkan seksyen baru yang memperuntukkan label sebagai bukti bahawa bahan di dalam bekas tersebut ialah racun makhluk perosak dan memperuntukkan anggapan bahawa semua racun makhluk perosak yang didapati di dalam premis berlesen adalah untuk dijual.

Selain itu Rang Undang-undang ini mengehendaki seseorang yang disabitkan kesalahan menanggung kos pelupusan bagi racun makhluk perosak itu. Di samping itu, Rang Undang-undang ini memasukkan seksyen baru melarang pemilikan dan penggunaan racun makhluk perosak tidak berdaftar dan melarang penggunaan racun makhluk perosak tidak mengikut label.

Pindaan kepada peruntukan akta yang sedia ada dan tambahan peruntukan baru seperti yang dicadangkan tidak akan melibatkan pertambahan perbelanjaan secara langsung atau pengambilan kakitangan baru. Sebarang keperluan perbelanjaan akan menggunakan peruntukan kewangan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan dan peruntukan baru yang dicadangkan ini maka pelaksanaan undang-undang bagi mengawal racun makhluk perosak akan dapat dibuat dengan lebih cekap dan berkesan. Aktiviti-aktiviti seperti penyeludupan racun makhluk perosak dari luar negara. Penjual dan pengguna racun makhluk perosak yang tidak berdaftar menggunakan racun makhluk perosak tidak mengikut syarat yang ditetapkan akan dapat ditangani dengan lebih berkesan. Di samping itu proses pendaftaran penggantungan atau pembatalan sesuatu racun makhluk perosak akan dapat dibuat dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Racun Makhluk Perosak (Pindaan) 2004 dibentangkan untuk bacaan kali yang kedua. Terima kasih.

Setiausaha Parlimen Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tuan Ng Lip Yong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Racun Makhluh Perosak 1974 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Seperti saya nyatakan masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang untuk dibahas. Kita dapati bahawa rang undang-undang ini telah diperbuat pada tahun 1974, kini ianya dibawa ke hadapan Majlis untuk dipinda. Bermakna 30 tahun telah berlalu dan didapati undang-undang ini perlu dipinda mengikut perubahan masa.

Satu lagi prinsip terserlah di sini iaitu proses membuat undang-undang adalah suatu proses yang dinamis, undang-undang bukanlah sesuatu yang kaku dan jumud. Sekali lagi kita berhadapan dengan soal-soal alam sekitar dan ekologi, sekali lagi undang-undang terpaksa dipinda kerana perubahan cara dan budaya kerana penemuan baru, kerana tahap pembangunan dan kemajuan atau tahap sosioekonomi negara. Sekali lagi undang-undang perlu dipinda kerana pendekatan-pendekatan baru dalam menjalankan kawalan dan semua ini pula berlaku dalam era *genetic engineering*.

Saya percaya Yang Berhormat akan dapat membahaskan perkara ini dengan amat panjang lebar. Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

3.32 ptg.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas kebenaran yang diberikan kepada saya untuk menyokong dan membahaskan rang undang-undang tersebut iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Racun Makhluh Perosak tahun 1974. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan berbahas panjang-panjang, sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Kita banyak masa Yang Berhormat. Ini adalah keadaan yang luar biasa. Kita masa banyak, kerja sedikit dalam persidangan kali ini.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya percaya ada ramai rakan-rakan yang ingin berucap.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan menghargai kali ini, kiranya Yang Berhormat panjangkan ucapan. *[Ketawa]*

Dato' Dr. S. Vijayaratham: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semua undang-undang yang akan mengetatkan pengawasan kegunaan racun makhluk perosak ataupun *pesticide*, dengan izin, harus disokong, bukan sahaja oleh Ahli-ahli Parlimen tetapi juga rakyat jelata. Oleh kerana ini adalah untuk keselamatan diri, saya amat tertarik kepada Fasal 5 untuk menghendaki seseorang yang bercadang untuk mendaftarkan suatu contoh racun makhluk perosak supaya mengemukakan kepada lembaga suatu racun makhluk itu sebagai tambahan kepada kehendak yang diperuntukkan di bawah seksyen itu pada masa ini.

Fasal 8 juga akan memberi lembaga kuasa untuk membatalkan pendaftaran sesuatu racun makhluk perosak jika lembaga berpendapat bahawa racun itu memberi kemudaratan terhadap binatang, tumbuh-tumbuhan, buah-buahan atau harta. Fasal 9 adalah untuk memasukkan satu seksyen baru. Ini akan menghendaki seseorang yang atas permohonannya suatu racun makhluk perosak telah didaftarkan supaya memberitahu lembaga jika ia menemui apa-apa kemudaratan racun itu terhadap binatang dan sebagainya.

Fasal 13 pun akan memasukkan seksyen baru. Ini akan mewajibkan sesiapa yang ingin menjalankan percubaan dan penyelidikan *a trial* racun makhluk perosak memohon bagi mendapatkan satu permit. Ini berkenaan dengan R&D Tuan Yang di-Pertua.

Fasal 21 bertujuan supaya semua bekas-bekas seperti tong, botol dan lain-lain yang mengandungi racun makhluk mesti dilabel dengan jelas.

Fasal 23 akan memberi kuasa-kuasa yang penuh kepada seorang Majistret Kelas Satu membicarakan mana-mana kesalahan terhadap akta tersebut.

Fasal 25 bertujuan untuk melarang pemilikan dan penggunaan racun makhluk perosak yang tidak didaftarkan dan juga penggunaan racun makhluk dengan cara yang tidak diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam dunia moden ini dengan keperluan benda-benda makanan oleh suatu populasi yang bilangannya sentiasa meningkat, ada sebahagian petani-petani dan yang menggunakan cara-cara pertanian yang tidak selamat untuk menjadikan sayur-sayuran dan buah-buahan supaya rupanya menarik dan cantik dan boleh tumbuh dengan cepat.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat pendukung *organic farming*?

Dato' Dr. S. Vijyaratnam: Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh topik *organic farming* sebentar lagi. Ini melibatkan kegunaan racun-racun makhluk perosak yang sangat bahaya kepada kesihatan dengan kuantiti melebihi taraf yang diterima selamat *beyond the accepted safety standard*, dengan izin. Ini adalah satu perkembangan yang tidak boleh kita terima. Mengikut Persatuan *Pesticide Action Network* di United Kingdom masalah-masalah yang timbul dari racun-racun makhluk perosak ada banyak. Yang utama sekali Tuan Yang di-Pertua, ialah kerosakan kesihatan manusia, dengan kesan yang buruk kepada jantung, kepada hati, mata, tekak, sistem pertahanan..

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat seorang doktor ya, apa pula cerita DDT?

Dato' Dr. S. Vijyaratnam: Tuan Yang di-Pertua, saya faham DDT dilarang digunakan sekarang oleh kerana ia sangat bahaya tetapi ia sungguh berkesan untuk lava nyamuk. Racun makhluk perosak akan merosakkan sistem lain-lain di dalam badan kita seperti sistem pertahanan penyakit ataupun *immune system*, kulit dan juga kerosakan jiwa.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kita nampak perkembangan kes-kes penyakit barah di dalam dunia dan saya percaya ini boleh dikatakan makhluk perosak pun ada memainkan peranan di dalam perkembangan ini. Ini tidak boleh dinafikan.

Selain daripada itu ialah kekejangan kepada alam sekitar, *bio-diversity*, hidupan liar, binatang-binatang ternakan dan pencemaran sumber-sumber air semula jadi (*natural water sources*), dengan izin. Penerangan dengan lebih lanjut dan terperinci boleh didapati di www.ten_uk.org. pada suatu ketika tidak berapa lama dahulu, ini merupakan cerita dari surat khabar, satu *consignment* sayur-sayuran dari Cameron Highlands dilarang masuk ke Singapura dan ini disebabkan oleh kerana kandungan racun makhluk perosaknya amat tinggi.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, malangnya lori-lori yang dipaksa kembali ke Malaysia dengan sayur-sayuran tersebut berhenti di Johor dan ianya dijual pula kepada orang ramai di situ, orang yang tidak sedar di atas kebahayaannya. Ini suatu situasi yang harus dibidas dan tidak boleh diterima. Saya harap kerajaan akan mengawasi kegunaan racun makhluk perosak tersebut dengan begitu tegas dan serius dan akan mempunyai anggota-anggota penguatkuasaan yang cukup terlatih dan bertanggung-jawab tanpa rasuah untuk tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap juga pihak kerajaan khasnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan menimbang cara-cara untuk mempromosi pertanian organik. Ini adalah satu cara pertanian untuk mendirikan tumbuh-tumbuhan, benda-benda makanan tanpa kegunaan apa-apa racun makhluk perosak pun dan juga ia tanpa menggunakan apa-apa baja pun.

Ia menggunakan satu sistem di mana makhluk yang merosakkan tumbuh-tumbuhan di makan pula dan dibinasakan oleh makhluk lain atau makhluk lawan tetapi makhluk lawan itu tidak akan menjejaskan tumbuh-tumbuhan terlibat. Pertanian organik juga menggunakan baja-baja semula jadi seperti *compose*, dengan izin, yang dibuat daripada daun-daun tumbuhan lama.

Saya harap Kementerian Pertanian akan menimbang jika dapat memberi pinjaman-pinjaman mudah kepada petani-petani untuk menggalakkan pertanian organik dan juga subsidi-subsidi untuk penjualan benda-benda makanan dari sumber tersebut. Ini adalah untuk keselamatan kesihatan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu dan dengan sukacitanya saya turut menyokong pindaan Akta Makhluk Perosak 1974. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

3.45 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin bersama-sama rakan saya membahaskan Akta Racun Makhluk Perosak 1974 iaitu pindaan pada tahun sekarang 2004.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat apabila saya mengkaji fasal-fasal yang ada dalam....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, semasa akta itu diluluskan oleh Parlimen, Yang Berhormat berapakah umur ketika itu?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Semasa itu saya sudah bekerja. Saya sudah dapat ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) saya dan saya baru mula bertugas di USM sebagai seorang pensyarah pada tahun 1970.....

Tuan Yang di-Pertua: Bayangkan undang-undang ini diperbuat semasa

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Semasa saya sudah bertugas. Tuan Yang di-Pertua, juga amat sesuaihlah bagi kita membahaskan perkara ini memandangkan ada

banyak perkembangan sejak tahun 1974 itu dan juga pada tahun 1974 kita tubuhkan Barisan Nasional, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Termasuk Gerakan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Gerakan juga bersama-sama membantu dalam penubuhan Barisan Nasional itu, bukan sebagai satu ahli baru tetapi bersama-sama menubuhkan Barisan Nasional dan pada ketika itu saya masih ingat Allahyarham Tun Razak sendiri yang mengumumkannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat ada banyak perkembangan sejak tahun 1974 dan adalah sesuai bagi setiap kementerian mengkaji keadaan semasa dan mengemaskinikan undang-undang yang diguna pakai kerana seperti yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi ini adalah satu proses dinamik dan kena bergerak mengikut kehendak-kehendak masa, kehendak-kehendak rakyat kita dan juga mengikut kehendak-kehendak masyarakat kerana pada masa sekarang bukan sahaja kita melihat racun makhluk racun perosak, Tuan Yang di-Pertua, kita juga sekarang menyoalkan tentang GMF. Ini tidak disebutkan di sini, adakah itu pun satu jenis racun yang baru.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi bermakna pada tahun 1974 tiada isu berkaitan....

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ada isu.....

Tuan Yang di-Pertua:dengan *genetically modified*

Dato' Dr. Chin Fook Weng:kerana GMF itu belum ada lagi, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi sekarang kita sudah ada soalan-soalan yang ditanyakan oleh banyak pihak tentang GMF dan pada golongan-golongan tertentu GMF itu mungkin racun dari segi interpretasi kerana ia kekurangan beberapa unsur yang penting bagi menjaga keselamatan badan kita sendiri.

Jadi dari segi itu tanggapan kita adakah GMC juga merupakan satu jenis makanan yang mengandungi racun dan apakah pendirian Kementerian dalam perkara ini. Pindaan-pindaan ini saya lihat tidak ada sebut langsung. Tetapi ini ada satu perkara semasa kita telah sebut tentang makanan organik (*organic food*), Tuan Yang di-Pertua, iaitu kita cuba tanam...

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin dalam masa lima atau sepuluh tahun terpaksa dipinda lagi mengambil kira isu-isu *Genetic Modification*.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, mungkin sudah lambat kerana kita sudah terkena racun. Kalau zat-zat dalam makanan itu sangat kekurangan

maka itu merupakan kita telah makan racun kerana keselamatan kita tidak terjamin. Dan sekarang diwajibkan, di negara-negara tertentu diwajibkan bahawa GMF itu diumumkan dan bila dipamerkan di *supermarket* dan sebagainya, maka satu bahagian kena diuruskan untuk mempamerkan makanan-makanan tersebut dan juga kesan-kesan makanan itu kena diberitahu supaya semua pihak itu tahu, bahawa ada bahayanya untuk menggunakan GMF ini. Saya harap kementerian sentiasa peka dengan kesihatan dan kebaikan rakyat akan juga mengambil kira aspek ini yang belum ada atau dicadang dalam pindaan-pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat perkara GMF ini merupakan satu perkara yang sangat hangat dibahaskan dan ada banyak negara sekarang yang melarang GMF itu dijual di mana-mana pasaran mereka. Ada yang tak membenarkan. Sungguhpun ada diperkatakan, mungkin ini adalah satu cara untuk menambah makanan bagi menjaga satu situasi di dunia, di mana populasinya sedang meningkat tetapi daya pengeluaran makanan itu tidak mencukupi, itu juga disebabkan oleh keadaan dunia yang kurang mesra seperti cuaca, seperti kekurangan air, dan seperti tanah-tanah yang sekarang tidak sesuai lagi bagi tanaman-tanaman, oleh kerana telah dikenakan racun kerana kesan-kesan perang dan sebagainya.

Oleh kerana itu, GMF merupakan satu cara untuk mengatasi masalah, tetapi sebaliknya ia juga merupakan satu sumber bahaya kepada manusia kerana banyak aspek lagi...

Tuan Yang di-Pertua: Adakah kalau ditimbang di antara ancaman....

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Kelaparan.

Tuan Yang di-Pertua:....yang boleh datang dari *genetically modified*, dengan ancaman yang boleh didatangkan oleh kegunaan racun makhluk perosak secara keterlaluan. Yang mana yang lebih bahaya?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya lihat pada ketika ini tentulah racun makhluk perosak yang lebih bahaya kerana kesannya boleh dilihat terus. Kalau kita salah guna kulit kita sudah ada petunjuk-petunjuk. Kalau kaum petani menggunakan racun makhluk perosak ini dengan tidak baik atau caranya kurang baik, maka kesannya esok sahaja boleh lihat. Mungkin matanya kena, mungkin rambutnya kena dan sebagainya dan patut kita boleh lihat kulit, kulit juga ada akibat daripada racun ini. Tetapi untuk GMF kita tidak lihat terus mungkin beberapa tahun yang akan datang, mungkin sepuluh tahun, dua puluh tahun.

Macam penyakit AIDS juga Tuan Yang di-Pertua, HIV-AIDS juga kita kena, tetapi semua negatif sehingga satu hari didapati positif dan masa itu sudah lambat, tidak boleh ubat-ubatkan lagi kerana sudah melampaui jangka waktu atau jangka masa untuk kita mendapat rawatan. Di sini apa yang juga membimbangkan ialah sama ada ia mempunyai zat-zat dalam makanan ini, yang tidak langsung akan merosakkan sistem *immune* kita atau sistem pertahanan kita, dan apabila kita diserang sebarang penyakit sahaja kita tidak boleh tahan lagi, kita terus maut dan habis ceritanya. Tetapi kalau dibandingkan dengan sesuatu situasi yang mana satu populasi itu tidak ada makanan langsung, memang kalau saya ditanya mahu makan GMF, saya tentu mahu makan kerana saya tidak ada makanan. Kalau GMF itu ditawarkan kepada negeri-negeri atau negara-negara miskin di mana tidak ada makanan....

Tuan Yang di-Pertua: Apakah asas perbezaan sikap mengenai GMF di antara Amerika dan Eropah?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Setahu saya Tuan Yang di-Pertua, di Eropah itu bukan semua negara telah menggalakkan GMF, kerana banyak negara di Eropah masih merupakan negara-negara yang miskin khasnya ahli-ahli baru EU itu. Kalau kita baca surat khabar semalam kita dapati EU sendiri telah mengetepikan satu peruntukan yang besar untuk membantu lima negara Balkan states. Dahulu semua negara ini menjadi...

Tuan Yang di-Pertua: Ada Balkan states dan ia ada Baltic states.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, Baltic lebih kaya daripada Balkan, Tuan Yang di-Pertua. *So, the Balkan states* itu dahulu dia satelit daripada Russia, USSR. Tetapi selepas mereka telah menukar sistem kerajaan mereka dari komunis ke demokrasi, maka banyak daripada negara itu telah minta untuk diberi kemerdekaan dan akibat daripada itu kita ada banyak negara dan sekarang negara-negara ini telah masuk menyertai EU sebagai ahli-ahli baru, dan negara-negara ini semuanya sangat miskin, lebih miskin daripada kita, tentu lebih miskin daripada kita dan mungkin lebih miskin daripada beberapa negara di Afrika.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna pembentukan sikap mereka terhadap GMF didorongkan oleh soal-soal ekonomi....

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Soal-soal keperluan.

Tuan Yang di-Pertua: dalam perkara-perkara bioteknologi.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Soal-soal keperluan kehidupan, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin tidak ada pilihan. Pagi tadi kita bincang tentang GRO, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat sekarang kita dapati ramai...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sebut GMF atau GRO?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Oh, ini perkara baru, GRO. GRO yang kita bahaskan pagi tadi ini ramai daripada rakyat negara ini sekarang sudah berada di merata-rata tempat. Sekarang telah banyak daripada mereka jadi GRO kerana kehendak-kehendak kehidupan, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, kalau kita membandingkan keadaan sama ada hendak hidup atau sama ada hendak makan makanan yang bahaya, yang dikatakan bahaya itu, maka kalau tidak ada pilihan tentu sama ada GMF atau apa makanan jua, kalau boleh dapat dengan harga murah maka sudah mencukupi. Pagi ini kita juga mendengar jawapan daripada Timbalan Menteri Pertanian tentang sama ada kita hendak apa tindakan yang akan diambil untuk mengehadkan import-import makanan dari negara-negara lain, memandangkan kita telah belanja banyak peruntukan bagi membeli makanan-makanan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ada satu negara yang akan menjual kita makanan-makanan GMF tetapi harganya sangat murah, mahukah membeli makanan itu? Atau kita kata jangan beli sungguh pun murah.

Tuan Yang di-Pertua: Jawabnya kalau kita negara miskin, kita mahu.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau kita negara makmur, kita tidak mahu. Bermakna mahu tidak mahu bergantung kepada tahap sosio-ekonomi.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Itu memang menjadi satu faktor yang penting. Tetapi bagi saya, oleh kerana apa yang disebutkan sebagai pengaruh-pengaruh pasaran atau *Market Influences* atau *market forces*. Maka apa salahnya kalau sesuatu tempat itu dapat mengeluarkan makanan dengan cara yang lebih murah dan jual kepada kita. Kita membeli daripada mereka dan kalau kita sendiri keluarkan makanan itu mungkin kita memerlukan suatu perbelanjaan yang sangat tinggi.

Kalau kita beli dari mereka, mungkin itu sangat murah sahaja, yang sangat murah. Kalau demikian apa salah kalau kita import banyak daripada negara-negara lain asalkan harganya rendah, asalkan makanan itu bermutu tinggi dan asalkan ada selepas kos-kos lain kita tidak menanggung yang banyak.....

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila sambung Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya melihat apa yang penting ialah cara dan kita telah menyertai WTO dan sebagainya apa ertinya ialah kita mahu membuka peluang-peluang kepada sesiapa yang boleh memberikan kita perkhidmatan atau lain-lain yang munasabah, berpatutan, murah dan baik.

Apabila sampai satu hari, kalau banyak daripada GMF itu akan dijual kepada negara kita, kita tidak ada peruntukan undang-undang sekarang yang akan melarang penjualan itu kepada kita kalau mengikut perjanjian WTO yang kita sudah menandatangani maka kita kena membuka pasaran kita dan adakah ini betul-betul makanan yang bahaya, kita pun tidak tahu sama ada sekarang yang menjadi satu topik yang hangat yang selalu dibahaskan di mana-mana tempat ialah tentang sama ada menara telekomunikasi bahaya atau tidak bahaya sedangkan kita semua mahu menggunakan perkhidmatan telefon bimbit dan sebagainya dan selalu membuat aduan tidak ada talian di sini, tidak ada talian di sana, liputan itu tidak cukup dan sebagainya.

Jadi, pasang lebih menara tetapi kita takut dari segi kesannya gelombang-gelombang itu dan juga siar-sinar dari tempat ini sama ada bahaya kepada kita atau tidak bahaya kepada kita dan sehingga sekarang kita masih membahaskan. Ahli-ahli sains juga tidak ada sependapat tentang perkara ini dan rakyat semua pun tidak tahu siapa yang betul dan telah membangkitkan banyak keraguan di antara kalangan rakyat.

Sekarang isu yang baru *genetically modified food* juga merupakan satu perkara. Saya berharap dalam masa yang akan datang, Kementerian Pertanian dan Asas Tani itu juga akan memberi sedikit pemerhatian kepada perkara ini dan memimpin dalam mencipta rang undang-undang baru atau membuat pindaan kepada undang-undang yang sedia ada untuk mengambil kira isu-isu ini supaya rakyat jelata memahami apakah implikasi-implikasinya.

Saya mula dengan topik GMF itu oleh kerana kita sudah sampai ke satu tahap selepas 30 tahun Tuan Yang di-Pertua kita guna pakai akta ini selepas 30 tahun. Akta 149 itu kita mula guna pakai pada tahun 1974 dan oleh kerana beberapa sebab. Di antara sebabnya yang kita buat pindaan itu bukan berasaskan kepada perkembangan-perkembangan sains dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, banyak daripada pindaan ini ialah menukar keahlian lembaga kerana sekarang ada ketua pengarah ini, ketua pengarah itu dan sebagainya, banyak kementerian telah diasingkan. Tugas itu terlalu banyak. Sekarang kita ada banyak lagi kementerian dan banyak lagi ketua pengarah dan setiap daripadanya kena duduk dalam lembaga ini dan satu daripada pindaan ialah untuk memberi ruang kepada semua pihak ini supaya menganggotai lembaga.

Itu bukan kerana apa. Itu kerana perkembangan kementerian dan itu juga ada dalam cadangan-cadangan pindaan itu kerana sekarang kita ada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling. Kita ada Ketua Pengarah Lembaga Minyak sawit Malaysia. Dahulu itu semua tidak ada dan juga sekarang kita ada Pengarah Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan dan sebagainya. Dahulu mungkin satu pengarah di bawah Ketua Pengarah Kesihatan dan ketua pengarah yang mewakili semua ini.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita lihat bahagian yang berkenaan dengan perkembangan lembaga itu, bagi saya itu tidak ada masalah. Kita tidak ada masalah kerana itu akan memberi ruang kepada semua pihak yang ada kepentingan supaya masuk dalam lembaga demi menjaga kebaikan dan kita sekarang juga ada institut piawaian dan penyelidikan perindustrian. Dahulu kita tidak ada SIRIM, sekarang kita ada SIRIM.

Seorang Ahli: SIRIM.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, SIRIM dan ini ada satu institusi piawaian dan piawaian ini merupakan satu perkara yang penting. Oleh kerana itu maka Ketua Pengarah dalam institusi ini juga kena masuk menganggotai lembaga. Itu semua saya sokong Tuan Yang di-Pertua memandangkan kita ada ramai pemikiran dalam perkara ini. Lebih ramai lebih baik tetapi sama ada pekerja-pekerja ladang khususnya yang mewakili semua peladang itu,

Seorang Ahli: Petani.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Petani dan sebagainya ada pihak-pihak itu yang akan menggunakan ini juga ada diwakili dalam lembaga itu. Ini adalah satu perkara yang penting kerana konsep sekarang bukan sahaja mereka yang menjaga kepentingan, MTUC sekarang pun mahu.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih TuanYang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Saya menyokong penuh kalau *restructuring*, dengan izin dikemaskini oleh Lembaga dan pindaan yang dibuat bahawa seluruh golongan yang

terlibat harus diwakili dalam Lembaga Pengarah. Dengan ini pandangan-pandangan begitu progresif, yang dinamik dan jitu dapat disumbangkan dari segi keselamatan penggunaan bahan-bahan yang dikeluarkan melalui undang-undang yang dibentangkan ini.

Saya memang menyokong penuh dengan cadangan Yang Berhormat – kalau hendak dikaji semula Lembaga tidak hanya menukar dua tambahan Lembaga kepada Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah, tetapi harus juga diwakili oleh pihak-pihak pekerja khususnya kaum petani dan juga kaum nelayan untuk duduk dalam Lembaga Pengarah tersebut. Apa kata Yang Berhormat di atas perkara ini?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini ada berkaitan dengan Seksyen 3 dalam pindaan ini, kerana Seksyen 3 ini bercadang untuk meminda Lembaga kepada 14 orang dan juga untuk menukar gelaran-gelaran ahli-ahli yang sedia ada mengikut semasa. Sekarang mereka bukan dipanggil Ketua Pengarah A mungkin Ketua Pengarah B, kerana dia sudah masuk ke bahagian atau kementerian lain dan oleh kerana itu kenalah menyesuaikan, pinda gelaran dan sebagainya. Untuk berbuat demikian, sekarang dicadang tambah bilangan ahli itu kepada 14 orang.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Minta laluan sedikit. Terima kasih Yang Berhormat. Bila Yang Berhormat Dato' Dr. Chin menyebut tentang perladangan saya teringat cerita-cerita mengenai dengan penyalahgunaan cuka getah, saya tidak tahu sama ada ia tertakluk di bawah Akta Racun Perosak. Jadi, bagaimanakah pada pandangan Yang Berhormat kerajaan boleh membendung penyalahgunaan cuka getah yang menyebabkan ramai yang kita dengar atau baca dalam akhbar-akhbar yang menggunakannya sebagai satu alat yang mudah untuk membalas dendam, di mana dicurahkan kepada muka-muka yang boleh mengakibatkan kerosakan anggota yang begitu teruk sekali sehinggakan *plastic surgery* pun tidak mungkin dapat menyelamatkan mereka. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, itu mungkin memerlukan lebih kajian tentang sama ada sesuatu bahan itu disalahgunakan untuk tujuan-tujuan lain yang tidak ada kaitan langsung. Ada juga ramai pekerja yang merasa sedih dan mengguna racun ini untuk membunuh diri. Bukan sahaja dia membunuh diri kerana dia sakit hati – mungkin *boyfriend* atau *girlfriend* ada masalah dan sebagainya ataupun

keluarganya ada masalah, atau ada masalah “Along” dan sebagainya – dia gunakan racun-racun ini untuk membunuh diri. Sungguhpun demikian, kita tidak kata ini kena diharamkan, ini dilarang dan sebagainya kerana ada kebaikannya untuk menjaga makanan kita, tetapi salah guna sama ada racun atau ubat-ubatan dan sebagainya mesti ada. Saya pun tidak tahulah bagaimana untuk mengawasi, mungkin kita juga takut anak-anak kita salah makan dan sebagainya, jadi dari segi *labeling*, botol mungkin campuran dengan bahan-bahan yang busuk – hendak minum pun susah, hendak guna pun susah dan mungkin itu tidak akan menjejaskan kepentingan seseorang yang akan menggunakan racun ini untuk tujuan-tujuan yang jahat dan bukan untuk tujuan yang asal.

Balik kepada perbincangan saya tentang perkembangan Lembaga itu, memang sesuai kalau kita sekarang ada 14 ahli dalam Lembaga, tidak ada disebutkan bahawa dari segi pekerja itu kerana pihak itu juga ada kepentingan sebagai satu pengguna. Banyak dalam Lembaga atau tribunal itu sekarang telah menjemput pengguna-pengguna duduk di dalam tribunal sedemikian. Itu adalah untuk menjaga kepentingan pengguna-pengguna bukan sahaja mereka yang mengawasi mungkin kalau kita ada wakil-wakil dari pekerja yang duduk dalam Lembaga itu, mereka boleh bincang tentang bahayanya menggunakan racun dan sebagainya dan boleh mengeluarkan garis panduan-garis panduan yang sesuai untuk membantu pengguna-pengguna itu supaya semua pihak selamat dalam menggunakan racun makhluk perosak ini.

Pada pendapat saya ini mungkin satu perkara yang harus diberi pertimbangan oleh kementerian, kerana mereka betul-betul ada peranan dan patut juga diberi sokongan supaya diperuntukkan satu atau dua tempat dalam Lembaga ini, supaya kita bersama-sama memikirkan masalah-masalah yang dihadapi demi kebaikan bukan sahaja industri pertanian, tetapi juga untuk kebaikan negara pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan membahaskan beberapa perkara yang lebih berfokus kepada cadangan-cadangan yang ada dalam pindaan kepada Akta 149 itu dan saya juga ada banyak pertanyaan yang mungkin akan dapat memperbaiki lagi mutu pindaan-pindaan yang telah dicadangkan sekiranya itu diambil sedikit perhatian oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat dalam pindaan itu ada satu seksyen baru yang dipanggil Seksyen 53A, dan ini ialah supaya melarang pemilikan dan penggunaan racun makhluk perosak yang tidak didaftarkan dan penggunaan racun makhluk

perosak dengan cara yang tidak diluluskan. Jadi, pindaan itu ada dua aspek. Satu, menggunakan yang tidak didaftarkan atau menggunakan yang tidak diluluskan. Jadi, Seksyen baru 53A ini memperuntukkan bahawa perbuatan sedemikian adalah satu kesalahan dan boleh dibawa ke mahkamah dan juga ada peruntukan hukuman dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sokong bahawa kita harus mengadakan seksyen baru 53A ini, tetapi kalau kita melihat hukumannya, biar saya memberitahu apakah hukumannya, kalau bersabit salah kali yang pertama, pesalah itu boleh dipenjarakan selama satu tahun atau didenda RM10,000.

Tuan Yang di-Pertua, kesan daripada racun makhluk perosak ini sangat besar. Kalau racun ini akan menjejaskan keselamatan penggunaanya, sama ada orang yang makan sayur-sayuran yang ditanam dan telah diguna racun ini ataupun pekerja-pekerja yang menyiram racun kepada pokok-pokok dan sebagainya atau tumbuh-tumbuhan, adakah kita rasa setahun dan RM10,000 itu mencukupi?

Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin. Bila sebut fasal tanaman dan sayur-sayuran kita tahu bahawa selain daripada baja organik yang terbaru digunakan dan baja *chemical*, kita lihat Akta ini dibuat pada tahun 1974. Pada ketika itu, petani-petani masih lagi menggunakan baja asli seperti '*cow dung*', tahi ayam dan pelbagai jenis tahi yang ditaruh di atas tumbuh-tumbuhan ini.

Jadi, sebagai doktor yang lama berpengalaman, pada tahun 1974 ini saya masih lagi dalam *lower six*, kalau tidak silap. Jadi, 30 tahun dahulu, maka baca ini telah pun dibubuh di dalam tanam-tanaman ini, apakah pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin, adakah sesuai lagi sekarang? Kalau kita lihat petani-petani di luar bandar, mereka masih lagi menggunakan '*cow dung*', tahi lembu ini untuk menanam tumbuh-tumbuhan seperti pokok rambutan, pokok *local fruit* yang ada, dengan izin, di Malaysia ini.

Jadi, adakah Yang Berhormat setuju untuk menyerahkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di sini supaya dibuat kajian adakah benda ini perlu lagi diteruskan atau ikut sesuai keadaan zaman ini. Adakah benda-benda racun ini akan menyebabkan badan kita juga, adakah

benda-benda ini akan melibatkan mati pucuk dan sebagainya, bila kita menggunakan racun terlampau banyak ini?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat, sama ada buangan daripada binatang-binatang ini masih relevan untuk digunakan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, masih relevan. Saya juga menggunakan tahi lembu untuk menanam bunga dan pokok saya nampaknya tumbuh dengan begitu baik. Jadi, itu masih relevan dan dari segi menggunakannya mungkin tidak ada masalah, kita sekarang menggalakkan di rumah-rumah supaya menggunakan baja kompos asli, iaitu dari makanan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang satu kempen yang besar yang dilaksanakan di negara kita ialah kitar semula. Kitar semula bermakna kita kena guna semua buangan-buangan sampah dan sebagainya, makanan yang tidak habis dimakan, semuanya kita kena guna ini untuk tujuan-tujuan baja. Jadi, itu relevan, buangan manusia juga, kita setiap hari ada buang dua jenis barangan dan kedua-dua jenis itu juga boleh digunakan sebagai baja.

Timbalan Yang di-Pertua: Apa yang dua jenis itu, Yang Berhormat? *[Ketawa]*

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya! Tiap-tiap hari, tiap-tiap seorang manusia kena buang air, buang air kecil, buang air besar, so, kena buang

Timbalan Yang di-Pertua: Maksud Yang Berhormat ini cecair dan pepejal? Kedua-duanya sekali.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, kedua-duanya kena buang kerana kita manusia selain daripada berpeluh, kita kena buang air kecil atau buang air besar dan buangan ini ada zat-zat yang boleh diguna pakai bukan sahaja oleh tumbuh-tumbuhan tetapi ikan-ikan dan sebagainya. Di banyak negara, mungkin sistem rawatan air itu begitu baik, tetapi di Malaysia, oleh kerana kita masih kekurangan banyak lagi unsur dan sebagainya, maka di banyak tempat, bandar-bandar besar termasuk Pulau Pinang, semua itu buang dalam laut, kita masih tidak ada loji rawatan.

Sekarang baru Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Kebangsaan meluluskan satu loji rawatan tetapi harganya lebih kurang RM600 juta. Bukan banyak tempat kita bersedia membina satu loji rawatan ini. .

Oleh kerana itu, maka banyak daripada buangan manusia itu masuk dalam laut dan dimakan oleh ikan, sedap makan dan telah tumbuh dengan begitu besar dan kemudian kita tangkap ikan ini dan kita makan ikan itu. Itu adalah satu keadaan

Seorang Ahli: Ikan apa?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Semua ikan, di kantin juga ada jual ikan macam itu. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu kita dapati masih relevan, tetapi yang menjadi masalah kepada kita ialah racun-racun atau baja-baja sintetik

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: *[Bangun]*

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Sila, Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato'. Saya tertarik tentang ikan yang kita pasarkan dalam negara kita. Adakah Yang Berhormat sedar ikan-ikan yang diimport ke negara kita ada di kebanyakan ikan yang diimport ini dikatakan, memang sudah dibuat kajian mengandungi bahan awet yang dibuat terhadap mayat. Jadi, untuk mengekalkan dari segi kesegaran ikan, jadi macam manakah dari segi kesannya pada pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Itu kita lihat memang ada berlaku, bukan sahaja daging dari ikan tetapi daging dari binatang-binatang lain juga mungkin mengandungi unsur-unsur sedemikian. Oleh kerana itu, bukan sahaja Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kita tetapi Kementerian Kesihatan kita juga kena senantiasa mengawasi perkara ini.

Dan juga di banyak pihak berkuasa tempatan ada Pegawai-pegawai Kesihatan yang menjaga kesihatan awam atau *Public Health Officer* yang tugasnya ialah supaya memeriksa semua kedai-kedai makanan dan sebagainya, ambil sampel makanan, ambil sampel daging, sampel ikan dan buat analisis dan kemudian kalau ada di dapati unsur-unsur yang kurang baik atau membahayakan maka diambil tindakan segera untuk melarang makan-makanan itu dijual.

Jadi, kita tidak dapat menentukan sama ada seekor ikan yang begitu besar nampaknya segar, baik dan sebagainya, apa yang ia sudah makan, kita pun tidak tahu, mungkin dia baru makan seorang manusia. *[Ketawa]* Yang Berhormat Datuk Haji Karim kata oleh kerana itu dia segar dan sedap, tetapi sama ada betul-betul bahaya atau tidak, kita pun tidak tahu. Kita haraplah kita jangan silap makan sahaja.

Kalau kita silap makan dan masih boleh diubati, okey. Tetapi kalau sudah silap makan dan tidak boleh bangkit lagi atau tidak boleh bangun lagi dan habis cerita, maka itu suatu perkara yang sangat dikesalkan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Chin Fook Weng, Yang Berhormat Dato Karim Ghani minta laluan.

Datuk Haji Karim bin Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng telah memberikan penjelasan dengan panjang lebar, di mana beliau mengatakan dan kita fahami bahawa sebilangan besar racun makhluk perosak ini adalah berasal dari kimia. Tidakkah baik jika kerajaan memberi bantuan kepada penyelidik-penyelidik di Malaysia ini supaya kita gunakan solusi daripada bahan-bahan yang bukan kimia.

Umpamanya, beberapa tahun dahulu saya terbaca, kalau tidak salah saya di Johor atau di mana, untuk membunuh tikus dan sebagainya digunakan owl, burung hantu. Dan begitu juga banyak lagi makhluk-makhluk perosak yang dicari jalan membunuhnya dengan cara tidak menggunakan racun makhluk perosak, tetapi menggunakan sejenis *insect* dan sebagainya. Selain daripada itu, mungkin banyak lagi daripada tumbuh-tumbuhan yang ada di Malaysia ini, yang boleh digunakan sebagai racun menghalang makhluk-makhluk perosak ini.

Saya sangat berminat dengan tanam-tanaman dan pada ketika ini saya sedang mencuba menggunakan daun pokok "Nim" atau di sini orang katakan daun semambu, untuk menentukan sama ada boleh atau tidak menggunakan cairan daripada daun ini untuk menyekat makhluk-makhluk perosak ini daripada memakan buah-buahan dan sebagainya. Banyak lagi pokok-pokok yang lain seperti pokok tuba umpamanya, atau pokok yang dinamakan 'ratnawali' umpamanya, dan mungkin banyak lagi. Apakah tidak boleh kerajaan memberikan bantuan kepada *researchers* kita atau penyelidik-penyelidik kita untuk memperhebatkan lagi usaha menggunakan bahan-bahan yang ada di negara ini. Macam mana pandangan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu perkara yang diambil kira oleh apa yang dikatakan sistem eko, iaitu satu tumbuhan atau satu binatang yang lebih kecil dimakan oleh yang lebih besar dan kemudian yang lebih besar memakannya dan seterusnya. Itu yang disebut sebagai *food-chain*, Tuan Yang di-Pertua. Itu memang berlaku tetapi malangnya sama ada ia benar-benar berkesan atau tidak, maka itu menjadi satu persoalan.

Kalau sesuatu populasi, katakan satu populasi singa itu terlalu besar, maka kita boleh ambil tindakan dengan kita menembak beberapa ekor daripadanya bagi

mengawasi populasinya. Tetapi bagi makhluk perosak ini, adalah sukar kerana ia tumbuh begitu cepat dan kita perlukan satu cara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari yang lalu saya telah melawat ke satu tempat yang membiakkan beberapa jenis serangga untuk ditunjukkan kepada pelancong-pelancong. Kita diberi tahu satu jenis daripadanya pada satu hari makan sebanyak lima kilogram sayur-sayuran. Jadi kalau kita tidak mengawasi perkara ini, maka habislah semua tumbuh-tumbuhan kita dimakan. Sama ada kita dapat mengawasi populasinya supaya ia sampai ke satu tahap yang mana kita dapat mengawal dengan baik, itu menjadi satu persoalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat beri tahu apakah jenis serangga yang makan sampai lima kilogram sayur-sayuran itu?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ulat daripada *butterfly*. Kita tengok ia sejenis larva kecil sahaja tetapi makan tidak henti-henti sepanjang 24 jam. Setiap saat dia makan, makan, makan, tidak habis, tidak henti makan, makan sahaja, makan sehingga semua daun habis, pokok pun habis. Kalau seekor sahaja yang begitu kecil tetapi makan begitu banyak maka tidak cukuplah, tidak cukup.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, kita perlukan satu lagi cara dan cara ini pada ketika ini ialah untuk menggunakan racun yang diperbuat oleh kilang-kilang dengan menggunakan bahan-bahan kimia, dan itulah satu masalah dan bahan-bahan ini juga mesti mengandungi *ingredient* yang dipanggil *active ingredient* atau *ingredient* perawis barulah dapat mengawasi perkara ini. Kalau tidak ada *ingredient* itu, maka racun itu pun tidak boleh membawa kesan yang kita harapkan. Mungkin selepas beberapa tahun, maka serangga itu sudah menambah daya *resistant*nya dan racun itu pun tidak boleh digunakan lagi kerana perawis yang aktif itu atau *ingredient* perawis itu tidak boleh berkesan lagi.

Oleh sebab itu, ini merupakan satu perkembangan yang selalu mendapat perhatian penyelidik-penyelidik dan kerana itu barulah kita dapat menjamin bahawa makanan-makanan yang mencukupi bagi sesuatu tempat, sesuatu negara itu ada. Kalau tidak diambil tindakan, mungkin rosak semuanya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka salah menggunakan racun makhluk perosak ini di bawah Seksyen 53A, kita hanya mengenakan penjara selama satu tahun atau denda sebanyak RM10,000. Saya ingin tahu sama ada hukuman ini mencukupi, sama ada hukuman ini boleh menjadi satu *deterrent* kepada pihak yang mengambil

kesempatan untuk menjual racun-racun yang tidak didaftarkan dan kita kena pastikan mereka disabitkan kesalahan. Kalau kes ini dibawa ke mahkamah, tidak ada jaminan bahawa pesalah itu boleh disabitkan kesalahan. Mungkin peguamnya boleh mencari jalan untuk mengetepikan sebarang hukuman. Kalau demikian di manakah ada perlindungan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Seksyen baru 53A ini juga ada disebutkan kalau bersabit

Tuan Zainal bin Rampak: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, penjelasan.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng. Saya tertarik hati dengan Seksyen 53 yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi mengenai hukuman yang dikenakan kepada mereka yang tidak didaftarkan dan penggunaan racun makhluk perosak dengan cara yang tidak diluluskan. Kita tahu kebanyakan ladang-ladang, estet banyak menggunakan racun perosak dan pekerja diminta untuk menggunakan racun perosak ini untuk membunuh tanam-tanaman yang tidak di luluskan, tidak dibenarkan atau tidak pun harus hidup. Jadi kadangkala yang menjadi mangsa pekerja itu sendiri.

Jadi dari segi seksyen ini kepada mereka yang menyimpan, yang menyalah guna kuasa, tetapi bagaimana pula jika sekiranya tuan punya ladang itu sendiri yang menggaji pekerja, memaksa pekerja, menjalankan tugas, meracun pokok-pokok yang tidak diingini, yang tumbuh dalam ladang mereka tetapi tidak ada *safety* tidak ada keselamatan dan sebagainya yang merosakkan pekerja sendiri, tidak ada hukuman dikenakan kepada mereka. Saya hendak tahu sama ada Yang Berhormat bersetuju pindaan ini juga harus dimasukkan kepada tuan punya ladang dan mereka atau majikan yang memaksa pekerja mereka membuat kerja-kerja sedemikian rupa yang memudaratkan kepada pekerja itu sendiri.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini tentulah mereka yang menjualkan barangan ini tanpa kelulusan kementerian itu kena di bawa ke mahkamah, kena dihukum dan sebagainya. Tetapi malangnya tidak ada peruntukan di bawah seksyen ini untuk mengenakan majikan-majikan yang memaksa seseorang pekerja itu supaya menggunakan racun makhluk perosak itu, tidak ada peruntukan sekarang.

Jadi kita harap apabila isu ini dibangkitkan, maka kementerian juga mengambil kira sama ada kalau sesuatu majikan itu membeli sesuatu racun makhluk perosak yang tidak didaftarkan dan tidak diberi kelulusan oleh kementerian, maka ia juga harus bersabit salah. Misalnya kita sekarang membeli VCD, kita juga bersabit salah, bukan penjual sahaja tetapi pembeli juga bersabit salah. Dalam perjalanan kalau kita ditahan oleh pihak polis atau pegawai-pegawai dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, *check* kereta kita dan kita dapati ada CD atau VCD yang tidak diluluskan itu, maka itu juga satu daripada kesalahan.

Jadi kita sudah ada peruntukan semacam ini dalam undang-undang, tetapi di bawah Seksyen baru 53A ini tidak ada peruntukan, hanya mereka dari segi pemilikan tetapi dalam tajuk ini ada disebutkan pemilikan. Jadi kalau kita sudah beli dari kedai, katakan satu kedai yang menjual ini, kalau kita sudah beli, maka itu sudah menjadi pemilikan kita sendiri. Adakah itu dimaksudkan bahawa kalau dia membuat serbuan kepada rumah kita dan didapati dalam rumah kita ada bahan-bahan ini, maka itu dianggap sebagai pemilikan kerana di sini ialah untuk melarang pemilikan.

Kalau takrifan itu ialah supaya mereka juga salah kerana memiliki, buat sendiri atau beli, sudah memiliki, kalau anggapan "memilik" ialah supaya terdapat dalam rumah atau terdapat dalam ladang dan sebagainya dan tuan punya ladang itu juga bersabit salah, maka mungkin peruntukan ini boleh dipakai. Tetapi kalau pihak itu tidak termasuk dalam peruntukan ini, kementerian harus mengkaji sama ada satu peruntukan yang baru patut diadakan untuk membolehkan mahkamah itu mengambil tindakan terhadap mereka yang membeli ini, sungguh pun barangan ini tidak diluluskan oleh kementerian dan belum lagi didaftarkan dengan siapa pihak yang ada kuasa untuk mengawasinya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau pihak ini bersabit salah bagi kali yang kedua atau kemudiannya, maka tempoh penjara itu dinaikkan kepada tiga tahun, denda itu dinaikkan kepada RM20,000 ataupun boleh dikenakan kedua-dua hukuman tersebut. Saya ingin tahu kenapa pada kali yang pertama kita tidak ada peruntukan supaya dikenakan kedua-dua peruntukan itu, iaitu satu tahun RM10,000 atau kedua-duanya. Kenapa baru sampai kali yang kedua kita mahu mengenakan supaya kedua-dua hukuman itu boleh dikenakan kepada pihak yang bersalah itu. Mungkin ada rasional kementerian untuk tidak berbuat demikian dan saya ingin tahulah kalau ada rasional, apakah rasionalnya itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga ada sebut dalam pindaan-pindaan yang dicadangkan itu ialah Pegawai Pelesenan Racun Makhluk Perosak dan juga pegawai awam yang ditetapkan sebagai pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara racun makhluk perosak ini, sama ada seseorang pegawai awam yang tidak ada pengalaman atau kepakaran dalam perkara racun ini boleh diberi kuasa untuk menguatkuasakan peruntukan undang-undang ini.

Ini adalah satu isu yang penting bagi saya Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana mereka adalah pihak yang meluluskan lesen kepada sesuatu permohonan itu. Seseorang membuat permohonan maka pihak ini yang akan meluluskan lesen dan apakah asas yang digunakan oleh pihak ini, sama ada hendak terima pendaftaran itu ataupun hendak tolak pendaftaran itu, ataupun pihak ini tidak ada pilihan, setiap permohonan yang diterima mesti didaftarkan dan diluluskan.

Apakah yang diambil kira seseorang pegawai ini untuk menilai sesuatu permohonan itu Tuan Yang di-Pertua. Itu tidak disebutkan dan sama ada satu pegawai awam, mungkin dia berijazah B.A. dalam Agama atau B.A. dalam Sejarah atau Geografi dan sebagainya, sama ada ia mempunyai kepakaran untuk menilai sesuatu permohonan itu, untuk menentukan sama ada hendak diluluskan ataupun ditolak. Apakah garis panduan-garis panduan yang diberi kepada seseorang pegawai itu?

Tuan Yang di-Pertua, kita ada niat hendak menguatkuasakan peruntukan-peruntukan ini, tetapi apabila sampai kepada satu pihak yang membuat keputusan yang kurang kepakaran dalam perkara ini, adakah dia sudah arif untuk membuat keputusan ataupun dia tidak boleh membuat keputusan dan yang luluskan sahaja?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu di bawah apa garis panduan yang diberi kepada pegawai ini untuk dia menolak sesuatu permohonan untuk didaftarkan sebagai satu racun makhluk perosak? Adakah ia perlu membawa sijil-sijil tertentu daripada makmal-makmal untuk dikaji oleh pihak ini ataupun semua itu tidak perlu, minta sahaja boleh didaftarkan? Dan kalau kita kata minta sahaja dan kita boleh mendaftarkan asalkan perkara-perkara atau racun-racun itu mengandungi perawis aktif atau *active ingredient* dalam bahan itu, maka itu sudah mencukupi bagi pihak ini mengeluarkan lesen.

Saya kurang pasti sama ada juga disebutkan dalam mana-mana bahagian akta ini bahawa perawis yang aktif itu mesti sekian banyak, baru dianggap sebagai perlu

didaftarkan di bawah peruntukan undang-undang ini ataupun sebaik sahaja ada sedikit pun perawis yang aktif dalam senarai Jadual Pertama itu, maka boleh bagi pegawai kementerian itu mendaftarkan racun makhluk perosak itu sebagai diperuntukkan di bawah undang-undang.

Ini adalah satu perkara yang saya lihat ada kaitan dengan proses. Dan juga kalau prosesnya ada peruntukan untuk menolak sesuatu permohonan itu, bolehkah kita tahu apakah asas untuk menolak sesuatu permohonan itu. Adakah kementerian telah mengkaji sama ada racun-racun makhluk perosak tertentu itu tidak sesuai digunakan dan oleh kerana itu sungguhpun ia mengandungi perawis yang aktif itu, maka ia juga tidak akan diberi pendaftaran.

Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian juga mengadakan satu senarai jenis-jenis racun makhluk perosak yang dilarang didaftarkan atau digunakan di Malaysia ini? Adakah juga kajian selalu dibuat supaya racun-racun yang sedang digunakan itu dikaji kesannya dan kalau didapati kurang sesuai, mungkin juga dilarang digunakan dalam negara kita.

Setahu saya, tadi kita telah membincangkan DDT itu dilarang, tetapi selain daripada itu, adakah kementerian selalunya sentiasa mengawasi keadaan supaya kita akan melarang sebarang racun yang mungkin membawa kesan yang buruk kepada kita. Jadi, saya ingin tahu apakah proses-proses yang dicadangkan itu yang diguna pakai oleh kementerian untuk mengawasi perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pindaan kepada Seksyen 35, Seksyen 35 ialah satu peruntukan bagi menghantar sampel kepada pendaftar untuk dianalisis mengikut peruntukan yang sedia ada, maka si pemohon itu boleh menghantar melalui Pos Berdaftar. Pindaan yang dicadangkan ini masih membenarkan Pos Berdaftar atau *Registered Post*, tetapi dengan bertambahnya perkhidmatan *courier* atau perkhidmatan kiriman cepat, mungkin Pos Laju, DHL atau servis-servis lain boleh memberikan perkhidmatan ini.

Dari segi ini, oleh kerana ini merupakan satu bahan yang bahaya, kenapa kita masih membenarkan ia dihantar melalui Pos Berdaftar? Bagaimana kita dapat menjamin bahawa bungkus atau surat itu tidak akan koyak dan kandungannya itu keluar dan membahayakan mereka yang menghantar surat itu seperti pekerja pos? Adakah dia diberi perlindungan kalau kita menghantar bahan-bahan bahaya melalui Pos Berdaftar?

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ambil kesempatan untuk pinda Seksyen 35, kenapa kita tidak sebutkan bahawa bahan-bahan yang bahaya ini yang mengandungi racun dan sebagainya, kena dihantar melalui mereka yang ada kepakaran dalam mengendalikan barangan seperti demikian. Saya tidak tahu kenapa sungguhpun kita ada satu peluang untuk meminda ini, kita hanya tambah perkhidmatan kiriman cepat kepada perkhidmatan yang sedia ada.

Adakah kita tidak rasa bahawa cara yang kita gunakan itu begitu bahaya? Adakah kita mengambil kira keselamatan mereka yang mengendalikan surat-surat dan sebagainya kerana menghantar sampel kepada pendaftar untuk dianalisis? Adakah kita tulis atas sampul itu bahawa ini adalah bahan bahaya, kena diuruskan dengan baik dan sebagainya?

Mungkin kalau kita tidak uruskan dengan baik, kita sentuh sahaja barang itu, mungkin sudah ada kesan yang buruk kepada kulit kita. Saya ingin tahu, apakah perlindungan yang diberikan kepada mereka ini? Dan kalau ada satu sampel yang pecah dan akibat daripadanya seseorang itu cedera atau menghadapi masalah, apakah tindakan yang boleh diambil kerana tidak ada peruntukan mereka yang membuat permohonan itu mengikut Seksyen 35 ini, sungguhpun dipinda, boleh digunakan servis-servis seperti yang disebutkan?

Kenapa kementerian tidak memerlukan mereka ini melalui satu servis yang ada kepakaran. Kalau kita sebut tentang *toxic waste*, bukan semua pihak boleh mengendalikan perkara ini. Hanya mereka yang ada kepakaran dan kepakaran itu telah diluluskan oleh kementerian yang menjaga kepentingan perkara itu, mereka dikeluarkan satu lesen dan baru pihak ini boleh menguruskan perkara-perkara seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, belum sampaikah masanya untuk kita mewajibkan perkara ini dilakukan oleh semua pihak, ini kerana kita tidak tahu kesan sampel berkenaan. Kalau terdedah kepada sampel ini adakah risiko-risiko tertentu, mungkin tidak ada risiko-risiko jangka masa pendek tetapi jangka masa panjang, macam mana? Sama ada kita tahu ia berbahaya atau tidak bahaya kepada mereka yang menghantar barangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Seksyen 50 ialah bertujuan untuk menambah beratnya hukuman kepada sesuatu pihak yang salah di bawah peruntukan Akta 149 ini. Cara untuk berbuat demikian ialah supaya kes ini di bawa ke Mahkamah

Majistret Kelas Pertama, mungkin sekarang dibicarakan di bawah Majistret Kelas Kedua dan sebagainya dan cadangan ini ialah supaya dibawa ke Majistret Kelas Pertama. Sebabnya ialah supaya boleh mengenakan hukuman penuh bagi kesalahan sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan-pindaan kepada seksyen ini, saya tidak lihat yang mana ada disebutkan bahawa majistret itu harus mengenakan hukuman penuh, tidak ada. Sungguhpun tujuan ini ialah supaya apabila dibawa ke Mahkamah Majistret Kelas Pertama itu, majistret ini boleh kenakan hukuman penuh. Apakah maksud hukuman penuh? Adakah ini hukuman maksimum yang diperuntukkan di bawah undang-undang? Adakah majistret itu diberi kuasa untuk mengenakan hukuman mandatori?

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah persoalan-persoalannya kerana tidak disebutkan apakah hukuman penuh. Selalunya bila kita katakan hukuman, kita katakan hukuman maksimum berapa tahun? Setahu saya banyak daripada majistret itu termasuk hakim tidak mengenakan hukuman yang maksimum. Mereka selalu menggunakan budi bicara mereka untuk mengenakan hukuman sungguhpun peruntukan undang-undang itu ada memberi kuasa kepada mereka untuk mengenakan dari minimum ke maksimum. Jadi bagaimana pindaan kepada Seksyen 50 ini boleh mengakibatkan satu keadaan yang mana Majistret Kelas Pertama itu boleh mengenakan hukuman penuh kepada kesalahan seperti tidak mendaftar racun ini, seperti menggunakan racun ini tanpa kelulusan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya ini ada satu niat yang baik tetapi dari segi pelaksanaan, macam mana? Saya harap kita juga dapat diberi satu penjelasan tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik kepada satu seksyen baru iaitu 10A. Seksyen yang baru 10A itu mengehendaki seseorang yang atas permohonannya satu racun makhluk perosak telah didaftarkan supaya memberitahu lembaga jika ia menemui apa-apa kemudaratan makhluk perosak (*adverse effects of the pesticide*) Tuan Yang di-Pertua iaitu dia perlu memaklumkan kepada lembaga dengan rela jika ia menerima apa-apa kemudaratan makhluk perosak itu sama ada terhadap binatang, tumbuh-tumbuhan, buah-buahan atau harta.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu bagaimana kita boleh menguatkuasakan peruntukan sedemikian. Kita kata kalau didapati ada, mungkin pihak ini kata, saya

tidak tahu, ada kesan-kesan yang buruk kepada tumbuh-tumbuhan, kepada buah-buahan, harta, kepada binatang dan sebagainya kerana selepas dipasarkan, saya tidak buat penyelidikan atau kajian lagi, jadi saya tidak tahu. Saya tidak tahu bahawa ini telah membawa kesan yang buruk kepada pengguna-pengguna atau tumbuh-tumbuhan dan kepada binatang dan sebagainya. Mungkin dia tahu tetapi dia buat tidak tahu. Jadi bagaimana kita boleh mengenakan penalti di bawah seksyen baru 10A ini kepada sesuatu pihak yang buat tidak tahu kerana asasnya atau sebabnya ia tidak membuat penyelidikan selanjutnya.

Selepas produk ini diterima pakai, maka dia tidak buat apa-apa lagi kajian yang berterusan, dia tidak mengkaji sama ada pada jangka masa panjang, ada kesan buruk dan sebagainya, tidak. Jadi bagaimana kita akan mengenakan hukuman kepada orang ini kalau dia tidak mengakui dan dia sedar tentang kesan-kesan buruk terhadap produk yang dijual oleh pihak ini.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Puan Siti Zailah.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Chin. Saya tertarik dengan perkara yang dibahaskan oleh pihak Yang Berhormat berkenaan dengan kesan buruk kepada pengguna.

Saya ada satu pengalaman apabila satu bekas, ini berlaku kepada jiran saya, bekas beracun untuk penyembur nyamuk sebab tidak dilabelkan bagaimana cara pelupusan yang baik. Jadi apabila dibuang di dalam tong sampah, nasib tidak baik, seorang jiran ini membakar sampah dekat dengan kawasan itu, tin itu meletup. Kebetulan anak jiran saya melalui kawasan itu, terus menyambar muka kanak-kanak yang berumur empat tahun, sampai sekarang cacat.

Jadi perkara ini memang mengakibatkan kesan yang cukup besar. Jadi sekiranya perkara ini kita tidak ambil perhatian sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat, saya kira perkara ini bukan sahaja akan menjejaskan kepada pengguna racun itu tetapi cara pelupusan yang tidak betul ini juga memberi kesan yang besar kepada pengguna. Jadi, saya minta apa pandangan Yang Berhormat dalam perkara ini.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, mungkinlah sebab boleh berlakunya perkara-perkara yang sedemikian, maka peruntukkan baru 10A ini

diadakan dalam pindaan kepada Akta 149 ini. Perkara-perkara yang disebutkan oleh Puan Siti Zailah itu selalu berlaku dan biasanya dianggap sebagai satu kemalangan luar biasa yang tidak diinginkan tetapi sudah berlaku. Mangsa nampaknya tidak ada apa ganti rugi dan sebagainya. Oleh kerana itu maka peruntukan baru ini ada baiknya kerana sekarang ia memerlukan si pengedar racun ini supaya maklumkan kepada Lembaga sekiranya didapati racun yang diedarkan itu ada masalah. Kebimbangan saya ialah bagaimana satu pihak yang tahu satu perkara itu bahaya dengan relanya mengakui ini bahaya dan memberitahu Lembaga. Mungkin dia diam diri tidak sebut apa dan kementerian juga tidak tahu bahawa ada masalah. Kenapa dia sendiri mendedahkan kelemahan racun ini? Dan disebutkan supaya memberitahu Lembaga.

Saya ingin tanya bagaimana seseorang yang buat tidak tahu itu boleh dipaksa melaporkan kepada Lembaga. Dan apabila dia melaporkan kepada Lembaga, adakah dia mendedahkan diri sendiri kepada tindakan mahkamah dan sebagainya? Kalau ada risiko semacam itu siapa yang rela berbuat demikian?

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun seksyen ini sangat bagus pada pendapat syarikat kerana dia telah mengambil kira satu keadaan yang mungkin wujud selepas racun makhluk perosak itu didaftarkan dan diguna pakai, tetapi dari segi memerlukan si pengedar itu untuk memaklumkan kepada Lembaga ialah satu perkara yang susah dibuat. Saya khuatirlah sama ada pihak ini akan buat atau tidak dan kalau tidak atau diamkan diri, apakah kesan dan sama ada peruntukan semacam ini harus dipinda dengan lebih teliti supaya kita tahu apakah implikasi dan kita juga tahu apakah tanggungjawab pihak-pihak berkenaan. Itu lebih jelas daripada memerlukan pihak ini memberitahu sahaja kepada Lembaga.

Kalau aduan-aduan itu diterima oleh pengguna-pengguna yang menggunakan racun ini apakah pendirian kementerian? Adakah kementerian sendiri akan mengambil tindakan dan adakah kementerian sendiri ada pegawai-pegawai yang sentiasa membuat penyelidikan tentang semua racun makhluk perosak yang telah didaftarkan oleh kementerian itu? Membuat penyelidikan mungkin boleh bermaksud membaca perkembangan yang terkini dari internet, dari sumber-sumber lain, menghadiri persidangan antarabangsa atau tempatan untuk membincangkan hal-hal kesan racun makhluk perosak ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa adalah lebih proaktif kalau kementerian atau pendaftar dan pegawai-pegawainya sentiasa mengawasi keadaan dan sentiasa

mendapat maklumat yang terkini mengenai kesan buruk atau kesan baik sesuatu racun makhluk perosak yang telah didaftarkan di bawah kementerian itu. Bagi saya tindakan semacam itu lebih proaktif dan kita sudah tahu sebelum perkara ini menjadi satu perkara yang lebih rumit, kita sudah tahu bahawa masalah mungkin wujud dan dengan cepatnya tindakan-tindakan boleh diambil untuk mengetepikan sebarang kemungkinan.

Tuan Yang di-Pertua, itu bagi saya ialah satu perkara yang lebih baik dilaksanakan, iaitu mengadakan peruntukan undang-undang yang mencukupi mungkin *fi* bagi pendaftaran itu patut dikaji oleh kementerian untuk membolehkan kutipan-kutipan itu dibuat, supaya boleh masukkan unsur-unsur kajian dan penyelidikan oleh pegawai-pegawai dalam makmal-makmal kerajaan. Kita tahu kerajaan telah kenakan ses kepada kelapa sawit. Duit yang dikutip itu ialah bertujuan untuk membuat penyelidikan kepada mutu minyak kelapa sawit dan juga kepada kualiti tumbuh-tumbuhan kelapa sawit itu.

Itu telah membolehkan satu perkembangan yang pesat kepada industri kelapa sawit di Malaysia ini, mungkin kementerian itu juga boleh menggunakan cara sedemikian, kenakan satu *fi* pendaftaran yang lebih tinggi dan menggunakan bayaran-bayaran itu untuk tujuan menjaga kepentingan penggunaan racun ini dan juga industri kepada keseluruhannya. Dan kalau kita kata hanya memerlukan pihak ini supaya memberitahu Lembaga, maka saya dapati ini tidak mencukupi dan mungkin banyak pihak akan mengambil kesempatan supaya mendiamkan diri sahaja kenapa mahu umumkan, memberitahu kepada Lembaga dan kemudian menghadapi risiko dibawa ke mahkamah dan sebagainya, itu satu perkara.

Kalau kita mengkaji sejarah itu, ubat *Slim 10*, pengedarnya buat macam tidak tahu sehingga dibawa ke mahkamah dan bersabit salah, kerana ia mempunyai bahan-bahan yang bahaya. Di sini juga kita boleh bandingkan sedemikian, kalau pihak yang mengedarkan racun ini memberitahu Lembaga, apakah perlindungan yang diberi kepada pihak ini, adakah ia dilindungi dari segi undang-undang supaya kalau ada kesan yang buruk dia tidak dikenakan.

Ini adalah satu persoalan yang sangat besar, kalau dikatakan ia bebas daripada tindakan mahkamah, mungkin dia akan secara rela memberitahu kementerian, tetapi kalau di belakang pemikirannya boleh dikenakan hukuman, siapa rela hendak memberitahu.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen baru 14A itu menghendaki seseorang yang bercadang untuk menjalankan suatu percubaan itu ataupun penyelidikan di luar mahkamah supaya memohon permit, iaitu pada bacaan saya bercadang untuk menjalankan suatu percubaan ataupun penyelidikan di luar mahkamah mungkin maksudnya ialah mengguna pakai racun-racun yang telah *disynthesized* dalam makmal dan kemudian akan diuji mungkin di satu ladang, akan diuji tentang kesannya dan sebagainya. Untuk berbuat demikian ia memerlukan satu permit kepada projek tersebut dan Seksyen baru 14A itu memerlukan sesuatu pihak itu supaya melalui satu permohonan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu dua perkara bersabit dengan Seksyen baru 14A ini. Yang pertama ialah makmal penyelidikan yang disebutkan itu, yang mana asalnya telah dilakukan proses untuk membuat racun tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, adakah pada ketika ini semua makmal penyelidikan yang menjalankan penyelidikan sedemikian itu didaftarkan dan digazetkan oleh kementerian ataupun oleh kementerian yang lain. Ini ialah dari segi kawalan, kalau makmal-makmal di mana-mana tempat di Malaysia ini boleh menjalankan penyelidikan untuk racun ini, maka adakah itu membahayakan sekiranya ada apa-apa perkara yang tidak diingini itu berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada setiap makmal penyelidikan yang menjalankan penyelidikan untuk mencipta racun ini diketahui oleh kementerian atau didaftarkan di bawah kementerian. Ini adalah perkara yang pertama.

Berkenaan dengan percubaan luar daripada makmal yang memerlukan permit, adakah kementerian mengkaji supaya memperuntukkan kawasan-kawasan tertentu atau tanah-tanah tertentu supaya mana-mana pihak yang ingin menjalankan penyelidikan sedemikian boleh mendapat tanah yang dikenal pasti oleh kementerian untuk tujuan penyelidikan bagi racun-racun ini. Kalau kita ada kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti mungkin dari segi kawalan apa yang berlaku kerajaan dapat mengawasinya dengan lebih baik. Tetapi kalau ada terlalu banyak kawasan di merata-rata tempat dari segi kawalan, saya bimbang bahawa kawalan yang kurang rapat sahaja boleh diadakan dan akibatnya banyak daripada penyelidikan yang dibuat itu, di buat tanpa kelulusan, tanpa pengetahuan pihak berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu melihat satu keadaan sedemikian. Jadi, bagi saya adalah lebih baik kalau semua perkara ini dibuat dengan pengetahuan dan

kesedaran kerajaan ataupun agensi yang diberi tugas penguatkuasaan. Di kebanyakan tempat di negara kita tidak ada masalah tentang tanah yang sesuai. Saya minta bahawa perkara ini diberi perhatian, oleh kerana kalau mereka mengeluarkan dari makmal untuk membuat penyelidikan mungkin ada kesan kepada sumber air kita. Kalau percubaan racun dibuat di satu ladang yang ada satu sungai yang dekat, maka mungkin ada racun yang masuk ke dalam sungai ini dan kalau kita menggunakan air dari sungai ini untuk mandi, untuk minum dan sebagainya, maka kita akan menghadapi masalah.

Tuan Yang di-Pertua, kajian racun ini patut dilakukan di bawah kawasan yang sesuai dan juga di bawah pengawasan pihak yang sesuai. Kalau tidak bagaimana kita hendak mengelakkan daripada satu perkara seperti yang saya sebutkan itu, iaitu racun ini kalau dimasukkan dalam tanah, maka apabila hujan mungkin di bawah sana ada satu sungai, dan ini semua akan mengalir ke sungai lain dan nanti ini mungkin akan masuk ke laut dan sebagainya, akhirnya akan menjejaskan keselamatan kita.

Sungguhpun peruntukan baru 14A itu ada menyebut bahawa ia perlu satu permit, tetapi saya lihat tidak ada peruntukan sama ada mengawasi kawasan yang dibuat penyelidikan itu di luar dari makmal ataupun apakah tindakan-tindakan atau langkah-langkah yang harus diambil oleh pihak ini untuk menjaga keselamatan supaya tidak mencemarkan sungai-sungai dan juga sumber-sumber lain, yang digunakan bukan sahaja oleh pihak ini, mungkin oleh penduduk-penduduk di sekitar kawasan penyelidikan itu.

Bukankah ia lebih baik kalau kerajaan mengenal pasti tempat-tempat yang sesuai supaya penyelidikan ini dapat dijalankan, dan apabila sesuatu permohonan itu dibuat, adakah permit itu akan dikeluarkan begitu sahaja ataupun permit itu hanya boleh dikeluarkan selepas beberapa syarat yang ketat dikenakan. Ini tidak ada disebutkan dalam seksyen baru 14A itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat mengalu-alukan bahawa ini sedang diawasi kalau penyelidikan itu atau percubaan itu dibuat di luar makmal, tetapi dari segi peruntukan kawalan sama ada mencukupi atau tidak, ataupun lebih sesuai kalau kita memperuntukkan kawasan-kawasan tertentu untuk menjalankan kajian sedemikian dan selepas kajian itu kalau kita perlu melawat tanah di sana, maka senang juga bagi kita berbuat demikian kalau kita tahu di mana kawasan. Kalau di satu ladang yang terpencil, maka sukar bagi kita mengawasi apa yang berlaku di sana.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato', masa sudah cukup.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Saya sambung esok.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung besok.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan ini sehingga pukul 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.